



PARLIMEN MALAYSIA



**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEDUABELAS
2009**

**JAWAPAN-JAWAPAN PERTANYAAN JAWAB
LISAN HARIAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB
DALAM DEWAN RAKYAT DARIPADA
KEMENTERIAN**

HARI SELASA: 23 JUN 2009

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN
(SOALAN NO. 8 HINGGA 126)**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 7
[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

SOALAN NO. 8

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN **DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK SAPAWI BIN HAJI AHMAD
KAWASAN : SIPITANG
TARIKH : 23.06.2009 (SELASA)

Y.B. DATUK SAPAWI BIN HAJI AHMAD (SIPITANG) minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah pendekatan baru yang dilaksanakan untuk memperkasa program keusahawanan dan meningkatkan pembangunan industri kecil dan sederhana (IKS) dalam negara, berikutan penyerapan fungsi tersebut daripada Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi kepada **MITI**.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan pada dasarnya telah menetapkan bahawa beberapa bahagian dan fungsi di dalam **Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MECD)** diserapkan kepada **Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)**. Tiga (3) bahagian di MECD yang telah

diserapkan ke MITI ialah Bahagian Perancangan dan Penilaian, Bahagian Promosi dan Pemasaran serta Institut Keusahawanan Negara (INSKEN).

Penyerapan tiga (3) bahagian dan fungsi daripada MECD ini adalah bertujuan untuk menyelaraskan Program Keusahawanan dan Program Pembangunan IKS. Ia juga adalah untuk mengelakkan pertindihan fungsi di antara Kementerian. Seterusnya, ia dapat meningkatkan keberkesanan dan memantapkan program keusahawanan sedia ada selain penggunaan dana yang lebih berkesan.

Bagi memperkasakan lagi program keusahawanan, MITI mengambil pendekatan turun padang yang bertujuan untuk memahami keperluan dan kehendak usahawan supaya usahawan IKS dapat dibimbing untuk meningkatkan rantalan nilai serta mempunyai keupayaan untuk memasarkan produk ke peringkat antarabangsa.

SOALAN NO: 9

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN: LISAN
DARIPADA : YB [ALOR GAJAH]
TARIKH : SELASA, 23 JUN 2009
RUJUKAN : 06
SOALAN :

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan :

Sama ada langkah-langkah untuk memastikan kecantikan dan kebersihan rumah-rumah murah di bandar raya akan diperketatkan kerana ini akan menjejaskan usaha Kerajaan untuk membangunkan Kuala Lumpur sebagai "*first class city*".

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Alor Gajah, selaras dengan wawasan sebagai Sebuah Bandar Raya Bertaraf Dunia, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sentiasa berusaha untuk memperbaiki kualiti dan persekitaran perumahan di bandar raya Kuala Lumpur.

Perkara-perkara yang diberi tumpuan dalam usaha penambahbaikan persekitaran perumahan ini adalah termasuk :

- i) meningkatkan tahap penyelesaian dalam dan luar pembangunan perumahan;
- ii) meningkatkan peruntukan infrastruktur;
- iii) menyediakan utiliti dan kemudahan masyarakat ke tahap yang dinikmati oleh penduduk di bandar raya bertaraf dunia yang lain dan memperbaiki penampilan pembangunan perumahan;
- iv) menggalak dan menyetengahkan reka bentuk inovatif; dan

- v) menyediakan kemudahan yang selesa dan terkini, pelbagai pilihan serta kualiti kemasan dan susun atur yang menarik.

Tuan Yang Di-Pertua,

Bagi membangunkan Kuala Lumpur sebagai 'first class city', pemantauan kebersihan dan pengurusan bangunan-bangunan bertingkat termasuklah pangsapuri kos rendah telah dilaksanakan. Penyenggaraan terurus ini dilaksanakan melalui penubuhan Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Perbadanan Pengurusan (MC) serta tugas-tugas pemaju yang diperjelaskan oleh akta-akta tertentu. Akta-akta berkaitan termasuklah **Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2007 (Akta 663)** dan **Akta Hakmilik Strata 1985 (Akta 318)**.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, DBKL sedang membentuk satu pasukan khas bagi kerja-kerja memperbaiki lif untuk rumah-rumah awam dan PPR yang di bawah selenggaraannya. Dari segi kecantikan dan kebersihan bagi rumah-rumah di bawah selenggaraan DBKL pula, kerja-kerja pembersihan dilakukan setiap hari oleh

kontraktor berpenggal yang dilantik. Manakala, kerja-kerja mengecat bangunan pula dilakukan setiap lima hingga tujuh (7) tahun sekali.

Bagi projek-projek perumahan bangunan bertingkat milik swasta, kerja-kerja membersih dan mencantikkan bangunan tersebut adalah diletakkan di bawah tanggung jawab pemaju dan pemilik.

NO. SOALAN : 10

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL
(MACHANG)**

TARIKH : 23 JUN 2009

**SOALAN : TUAN SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL
(MACHANG)**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah rakyat yang dikategorikan sebagai miskin dan miskin tegar di Parlimen Machang mengikut tahun 2007, 2008 dan 2009 dan bilakah Kerajaan bercadang mengumumkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) baru untuk negara ini.

JAWAPAN: Y.B. TAN SRI NOR MOHAMED BIN YAKCOP

Tuan Yang Di-Pertua,

Jumlah rakyat yang dikategorikan sebagai miskin dan miskin tegar di Parlimen Machang untuk tahun 2007, 2008 sehingga Mei 2009 adalah seperti berikut:

SENARAI MISKIN/MISKIN TEGAR
DAERAH/PARLIMEN MACHANG BAGI TAHUN
2007, 2008 DAN SEHINGGA MEI 2009

TAHUN	MISKIN	MISKIN TEGAR
2007	385	311
2008	385	311
Sehingga Mei 2009	389	303

Kerajaan memutuskan untuk menyemak semula dan mengemaskini PGK setiap dua tahun semasa penyediaan Rancangan Malaysia Lima Tahun dan Kajian Separuh Penggal.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN ALEXANDER NANTA LINGGI (KAPIT)
TARIKH : 23.06.2009

SOALAN:

Y.B. TUAN ALEXANDER NANTA LINGGI [KAPIT] minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah permohonan yang diterima dari mereka yang ingin memasuki ke semua maktab perguruan di seluruh Negara dan berapa jumlah yang telah berjaya diterima masuk bagi kursus yang akan bermula pada bulan Jun/Julai 2009 ini. Sila beri maklumat ini dalam pecahan mengikut negeri-negeri.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah menerima sebanyak 68 ribu permohonan Program Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) bagi pengambilan Jun/Julai 2009. Daripada jumlah tersebut, hanya 8,000 calon sahaja yang layak ditemuduga dan 2,184 calon guru pelatih (seperti yang diunjurkan) akan ditawarkan untuk mendaftar di Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) pada 22 Jun 2009. Pengambilan Jun bagi program ini dikhaskan untuk memenuhi keperluan guru sekolah rendah di kawasan pendalaman khususnya Sabah dan Sarawak, dan kuota pengambilan Jun/Julai 2009 ini adalah 40% dari Sabah, 40% dari Sarawak dan 20% dari Semenanjung (berdasarkan penawaran). Calon-calon guru ini akan dihantar ke mana-mana IPGM di seluruh negara mengikut bidang kursus yang ditawarkan di IPGM tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi pengambilan calon Kursus Perguruan Lepas Sijil Pelajaran Malaysia (KPLSPM) bagi Ambilan Julai 2009, 10,000 calon sedang dalam proses saringan akhir untuk mengisi unjuran keperluan guru seramai 6,200 untuk mengikuti kursus Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) dalam pelbagai bidang dan Sarjana Muda TESL Pendidikan Rendah. Selain itu, untuk tawaran kursus perguruan di luar negara, 100 calon pilihan akan ditawarkan kursus perguruan mata pelajaran kritikal di bawah Program Pelajar Cemerlang. 15 calon akan ditawarkan untuk mengikuti kursus persediaan bagi program B.Ed Bahasa Perancis, 15 calon untuk program Bahasa Jerman dan 10 calon untuk Program Pelajar Cemerlang Pengajian Bahasa Cina di Beijing. KPM sedang membuat persiapan akhir dalam membuat saringan pembahagian calon mengikut negeri.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG (SEGAMBUT)
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 23.06.2009

Tuan Lim Lip Eng (Segambut) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapa hanya setelah di senarai hitamkan oleh pertubuhan OECD sebagai negara perlindungan cukai yang tidak bekerjasama, barulah Malaysia bersetuju untuk mematuhi peraturan cukai yang ditetapkan oleh pertubuhan itu dan adakah benar Malaysia sebuah negara "Tax Haven" sebelum itu.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, penyenaian hitam Malaysia (Labuan) oleh *Organisation for Economic Co-operation And Development* (OECD) sebagai negara yang tidak mematuhi piawaian percukaian antarabangsa (*internationally agreed tax standard*) telah dibuat secara unilateral tanpa merujuk terlebih dahulu dengan Kerajaan Malaysia. Malaysia belum pernah dikaitkan sebagai sebuah negara

yang tidak mematuhi piawaian percukaaian antarabangsa walaupun dari segi pembekalan maklumat berkaitan percukaaian. Oleh itu, Malaysia berpendirian bahawa adalah tidak perlu memakai sepenuhnya Artikel 26 mengenai *Exchange of Information* dalam Model Perjanjian Pengelakan Pencukaaian Dua Kali (*Double Taxation Agreement*) yang dipakai oleh semua negara ahli OECD. Tambahan pula, Malaysia tidak pernah dikategorikan sebagai "Tax Haven" oleh OECD sebelum ini.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : TUAN MATULIDI BIN JUSOH
TARIKH : 23 JUN 2009 (SELASA)
SOALAN : NO.13

Tuan Matulidi bin Jusoh [Dungun] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan agar mengkaji pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dipercepatkan penerimaan pinjaman dari satu semester kepada satu semester kepada satu bulan agar memudahkan pelajar baru menggunakan pinjaman tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengeluaran pembiayaan pendidikan PTPTN kepada pelajar dibuat sebanyak dua kali setahun iaitu sekali bagi setiap semester sehingga tamat tempoh pengeluaran. Pengeluaran akan dibuat dalam tempoh tidak melebihi 21 hari bekerja selepas PTPTN menerima dokumen perjanjian pembiayaan yang lengkap bagi pengeluaran kali pertama atau setelah menerima pengesahan status pelajar dari IPT bagi pengeluaran kali kedua dan seterusnya. Pengeluaran wang dengan menggunakan kaedah ini akan lebih cepat diproses dan pelajar akan menerima wang dengan lebih cepat berbanding pengeluaran secara bulanan.

Bagi pelajar-pelajar yang baru mendaftar, PTPTN menyediakan Wang Pendahuluan Pinjaman (WPP) berjumlah RM1,500 kepada peminjam yang layak sekiranya ditawarkan untuk mengikuti pengajian di IPTA bagi peringkat Diploma dan Ijazah Sarjana Muda. Tujuan pemberian WPP, ialah untuk membantu pelajar membuat persediaan awal untuk memasuki IPTA dan sekali gus meringankan beban kewangan yang terpaksa ditanggung oleh ibu bapa mereka.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN SIVARASA A/L K.RASIAH [SUBANG]
TARIKH : 23 JUN 2009
RUJUKAN : 1827

SOALAN:

Tuan Sivarasa A/L K.Rasiah [Subang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah warga Afrika dibenarkan masuk ke Malaysia untuk tahun-tahun 2005,2006,2007,2008 dan untuk tempoh 1 Januari 2009 hingga 31 Mei 2009 dan daripada jumlah ini berapakah yang masuk sebagai penuntut institusi pengajian tinggi dan sebagai pelawat. Seterusnya, apakah anggaran untuk tahun-tahun tersebut bagi jumlah warga Afrika yang ada di Malaysia tanpa kebenaran sah dan adakah anggaran purata untuk tempoh berapa lama warga Afrika menetap di Malaysia, sama ada secara sah atau tidak sah.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Subang yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, daripada Januari 2005 hingga April 2009, seramai 271,358 warga Afrika telah dibenarkan masuk ke negara ini. Daripada jumlah ini, seramai 33,257 orang telah masuk sebagai penuntut institusi pengajian tinggi (pelajar) dan seramai 238,101 orang masuk sebagai pelawat. Pecahan mengikut tahun dan kategori seperti berikut:-

KATEGORI / TAHUN	2005	2006	2007	2008	2009	JUMLAH
Pelajar	46,378	59,044	29,929	79,559	29,199	238,101
Pelawat	4,061	5,127	8,072	9,989	6,008	33,257
JUMLAH	50,439	64,171	38,001	89,548	23,191	271,358

Adalah sukar bagi menganggar jumlah warganegara Afrika yang berada di Malaysia secara tidak sah kerana kemasukan mereka adalah tidak teratur atau tidak melalui pintu masuk imigresen yang diwartakan. Oleh yang demikian, tempoh tinggal mereka di negara ini juga tidak diketahui kecuali mereka dapat ditangkap.

Bagi pelajar dan pekerja yang memasuki negara ini secara sah, tempoh tinggal mereka bergantung kepada tempoh sahlaku Pas Pelajar atau Pas Kerja mereka.

Soalan No: 15

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEDUA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATUK BILLY ABIT JOO
(HULU RAJANG)**

TARIKH : 23.06.09

SOALAN :

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah** menyatakan sama ada Kementerian mengadakan rancangan khas untuk membantu kaum Penan di Sarawak khususnya di kawasan Belaga, jika ya apa dan bila rancangan tersebut akan dilaksanakan.

JAWAPAN:

Tuan Yang diPertua,

Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah sememangnya telah, sedang dan akan melaksanakan program-program bagi membangunkan kawasan-kawasan mundur dan pedalaman terutamanya bagi negeri Sabah dan Sarawak. Pelaksanaan program-program di Sabah dan Sarawak lebih tertumpu kepada usaha merapatkan jurang pembangunan antara wilayah dengan fokus kepada kawasan-kawasan mundur dan pedalaman, meliputi:-

- i. prasarana asas dan utiliti;
- ii. pembangunan modal insan;
- iii. pembangunan ekonomi;
- iv. pembasmian kemiskinan;
- v. pembangunan wilayah dan kawasan termasuk Agropolitan; dan
- vi. program merapatkan jurang digital.

Program-program tersebut juga adalah merangkumi di kawasan Belaga yang mana terdapatnya kaum Penan di situ. Dalam pelaksanaan sesuatu program, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah melaksanakannya kepada semua kawasan dan kaum yang terlibat. Sehubungan itu, setakat ini masih belum ada program secara khusus untuk kaum Penan kerana program-program yang dijalankan adalah merangkumi untuk semua etnik yang berada dalam kawasan tersebut.

NO: 16

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN AZMIN BIN ALI
TARIKH : 23 JUN 2009

SOALAN

16

Y.B. Tuan Azmin bin Ali minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah usaha Kerajaan dalam menangani isu kenaikan tol di lebuh raya yang amat membebankan rakyat akibat dari perjanjian konsesi yang lebih berpihak kepada pemegang konsesi yang terbabit.

CADANGAN JAWAPAN

Kerajaan ketika ini sedang melaksanakan kajian ke atas isu-isu penswastaan lebuhraya bertol untuk memastikan pengguna lebuhraya bertol mendapat "*value for money*", dengan izin. Kerajaan sedang meneliti isu yang dibangkitkan oleh pengguna, kaedah untuk menanganinya dan implikasinya kepada pengguna, Kerajaan, syarikat konsesi, sentimen pasaran dan pelaburan jangka panjang serta keyakinan pelabur tempatan dan antarabangsa terhadap dasar-dasar pembangunan dan pelaburan oleh Kerajaan.

Kerajaan telah melaksanakan langkah jangka pendek dengan tidak menaikkan kadar tol lebuhraya bagi sesuatu tempoh. Bagi penyelesaian jangka panjang, Kerajaan sedang membuat kajian ke arah merangka pendekatan yang lebih holistik berhubung dengan lebuhraya bertol.

Tuan Yang Dipertua,

Berhubung dengan semakan semula perjanjian konsesi Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS) seperti yang disentuh oleh YB Kuala Terengganu, saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli

Dewan bahawa sejak tahun 90-an sehingga 2008, Kerajaan telah mengadakan perjanjian konsesi tambahan dengan PLUS berhubung penstrukturan semula struktur kadar tol masing-masing sebanyak 2 kali bagi Lebuhraya PLUS iaitu pada tahun 1999 dan 2001 dan 2 kali bagi Lebuhraya Utara-Selatan Hubungan Tengah (ELITE) juga di bawah PLUS iaitu pada tahun 2000 dan 2002. Kerajaan juga telah menanggung kenaikan kadar tol Lebuhraya PLUS sebanyak 4 kali iaitu pada tahun 1992, 1996 hingga 1998, 2007 dan 2008.

Perjanjian-perjanjian konsesi tambahan yang dibuat dengan PLUS adalah untuk menguatkuasakan penstrukturan semula kadar tol seperti berikut:

- i) pindaan kali pertama – kekerapan kenaikan daripada 3 tahun ke 5 tahun dengan purata kenaikan antara 7% hingga 33%;
- ii) pindaan kali kedua – pindaan peratus kenaikan kepada 10% dengan kekerapan kenaikan dipinda dari 5 tahun ke 3 tahun.

Langkah-langkah penstrukturan semula dan penangguhan kenaikan kadar tol bagi Lebuhraya PLUS ini dibuat setelah mengambil kira kepentingan pengguna serta kemampuan kewangan Kerajaan.

Tuan Yang Dipertua,

Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa mengambil langkah-langkah mengemas kini dan menambah baik pelaksanaan projek-projek penswastaaan terutamanya dalam memperkukuhkan terma dan syarat-syarat perjanjian konsesi untuk melindungi kepentingan rakyat.

Penetapan kadar dan struktur tol, termasuk peratusan dan kekerapan kenaikan tol bagi sesebuah lebuhraya juga dibuat bagi membolehkan syarikat konsesi membayar balik pinjaman yang telah dibuat, menyelenggarakan lebuhraya berkenaan dan memperolehi satu pulangan pelaburan jangka panjang yang munasabah seperti tertentu Lebuhraya-lebuhraya yang diswastakan tersebut telah dilaksanakan menerusi kaedah Bina-Kendali-Pindah di mana pihak sektor swasta mereka bentuk, membina, membiayai dan

mengendali operasi serta menyelenggara kemudahan lebuhraya bagi satu tempoh konsesi. Sebagai balasan, syarikat konsesi dibenarkan untuk mengutip tol pada kadar yang dipersetujui oleh Kerajaan. yang dinyatakan tadi.

Dalam pada itu, Kerajaan turut mengambil kira pandangan dan masalah rakyat dengan menyediakan jalan raya yang baik dan bebas tol sebagai laluan alternatif kepada lebuhraya bertol. Pada masa yang sama, kadar tol yang dikenakan kepada pengguna lebuhraya dibuat berdasarkan prinsip *user pay* adalah berpatutan dan munasabah.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEDUA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN CHUA TEE YONG
(LABIS)**

TARIKH : 23.06.09

SOALAN :

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah menyatakan apakah status pemberian tanah kepada 20,000 ketua keluarga Orang Asli di bawah dasar Pemberi Milikan dan Pembangunan Tanah. Adakah orang Asli di Labis juga turut mendapat pemberian tanah di bawah dasar ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 7 November 2008 telah bersetuju dengan Dasar Pemberimilikan dan Pembangunan Tanah Masyarakat Orang Asli yang mana telah menetapkan :

- i. pemilikan tanah berkeluasan 2 hingga 6 ekar untuk tanah ladang.
- ii. pemilikan tanah 5,000 kaki persegi hingga $\frac{1}{4}$ ekar untuk rumah.
- iii. pemberi milikan hanya diberikan kepada Ketua Isi Rumah (KIR) Orang Asli sahaja.

Pada masa kini, pihak Kementerian menunggu kelulusan daripada Mesyuarat Majlis Tanah Negara (MTN) sebelum dasar ini dapat dilaksanakan.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, Dasar Pemberimilikan Tanah yang dicadangkan adalah melibatkan kesemua masyarakat Orang Asli yang berada di Semenanjung Malaysia termasuk masyarakat Orang Asli di Labis.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB DATUK CHUA SOON BUI [TAWAU]
TARIKH : 23 JUN 2009 (SELASA)

SOALAN:

YB DATUK CHUA SOON BUI [TAWAU] minta PERDANA MENTERI menyatakan:

- (a) bagaimanakah Kementerian bercadang akan menyelesaikan masalah tuntutan pemilikan Sabah oleh pihak tertentu yang mewakili Kesultanan Sulu, terutama sekali selepas berlakunya peristiwa pembakaran bendera di Lahad Datu baru-baru ini; dan
- (b) adakah Kementerian mempunyai sebarang penyelesaian yang kekal untuk mempertikaikan 'tuntutan' tersebut.

JAWAPAN: YB. DATO' SERI MOHAMED NAZRI AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

Sebelum penubuhan Malaysia diisytiharkan secara rasmi, Suruhanjaya Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah meninjau pandangan penduduk Sabah dan Sarawak mengenai penyertaan Sabah dan Sarawak ke Malaysia. Suruhanjaya PBB yang diketuai oleh Lawrence Michaelmore telah membuat tinjauan tersebut dari 16 Ogos sehingga 5 September 1963. Berikutan dengan laporan PBB yang menunjukkan majoriti rakyat Sabah dan Sarawak menyokong penubuhan Malaysia, maka pada 16 September 1963 penubuhan Malaysia telah diisytiharkan secara rasminya.

Berikutan dengan penubuhan Malaysia secara rasmi pada 16 September 1963 Kerajaan Malaysia tidak pernah mengiktiraf tuntutan yang dibuat oleh Filipina, Kesultanan Sulu dan Brunei ke atas Sabah. Justeru, Kerajaan Malaysia tetap berpendirian untuk tidak melayan tuntutan-tuntutan tidak berasas tersebut.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN: LISAN

**DARIPADA : YB DATUK HAJI YUSOFF BIN HAJI
MAHAL [LABUAN]**

TARIKH : SELASA, 23 JUN 2009

RUJUKAN : 08

SOALAN :

**Datuk Haji Yusoff bin Haji Mahal [Labuan] minta
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN menyatakan :**

Pandangan berhubung status dan rancangan sebuah jambatan menghubungkan Labuan dan Sabah seperti mana turut disuarakan oleh mantan Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi. Adakah sebarang usul telah dipanjangkan kepada pihak Kementerian.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Labuan, rancangan pembinaan jambatan dari Labuan ke Menumbok/Mempakul, Sabah **masih lagi dalam peringkat kajian** dan sebarang keputusan akan hanya dibuat setelah kajian selesai dilakukan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG]

TARIKH : 23 JUN 2009

RUJUKAN : 1833

SOALAN:

Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan indeks kes jenayah yang berlaku seluruh negara sepanjang tahun 2007, 2008 dan 2009 dengan perincian setiap negeri dan apakah peranan setiap pihak untuk menurunkan kadar indeks ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada **Ahli Yang Berhormat Bukit Bintang** yang mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jenayah Indeks yang dilaporkan mengikut negeri di seluruh negara pada tahun 2007, 2008 dan sehingga bulan Mei 2009 adalah seperti berikut;

JENAYAH INDEKS TAHUN 2007

KONTINJEN	PERLIS	KEDAH	P.PINANG	PERAK	KL	S'GOR	NS	MELAKA	JOHOR	KELANTAN	T'GANU	PAHANG	SABAH	S'WAK	JUMLAH
JENAYAH KEKERASAN															
BUNUH	1	21	50	48	67	147	22	6	88	16	15	18	68	46	590
ROGOL	28	311	161	228	228	609	155	135	478	164	141	202	204	132	3,176
SAMUN B'KAWAN B'S/API	1	2	2	3	3	29	4	0	6	1	2	1	0	21	75
SAMUN B'KAWAN T/B'S/API	3	119	403	346	1,041	3,033	261	118	1,284	9	24	92	245	115	7,093
SAMUN BERSENJATAPI	3	14	17	14	30	83	6	0	20	2	1	1	1	5	197
SAMUN TANPA B'S/API	12	686	1,079	1,021	3,818	5,818	533	256	2,758	84	82	191	396	491	17,235
MENCEDERAKAN	42	498	563	572	740	1,602	249	207	778	309	146	213	389	487	6,793
JUMLAH	90	1,681	2,275	2,230	5,927	11,321	1,230	721	5,390	585	411	718	1,303	1,297	35,159
JENAYAH HARTABENDA															
CURI	167	2,908	4,324	2,881	6,234	10,131	2,227	1,520	3,991	982	1,029	2,377	3,134	2,741	44,646
CURI VAN/LORIJ/BERAT	2	69	87	145	803	2,157	111	36	708	86	22	102	230	689	5,047
CURI MOTOKAR	13	457	437	467	2,391	4,368	256	153	1,987	501	108	122	203	865	12,428
CURI MOTOSIKAL	381	4,973	6,464	4,565	7,604	18,982	1,838	1,852	10,790	2,224	2,337	2,170	278	3,148	67,806
CURI RAGUT	17	763	1,222	456	2,867	2,855	397	184	780	305	173	264	285	538	11,106
PECAH RUMAH SIANG	8	371	383	562	1,356	3,305	485	305	631	246	266	279	454	509	9,160
PECAH RUMAH MALAM	82	1,985	1,449	1,553	2,491	5,493	1,191	695	2,564	1,262	1,317	1,258	1,366	1,724	24,430
JUMLAH	670	11,528	14,386	10,629	23,546	47,271	6,505	4,745	21,451	5,606	5,252	6,572	5,950	10,314	174,423
JUMLAH JENAYAH INDEKS	760	13,167	16,661	12,859	29,473	58,592	7,735	5,466	26,841	6,191	5,663	7,280	7,253	11,611	209,582

JENAYAH INDEKS TAHUN 2008

KONTINJEN	PL	KD	PP	PK	KL	SL	NS	ML	JH	KN	TR	PH	SB	SR	JUMLAH
JENAYAH KEKERASAN															
BUNUH	3	26	46	58	55	185	29	14	98	15	6	13	67	39	654
ROGOL	48	309	183	237	186	643	199	129	571	250	150	208	240	145	3,494
SAMUN B'KAWAN B'S/API	7	15	13	5	24	50	8	1	12	18	2	5	2	20	182
SAMUN B'KAWAN T/B'S/API	4	557	1,121	1,191	4,661	7,848	784	341	3,799	88	68	288	588	508	21,804
SAMUN BERSENJATAPI	5	11	1	12	4	19	6	0	4	10	3	1	0	0	76
SAMUN TANPA B'S/API	7	357	411	242	896	1,399	137	150	661	116	53	79	163	288	4,959
MENCEDERAKAN	57	467	447	489	562	1,562	261	228	820	351	143	240	410	611	6,648
JUMLAH	129	1,742	2,222	2,234	6,388	11,706	1,424	863	5,965	828	425	832	1,450	1,611	37,817
JENAYAH HARTABENDA															
CURI	143	2,506	3,788	2,454	4,803	8,869	1,812	1,503	3,973	962	1,324	2,293	3,465	3,320	41,215
CURI VAN/LORIJBERAT	6	92	151	161	813	2,714	151	58	759	100	34	163	310	751	6,263
CURI MOTOKAR	8	682	753	530	3,178	5,458	382	142	1,745	763	186	143	244	984	15,198
CURI MOTOSIKAL	429	5,311	6,147	4,689	7,285	17,711	1,847	1,763	10,827	3,288	2,280	1,999	468	3,335	67,359
CURI RAGUT	17	589	1,103	387	2,181	1,840	272	191	15	315	230	248	419	398	8,205
PECAH RUMAH SIANG	13	238	497	593	1,449	3,836	368	234	70	127	0	272	599	822	9,118
PECAH RUMAH MALAM	63	1,947	1,990	1,533	2,341	5,618	1,412	852	3,270	1,388	1,516	1,289	1,543	1,708	26,470
JUMLAH	679	11,365	14,429	10,347	22,050	48,046	6,244	4,743	20,659	8,923	5,570	6,407	7,048	11,318	173,828
JUMLAH JENAYAH INDEKS	808	13,107	16,651	12,581	28,438	57,752	7,688	5,606	26,624	7,749	5,995	7,239	8,498	12,929	211,645

JENAYAH INDEKS TAHUN 2009 (SEHINGGA BULAN MEI)

KONTINJEN	PL	KD	PP	PK	KL	SL	NS	ML	JH	KN	TR	PH	SB	SR	JUMLAH
JENAYAH KEKERASAN															
BUNUH	1	18	23	24	35	57	5	6	31	3	2	9	38	16	269
ROGOL	15	136	80	102	57	285	83	49	223	114	65	89	104	88	1,490
SAMUN B'KAWAN B'S/API	5	6	2	3	11	12	2	0	2	2	1	0	0	5	51
SAMUN B'KAWAN T/B'S/API	2	216	460	620	3,057	3,322	381	104	1,489	38	43	160	151	210	10,233
SAMUN BERSENJATAPI	0	3	0	1	5	3	4	1	0	3	0	0	0	0	20
SAMUN TANPA B'S/API	3	137	140	105	440	442	68	43	339	15	14	34	58	42	1,880
MENCEDERAKAN	26	163	161	231	262	651	115	92	340	121	41	118	189	226	2,754
JUMLAH	52	700	866	1,086	3,867	4,772	638	295	2,424	296	166	408	540	587	16,697
JENAYAH HARTABENDA															
CURI	41	901	1,249	866	3,202	3,401	616	572	1,386	274	337	828	1,230	1,183	18066
CURI VAN/LORI/BERAT	3	48	110	103	338	833	37	16	259	31	25	68	132	290	2393
CURI MOTOKAR	3	243	327	248	1,340	1,802	147	100	761	409	120	83	123	361	6067
CURI MOTOSIKAL	184	2,089	2,580	2,082	2,817	6,526	756	570	3,678	1,200	1,143	857	276	1,214	28172
CURI RAGUT	6	208	391	233	1,554	808	164	70	5	91	67	117	192	268	4174
PECAH RUMAH SIANG	10	133	171	256	680	1,809	197	134	27	120	0	148	200	385	4270
PECAH RUMAH MALAM	28	850	962	614	1,024	2,252	711	416	1,109	443	508	547	669	797	10930
JUMLAH	275	4,472	5,790	4,402	10,955	17,531	2,628	1,878	7,425	2,568	2,200	2,648	2,822	4,478	70072
JUMLAH JENAYAH INDEKS	327	5,172	6,656	5,488	14,822	22,303	3,266	2,173	9,849	2,864	2,366	3,056	3,362	5,065	86,769

Tuan Yang Dipertua,

Pihak polis telah pun mengambil langkah-langkah agresif untuk menurunkan kadar jenayah iaitu;

- a) Mempertingkatkan operasi pencegahan jenayah yang menjadi kebimbangan masyarakat seperti jenayah ragut, pecah rumah siang hari, pecah rumah malam hari dan curi motosikal secara bersepadu dengan kerjasama RELA, JPJ dan agensi-agensi penguatkuasaan yang lain. Operasi tumpuan di kawasan 'hotspot' iaitu kawasan yang kerap berlakunya jenayah serta aktiviti samseng jalanan.
- b) Mempertingkatkan rondaan MPV, Bit dan Patrol secara berkala.
- c) Mewujudkan Balai-balai polis 'functional' dan dan pondok-pondok polis komuniti bagi memastikan kehadiran pihak polis adalah konsisten di kawasan-kawasan berkenaan.

Tuan Yang Dipertua,

Tindakan-tindakan yang dilaksanakan oleh pihak polis itu tidak akan berjaya sekiranya tanpa kerjasama daripada orang ramai dan seluruh masyarakat Malaysia. Dengan yang demikian, ingin saya menyeru agar seluruh rakyat termasuk badan-badan bukan kerajaan supaya membantu pihak kerajaan dalam menangani masalah ini.

NO: 21

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : DATUK TIONG THAI KING
(LANANG)
TARIKH : 23.06.2009
NO SOALAN : 21

DATUK TIONG THAI KING (LANANG) minta **MENTERI PERDAGANGAN**
DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan:-

- (a) bilangan pengguna yang melaporkan kes penipuan alat timbang digital pada tahun 2006, 2007 dan 2008; dan
- (b) apakah langkah-langkah berkesan yang telah diambil untuk membanteras penipuan alat timbang digital untuk menjamin hak pengguna.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian ada menerima aduan dari pengguna mengenai kes penipuan alat timbang digital. Sepanjang tahun 2006, sebanyak 60 aduan mengenainya telah direkodkan, 45 aduan bagi tahun 2007 dan 64 aduan diterima bagi tahun 2008.

Kementerian telah dan sentiasa mengambil langkah serius bagi membendung dan membanteras penipuan seumpama ini. Kementerian mempergiatkan pemeriksaan dan penguatkuasaan di samping menjalankan siasatan segera ke atas aduan yang diterima. Penguatkuasaan turut ditumpukan ke atas premis di pasar-pasar basah, pasar tani, pasar malam, kedai-kedai runcit, pasar mini, pasaraya, hypermaket dan juga di premis mesin penimbang kenderaan "*weighbridge*" berhubung perkara-perkara berikut;-

- i) memastikan alat timbang yang digunakan masih belum tamat tempoh sahnya serta mematuhi perintah bentuk;
- ii) memastikan "seal" penentusahan dalam keadaan sempurna dan tidak mencurigakan.
- iii) membuat perbandingan timbangan melalui Standard Kerja bagi memastikan alat timbang berada di dalam had selisih dibenarkan.

Di samping itu, Kementerian juga memantau dan mengawalselia ke atas syarikat serta pembaik yang dilesenkan di bawah Akta Timbang dan Sukat 1972.

Walaupun Kementerian bertanggungjawab bagi memastikan alat timbang digital yang digunakan dalam perdagangan sentiasa dalam keadaan sempurna dan mematuhi undang-undang, pengguna juga digalakkan supaya sentiasa memberikan tumpuan semasa timbangan ke atas barang dilakukan oleh peniaga.

DISEDIAKAN OLEH

Nama : Encik Abd. Rahim bin Omar dan
Encik Peter J. Berinus Agang
(03 88826152 & 016 8158554)
Bahagian Penguatkuasa
(Tel: 8882 6018)

DISEMAK OLEH

Nama : Encik Khalid bin Tik
Pengarah Unit Timbang & Sukat
Bahagian Penguatkuasa
(Tel: 019 4400887

DILULUSKAN OLEH

Nama : Puan Mahani Tan Abullah
Timbalan Ketua Setiausaha (K&P)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHD. ABDUL WAHID BIN ENDUT
[KUALA TERENGGANU]**

TARIKH : 23 JUN 2009

RUJUKAN : 1832

SOALAN:

Tuan Mohd. Abdul Wahid bin Endut [Kuala Terengganu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah hasil siasatan dan tindakan yang telah diambil oleh individu atau kumpulan yang terlibat menghina DYMM Sultan Terengganu semasa bantahan pelantikan Menteri Besar Terengganu dengan mempamerkan kain rentang "KAMI NAK DERIS, NATANG".

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kuala Terengganu yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, kes berkenaan disiasat mengikut seksyen 4(1)(b) Akta Hasutan 1948 dan kertas siasatan telahpun dikemukakan kepada Pendakwa Raya di mana pihak Pendakwa Raya memutuskan tiada pendakwaan dibuat.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**
DARIPADA : **DATUK JUSLIE BIN AJIROL**
TARIKH : **23 JUN 2009 (SELASA)**

SOALAN:

Datuk Juslie bin Ajirol [Libaran] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah Kerajaan dalam memelihara ekuiti Bumiputera apabila pelaksanaan liberalisasi 27 sub-sektor perkhidmatan dijangka memberi satu persekitaran perniagaan yang kondusif.

CADANGAN JAWAPAN:

Tuan Yang di Pertua,

Pengumuman liberalisasi 27 sub-sektor perkhidmatan dan sektor kewangan merupakan usaha Kerajaan untuk menggalakkan pelaburan tempatan dan asing menerusi persekitaran pasaran yang mesra pelabur. Langkah liberalisasi ini adalah usaha berterusan pihak Kerajaan untuk merangsang ekonomi negara bagi mencapai kadar pertumbuhan yang lebih baik pada masa hadapan. Selaras dengan pendekatan pembangunan 'pertumbuhan dengan pengagihan',

pertumbuhan ekonomi adalah penting bagi membolehkan Kerajaan melaksanakan program untuk meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam ekonomi secara berkesan dan berkekalan.

Terdapat pelbagai program yang membantu ke arah peningkatan pemilikan ekuiti korporat Bumiputera dan program-program ini akan terus dilaksanakan. Antaranya termasuk program latihan keusahawanan dan penyediaan kemudahan tabung-tabung pinjaman. Peranan institusi Bumiputera seperti Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan Tabung Haji akan terus diperkukuh bagi menggembeng pelaburan individu Bumiputera sebagai salah satu langkah untuk meningkatkan pemilikan ekuiti Bumiputera melalui unit saham amanah, selain memperolehi sumber kewangan yang lebih teguh bagi melaksanakan projek yang lebih besar dan mempelbagaikan pelaburan. Pemilikan Bumiputera dalam hartanah kediaman dan komersial juga dipertingkatkan melalui agensi seperti Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA), Yayasan Amanah Hartanah Bumiputera dan Majlis Amanah Rakyat (MARA).

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

NO: 24

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DR CHE ROSLI BIN CHE MAT
(HULU LANGAT)
TARIKH : 23.06.2009
NO. SOALAN : 24

DR CHE ROSLI BIN CHE MAT (HULU LANGAT) minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi memberi peluang syarikat Bumiputera sebagai pembekal barangan kepada kedai Mesra (Petronas) tanpa dikenakan apa-apa bayaran cagaran.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Dalam usaha untuk memastikan produk usahawan Bumiputera dapat dipasarkan secara meluas di seluruh rangkaian Kedai Mesra Petronas, Kementerian telah melaksanakan pelbagai pendekatan yang meliputi aspek promosi dan pemasaran, pembangunan dan peningkatan kualiti produk serta kerjasama dengan Petronas menerusi program yang dilaksanakan oleh Kementerian.

Setakat ini, Kementerian telah melaksanakan program *business matching* yang melibatkan syarikat-syarikat IKS Bumiputera dengan pihak Petronas Dagangan Berhad. Dengan adanya *business matching* ini, Kementerian berharap lebih banyak lagi produk-produk Bumiputera yang akan dibenarkan untuk dijual di kedai-kedai Mesra ini. Terdapat produk yang telah dibangunkan di bawah program Kementerian telah pun diterima dan mendapat tempat di Kedai-kedai Mesra seperti makanan ringan, jus minuman dan juga makanan sejuk beku. Sungguhpun begitu, Kementerian akan meningkatkan lagi kerjasama dengan Petronas untuk meluaskan pasaran bagi produk-produk usahawan yang terpilih yang menepati standard piawaian. Dalam hal ini, Kementerian akan bekerjasama dengan SIRIM Berhad dan MARDI bagi menyediakan perkhidmatan untuk membangunkan produk-produk usahawan bumiputera daripada aspek pembungkusan, kualiti produk dan pelabelan.

Pengurusan kedai Mesra Petronas adalah terletak di bawah tanggungjawab Petronas Dagangan Berhad dan sebarang syarat seperti bayaran cagaran yang dikenakan perlu dirujuk dengan pihak berkenaan. Namun demikian, pembincangan boleh diadakan dengan pihak Petronas untuk membantu IKS.

DISEDIAKAN OLEH

Nama : Abd. Rahim bin Hassan
Bahagian Pembangunan Perniagaan Usahawan

DILULUSKAN OLEH

Nama : Puan Mahani Tan Abdullah
Timbalan Ketua Setiausaha (K&P)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA MOJILIP BIN
BUMBURING @ WILFRED [TUARAN]

TARIKH : 23 JUN 2009 (SELASA)

SOALAN :

DATUK SERI PANGLIMA MOJILIP BIN BUMBURING @ WILFRED [TUARAN] MINTA MENTERI KERJA RAYA menyatakan berapakah jumlah projek jalan raya dan jambatan yang telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan bagi kawasan Tuaran dan berapakah jumlah projek yang akan dilaksanakan dalam tahun 2009.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya telah diluluskan satu projek berhampiran Tuaran iaitu Projek Naiktaraf Jalan Tuaran dari Inanam ke Menggatal (km10.4 - km14.3) dan dijangka dilaksanakan mulai September 2009.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, selain daripada projek Kementerian Kerja Raya tersebut, Kerajaan Persekutuan juga telah meluluskan sebanyak lima (5) buah projek jalan luar bandar di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) dengan siling sebanyak RM95.28 juta. Manakala, empat (4) projek diluluskan di bawah Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU, JPM) dengan siling sebanyak RM33.64 juta.

Kesemua lima (5) projek dilaksanakan oleh KKLW kini sedang dalam pembinaan. Manakala empat (4) projek di bawah ICU, JPM pula, 1 projek dalam pembinaan, 2 projek dalam proses tender dan 1 projek dalam proses pelantikan perunding.

Mengenai projek penggantian jambatan di kawasan Tuaran pula, Kementerian Kerja Raya kini sedang menggantikan jambatan uzur di Sg. Topokan, Tuaran dengan kos sebanyak RM3.1 juta. Kerja-kerja pembinaan sedang rancak dijalankan dan ianya dijangka siap pada Disember 2009.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. TUAN MOHD NASIR ZAKARIA
[PADANG TERAP]
TARIKH JAWAPAN : 23 JUN 2009 (SELASA)
DI DEWAN RAKYAT

SOALAN

YB. TUAN MOHD NASIR ZAKARIA minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU, DAN AIR** menyatakan status terkini Projek Bakun dari segi isu teknikal dan kewangan dan "project milestone" projek tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Projek Hidro Elektrik Bakun yang meliputi kawasan tadahan seluas 14,750 kilometer persegi (km²) serta kawasan takungan air seluas 695 kilometer persegi (km²) mempunyai kapasiti terpasang atau *installed capacity*, dengan izin, sebanyak 2400 MW. Status kemajuan fizikal keseluruhannya sehingga bulan April 2009 adalah sebanyak 90.75%.

Kos Projek Hidro Elektrik Bakun dianggarkan sebanyak RM 7.875 billion. Antara komponen utama bagi Projek ini adalah pembinaan empangan dan pemasangan 8 unit turbin. Kerja-kerja pembinaan struktur utama empangan dijangka siap pada Jun 2010 manakala kerja-kerja pemasangan 8 unit turbin tersebut pula akan dilakukan secara berperingkat-peringkat. Pemasangan 4 turbin yang

pertama dijangka siap pada Julai 2010 sementara pemasangan 4 turbin yang seterusnya pada Oktober 2011. Di samping itu, penakungan air untuk keseluruhan empangan ini akan mengambil masa selama 18 bulan yang mana dijangka akan dimulakan pada bulan Oktober 2009. Berdasarkan perancangan yang dibuat, bekalan elektrik yang dihasilkan daripada Projek Hidro Elektrik Bakun akan disalurkan ke Semenanjung Malaysia melalui pembinaan infrastruktur talian penghantaran atas dan kabel dasar laut sejauh 1,676 kilometer (km). Walau bagaimanapun, sehingga kini, kerja-kerja pembinaan infrastruktur bagi projek penyaluran ini masih belum lagi dimulakan memandangkan pelbagai aspek berkaitan perlu diselesaikan terlebih dahulu seperti kerja-kerja berkaitan *route survey*, dengan izin, Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) dan sebagainya.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK SIRINGAN BIN GUBAT
[RANAU]
TARIKH JAWAPAN : 23 JUN 2009 (SELASA)
DI DEWAN RAKYAT
SOALAN : NO. 27

SOALAN

Datuk Siringan bin Gubat minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU, DAN AIR** menyatakan sama ada Kerajaan meneruskan niat untuk memberi bekalan elektrik daripada Empangan Hidro Bakun ke Sabah memandangkan penekanan baru lebih kepada Semenanjung Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Mengikut perancangan semasa, tenaga elektrik sebanyak 1,600MW akan disalurkan daripada Empangan Hidro Bakun ke Semenanjung. Ini adalah kerana "*demand centre*", dengan izin, bagi tenaga elektrik adalah di Semenanjung. Antara faktor yang telah diambil kira dalam membuat perancangan untuk menyalurkan bekalan elektrik dari BAKUN ke Semenanjung adalah seperti berikut:

- a. Kos bagi menyalurkan tenaga elektrik daripada Bakun ke Sabah adalah terlalu tinggi dan tidak setimpal dengan anggaran permintaan, iaitu dalam lingkungan 300MW sahaja. Pelaburan yang besar tersebut adalah lebih sesuai digunakan untuk membina stesen-stesen jana kuasa di Sabah yang bersesuaian dengan permintaan tempatan serta lebih kos efektif;
- b. Pembinaan talian penghantaran yang jauh dan perlu melalui bukit-bukau dan kawasan hutan simpanan. Keadaan sedemikian akan memberikan kesan kepada, dengan izin, *system security* kerana kadar kebergantungan terhadap penyaluran bekalan elektrik daripada Empangan Bakun yang terlalu tinggi; dan

C. Penyaluran bekalan elektrik daripada Empangan Bakun hanya dapat disalurkan ke bahagian Pantai Barat Sabah. Sehubungan itu, masalah kekurangan bekalan elektrik di Pantai Timur masih tidak dapat diselesaikan.

Walau bagaimanapun, dalam perancangan pembangunan tenaga elektrik berasaskan sumber hidro bagi negeri Sabah, Kerajaan telah mengenal pasti dua (2) stesen jana kuasa hidro yang berpotensi, iaitu di Ulu Padas (150MW) dan di Liwagu (150MW).

Bagi jangka panjang, Kerajaan juga sedang mengkaji potensi pembangunan sumber hidro di negeri Sarawak yang berdekatan dengan Sabah, iaitu di kawasan Limbang dan Lawas. Melalui usaha-usaha ini, Kerajaan berharap negeri Sabah akan mempunyai bekalan elektrik yang mencukupi dan berdaya harap di masa hadapan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS [TELUK
KEMANG]
TARIKH : 23 JUN 2009
SOALAN :

Dato' Kamarul Baharin Bin Abbas (Teluk Kemang) minta MENTERI KESIHATAN menyatakan :

- (a) kesahihan kajian yang menyatakan rokok mengandungi lebih 4000 bahan kimia yang akan menyebabkan penyakit kronik seperti kanser paru-paru, kanser mulut, leher, gangren, kelahiran bayi pra-matang dan keguguran janin; dan
- (b) kenal pasti bahan kimia yang mana mengakibatkan penyakit-penyakit tersebut

Tuan Yang di-Pertua,

Bahaya merokok terhadap kesihatan dan nyawa manusia serta haiwan telah terbukti secara saintifik tanpa apa-apa keraguan atau sebarang elemen kontroversi lagi. Kesan kemudaratan ini disebabkan oleh kandungan sekurang-kurangnya 4,000 jenis bahan kimia beracun dalam asap rokok yang terhasil semasa proses pembakaran (*combustion*) bagi hasil tembakau bersama-sama dengan pelbagai aditif (*additives*) yang ditambahkan ke dalam produk itu. Asap rokok terdiri dari kompleks campuran bahan-bahan asli dalam tembakau (seperti nikotina), sisa-sisa racun yang terlekat pada daun tembakau semasa proses

penanaman, tuaian dan pengawitan (seperti dioxin dan asid benzoik), logam-logam berat (seperti arsenik, kadmium dan plumbum) kompaun-kompaun yang terbentuk semasa tindakbalas kimia pada suhu tinggi (seperti kompaun organik, kompaun nitrogen dan kompaun separa-volatil / *semi volatile compounds*), gas-gas toksik (seperti karbon monoksida, ammonia dan hidrogen sianid / *hydrogen cyanide*), bahan radioaktif (seperti polonium-210 dan radium) serta bahan habuk partikel (*suspended particulate matter*) yang terhasil dalam pelbagai saiz. Penemuan bahan-bahan ini dilakukan oleh pelbagai makmal dari agensi-agensi berwibawa di seluruh dunia termasuk *The International Agency for Research on Cancer* (www.iarc.fr), *US Environmental Protection Agency* (www.epa.gov), *US National Cancer Institute* (www.cancer.gov), *UK Cancer Research Council* (www.cancerresearch.org) dan banyak lagi. Maklumat mengenainya telah diterbitkan di dalam pelbagai jurnal sains antarabangsa yang terkemuka.

Di dalam monograf terbitan *IARC* pada Julai 2002 yang bertajuk *Volume 83 - Tobacco Smoke and Involuntary Smoking*, butiran bagi kesan dari bahan-bahan penyebab kanser atau karsinogen jelas dihuraikan. Ini termasuklah perincian tentang proses *carcinogenicity* yang terbabit di peringkat sel manusia sehinggalah terhasilnya kanser paru-paru, kanser mulut, kanser tekak, leukemia dan banyak lagi kanser-kanser lain. Antara bahan karsinogen utama ialah *Tobacco Specific Nitrosamines (TSNA)*, *Cadmium*, *Formaldehyde* dan *Polycyclic Aromatic Hydrocarbon (PAH)* seperti *benzo[a]pyrene*.

Gabungan kimia toksik dalam asap rokok apabila diserap melalui paru-paru akan memasuki saluran darah lalu mengalir ke seluruh tubuh perokok. Selain mampu merosakkan dinding saluran darah (arteri), bahan-bahan seperti arsenik dan plumbum juga boleh mengubah kepekatan dan konsistensi darah dan menyebabkan arteri menjadi sempit sehingga boleh tersumbat dan menjejaskan fungsi organ di mana darah itu dibekalkan. Sebagai contoh, sekiranya saluran terbabit membekalkan darah ke jantung, akibatnya adalah serangan sakit jantung dan sekiranya ke otak maka akan berlaku serangan strok. Merokok

diketahui menjadi penyebab penting bagi *peripheral vascular diseases (PVD)* di mana saluran darah ke anggota tangan dan kaki menjadi terjejas. Apabila ini berlaku, komplikasinya ialah kejadian *gangrene* dan amputasi atau kudung anggota tangan / kaki.

Apabila seorang wanita sedang hamil sering terdedah kepada asap rokok, sama ada secara aktif mahupun pasif, racun-racun itu turut dikongsikan bersama janin yang dikandungkannya. Sama sebagaimana keadaan yang telah disebutkan sebelum ini, saluran yang membekalkan darah kepada janin juga boleh terjejas. Antara ribuan kimia toksik dalam asap rokok, banyak jenis daripadanya telah dikenal pasti sebagai mutagenik atau perosak komponen genetik manusia di peringkat *cellular* sehingga menyebabkan kecacatan bayi. Ini termasuklah *DDT* dan *Methoprene*. Bergantung kepada bagaimana teruknya kerosakkan dan keadaan sel tubuh, komplikasi yang boleh menyusuli ialah kelahiran bayi pra-matang dan keguguran janin.

Walaupun penerangan saintifik tentang hal berkaitan kesan merokok boleh dianggap sangat teknikal daripada aspek perubatan, biokimia dan toksikologi, namun ianya boleh difahami dan mudah diperoleh melalui internet, apabila dibuat carian (*search*) dengan menggunakan kata kunci (*keywords*) yang sesuai. Contoh rujukannya; <http://www.quitsmokingsupport.com/ingredients.htm>

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK RICHARD RIOT ANAK JAEM
[SERIAN]

TARIKH : 23 JUN 2009

RUJUKAN : 1835

SOALAN:

Datuk Richard Riot anak Jaem [Serian] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan rancangan Kementeriannya untuk memartabatkan pasukan RELA.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Serian yang mengemukakan pertanyaaan.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, kementerian saya melihat pasukan RELA yang jumlah anggotanya seramai 559,747 orang yang terdiri daripada pelbagai kaum mempunyai pontensi yang besar untuk digerakkan kearah penyatuan bangsa dan perlaksanaan untuk mencapai harapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bagi membentuk satu Malaysia. Saya akan membawa pendekan dengan menonjolkan persenaliti yang berwajah tegas dan tidak berkompromi dalam penguatkuasaan undang-undang dan persenaliti yang berwajah mesra rakyat bagi agensi yang menyediakan perkhidmatan dan khidmat sukarela seperti yang dilaksanakan oleh pasukan RELA.

Diantara rancangan yang akan dilaksanakan adalah seperti berikut :

- i. Membentuk satu pasukan sukarelawan yang membawa imej mesra rakyat. Menonjolkan peranan RELA dalam konteks khidmat sukarela di dalam masyarakat. Aktiviti-aktiviti yang akan dilaksanakan adalah untuk membentuk masyarakat yang berdisiplin, mengamalkan nilai-nilai murni dan memupuk semangat patriotik.
- ii. Menjadikan RELA sebagai medium untuk penyaluran maklumat bagi mencapai matlamat perpaduan bangsa dan mengekang gejala negatif dikalangan anggota masyarakat.
- iii. Menambahkan keahlian RELA dan meningkatkan penyertaan dari kaum bukan melayu untuk mensasarkan penambahan ahli seramai 2.5 juta orang menjelang akhir tahun 2012. Dikalangan

anggota-anggota RELA pelbagai kaum pula akan di adakan aktiviti untuk mengujudkan interaksi diantara mereka kearah pembentukan satu Malaysia.

- iv. RELA akan terus melaksanakan operasi menangkap PATI dengan melaksanakan secara professional dan berhemah. Bagi melaksankannya pegawai dan anggota RELA akan diberi kursus untuk meningkatkan kemahiran dan tahap professional yang tinggi bagi membolehkan mereka melaksanakan tugas secara berkesan dan penuh integriti.
- v. Menambahkan bilangan anggota untuk diberikan Skim Insuran Berkelompok sebagai penghargaan kerajaan kepada pasukan RELA.

NO SOALAN :30

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK
(SIK)**

TARIKH : 23 JUN 2009

SOALAN:

Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [Sik] minta Perdana Menteri menyatakan dasar penyusunan tempat bertugas guru KAFA yang memisahkan jarak suami dan isteri yang bekerja. Atas dasar kemanusiaan dan keluarga penyayang dan keselesaan berkhidmat, adakah Kementerian bercadang menimbang semula kedudukan penempatan ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Pada dasarnya perlantikan guru KAFA yang dilaksanakan pada masa ini telah mengambil kira kebajikan guru-guru tersebut. Urusan perlantikan diuruskan oleh agensi pelaksana program KAFA di

peringkat negeri dan berdasarkan permohonan guru di negeri berkenaan.

Walaupun bagaimanapun, bagi kes-kes tertentu yang melibatkan kepentingan kedua-dua pihak iaitu guru dan perkhidmatan, maka semakan semula dan pertimbangan yang sewajarnya sentiasa diberikan perhatian. Dalam keadaan ini, aspek kebajikan dan kekosongan perjawatan bagi penempatan guru terbabit adalah menjadi asas pertimbangan.

Justeru itu, untuk melancarkan pelaksanaan program KAFA, JAKIM telah mengeluarkan Garis Panduan yang perlu dipatuhi oleh agensi pelaksana program KAFA sepanjang masa.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI MOHD NOR BIN OTHMAN
(HULU TERENGGANU)
TARIKH : 23.06.2009

SOALAN:

Y.B. TUAN HAJI MOHD NOR BIN OTHMAN [HULU TERENGGANU] minta Menteri Pelajaran menyatakan sejauh mana tindakan penempatan Juruteknik Komputer membantu sekolah ke arah pembestarian seklolah.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) memastikan antara elemen penting dalam pembestarian sekolah ialah penyediaan kemudahan makmal komputer dan Pusat Akses yang boleh digunakan secara maksima. Oleh hal yang demikian, peranan **1,607 Juruteknik Komputer gred FT17** yang telah ditempatkan di sekolah-sekolah di seluruh Malaysia amatlah penting dalam menyelenggara makmal komputer dan pusat akses bagi memastikan program pembestarian ini berjalan lancar.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN KULASEGARAN A/L MARIMUTHU (IPOH BARAT)
TARIKH : 23.06.2009

SOALAN:

Y.B. TUAN KULASEGARAN A/L MARIMUTHU [IPOH BARAT] minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kementerian mempunyai apa-apa rancangan untuk membina sekolah baru Cina, Tamil ataupun Sekolah Kebangsaan di kawasan Bercham, Ipoh. Jika ya, di mana dan jika tidak, kenapa.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Pada masa ini Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) berpendapat tiada keperluan mendesak untuk membina sekolah baru sama ada SJKC atau SJKT di Bercham kerana pada masa sekarang terdapat sebuah sekolah aliran perdana iaitu SK Pakatan Jaya dengan kapasiti 36 bilik darjah akan dibuka pada Jun 2009. Pengoperasian sekolah tersebut dapat menampung keperluan murid-murid di kawasan berkenaan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU
[TELUK INTAN]**

TARIKH : 23 JUN 2009

SOALAN :

Y.B. Tuan Manogaran a/l Marimuthu (Teluk Intan) minta PERDANA MENTERI menyatakan :-

- (a) apakah tahap kerja-kerja peningkatan dan pengawasan banjir di seluruh kawasan Teluk Intan pada masa ini; dan
- (b) apakah sumbangan segera untuk mangsa-mangsa banjir dan banjir kilat yang sedia ada dan bagaimana mereka boleh terima bantuan ini.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

a) Tahap kerja-kerja peningkatan dan pengawasan banjir di seluruh kawasan Teluk Intan dapat dilaksanakan dengan pendekatan secara langkah jangka panjang dan jangka pendek.

1. Langkah Jangka Panjang

Bandar Teluk Intan terletak di atas sebuah tanjung di mana tanahnya datar dan rendah serta dikelilingi oleh Sungai Perak dan Sungai Bidor. Ia dipengaruhi oleh kesan daripada fenomena pasang surut dan paras tanah adalah di antara 1.6 meter hingga 2.5 meter serta sebahagian besar lebih rendah daripada paras air pasang. Oleh itu ia sentiasa ditenggelami air. Bandar Teluk Intan terdedah kepada ancaman banjir air pasang surut serta hakisan dan keruntuhan tebing sungai.

Pada Julai tahun 1990, Jabatan Pengairan dan Saliran telah melantik sebuah Firma Perunding untuk menjalankan satu kajian kawalan hakisan dan menyediakan plan induk untuk menyelesaikan dan mengatasi masalah banjir yang berlaku di Bandar Teluk Intan. Juruperunding yang sama telah menjalankan rekabentuk terperinci bagi aspek tebatan banjir dan kerja memperbaiki sistem saliran dalaman Bandar Teluk Intan. Daripada plan

induk tersebut jabatan telah membahagikan cadangan tersebut kepada beberapa pakej. Objektif Projek ini ialah untuk mencegah banjir akibat air pasang surut dari Sungai Perak dan menyediakan satu sistem saliran dalaman yang sempurna untuk Bandar Teluk Intan.

2. Langkah Jangka Pendek

Pada bulan Oktober 1999, banjir yang berlaku disebabkan air pasang tinggi dan keruntuhan benteng sungai Perak dalam Bandar Teluk Intan yang melibatkan kawasan Kampung Pasir Berdamar. JPS telah menjalankan kerja membina semula benteng sungai yang runtuh tersebut pada Disember 2000. Pada masa yang sama juga jabatan telah memantau dan mengenalpasti semua kawasan yang perlu diberi perhatian dan telah menjalankan kerja pembinaan benteng sungai.

Sebagai langkah jangka pendek sehingga kini jabatan telah menyenggara benteng Sungai Perak sedhada sepanjang 18 kilometer dengan meninggikannya di lokas-lokasi yang telah berlaku pemendapan dan keruntuhan tebing.

Apabila kerja-kerja ini dapat disiapkan sepenuhnya, masalah banjir di Bandar Teluk Intan yang disebabkan oleh air pasang dari Sungai Perak dan Sungai Bidor akan dapat diatasi. Bandar Teluk Intan akan mempunyai satu sistem saliran yang sempurna dan teratur. Di samping itu perubahan ini akan mewujudkan satu keadaan baru dan mempercepatkan perkembangan Bandar ini serta meningkatkan kualiti persekitaran disini.

Tuan Yang Dipertua,

b) Terdapat beberapa jenis bantuan yang diberikan kepada rakyat semasa bencana banjir iaitu bantuan berbentuk barangan keperluan dan makanan semasa kejadian serta bantuan ihsan berbentuk kewangan selepas kejadian tersebut.

1. Pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bertanggungjawab menyediakan bantuan semasa kejadian banjir terutama bagi keperluan di pusat-pusat pemindahan. Di samping itu, JKJ juga akan memberi bantuan makanan kepada keluarga yang terputus hubungan. Dalam proses pemberian bantuan ini, keutamaan akan diberikan kepada pusat pemindahan kerana bantuan tersebut lebih bersifat berpusat (*centralised*) dan menyeluruh. Bagi mereka yang terputus hubungan atau mereka yang mengambil keputusan untuk tinggal di rumah sendiri, bantuan akan tetap disalurkan.
2. Majlis Keselamatan Negara (MKN), Jabatan Perdana Menteri bertanggungjawab dalam menyalurkan bantuan ihsan daripada Kerajaan Pusat kepada masyarakat yang ditimpa bencana termasuk banjir. Terdapat beberapa jenis bantuan ihsan yang boleh dipertimbangkan iaitu bantuan ihsan mereka yang berpindah ke pusat pemindahan, bantuan ihsan pengurusan kematian dan bantuan ihsan pertanian, ternakan dan akuakultur.
3. Senarai nama mereka yang layak menerima bantuan ihsan mengikut kategori tersebut perlu diperakukan dan disahkan oleh Jawatankuasa

Pengurusan dan Bantuan Bencana Daerah (JPBBD) atau Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Negeri (JPBBN). Selepas mendapat senarai yang diperakukan tersebut, pihak MKN akan mendapatkan kelulusan daripada YAB Timbalan Perdana Menteri yang merupakan Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Pusat (JPBBP) bagi mengeluarkan peruntukan kewangan daripada Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara (KWABBN).

4. Peruntukan tersebut akan disalurkan oleh Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri atau Kementerian tertentu dalam tempoh masa 2 minggu untuk diagihkan kepada mangsa bencana yang tersenarai.

Sekian. Terima kasih.

NO. SOALAN : 34

PEMBERITAHU PERTANYAAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Jawab Lisan
DARIPADA : Y.B Tuan Azan bin Ismail
TARIKH : 23 Jun 2009 (SELASA)

PERTANYAAN

Tuan Azan bin Ismail [Indera Mahkota] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah fungsi syarikat SKALI.COM yang dilantik oleh Kerajaan untuk mengendalikan projek IT, berapa lama tempoh dan nilai kos kerja tersebut.

CADANGAN JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, fungsi Syarikat Alam Teknokrat Sdn Bhd (SKALI) yang dilantik oleh Kerajaan adalah untuk melaksanakan projek Managed Portal Services (MPS) yang melibatkan tiga (3) komponen utama iaitu Pembangunan Laman Web/Portal, 'Knowledge Management' iaitu Enterprise Knowledge Repository Information System (EKRIS) serta Program Keupayaan dan Kebolehpayaan (Capacity & Capability) dan Pembangunan Keusahawanan (*Technopreneurship Development*).

2. Pembangunan Laman Web/Portal melibatkan penambahbaikan dan menaiktaraf 152 laman web/portal terpilih yang terdiri daripada laman web/portal Kementerian, agensi-agensi kerajaan dan pihak berkuasa tempatan (PBT).

3. Melalui projek ini, syarikat SKALI bertanggung jawab untuk memastikan laman-laman web/portal kerajaan yang terlibat dinaiktaraf mengikut piawaian antarabangsa seperti Institut Brooking, Universiti Waseeda dan Accenture dan seterusnya memastikan laman-laman web/portal ini sentiasa dikemaskini dengan maklumat yang tepat dan terkini serta mematuhi garis panduan yang ditetapkan oleh MAMPU.

4. Syarikat SKALI juga bertanggung jawab dalam membangunkan bank maklumat untuk perkongsian pengetahuan yang dikenali sebagai EKRIS (Enterprise Knowledge Repository Information System) untuk tiga (3) buah kementerian dan satu (1) agensi iaitu:

- i. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani;
- ii. Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah;
- iii. Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (di mansuhkan dan EKRIS gantiannya adalah Unit Penswastaaan dan PFI); dan
- iv. Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

5. Pada masa yang sama, syarikat SKALI bertanggung jawab untuk menyediakan peluang latihan berasaskan keusahawanan ICT kepada siswazah menganggur melalui program yang dinamakan SPIKE (SKALI Pioneers and Innovators in the Knowledge Economy). Para peserta kursus

ini seterusnya diserap ke dalam projek MPS bagi memberi pendedahan kepada pengurusan projek ICT secara praktikal. Di samping itu, pelatih-pelatih ini juga didedahkan pada peluang perniagaan dengan dibantu oleh MDeC dalam usaha mewujudkan usahawan ICT yang berdaya saing.

6. Sepanjang menjayakan projek MPS ini juga, syarikat SKALI memberi peluang kepada usahawan-usahawan tempatan yang baru berkecimpung dalam perniagaan ICT dengan melantik mereka sebagai pembekal perkhidmatan laman web/portal yang melibatkan aktiviti pembangunan, penyelenggaraan dan pengemaskinian kandungan laman web/portal. Setakat ini, syarikat SKALI telah melantik sejumlah 14 usahawan tempatan sebagai rakan niaga.

Tuan Yang Di Pertua,

7. Untuk makluman Yang Berhormat, tempoh kontrak bagi projek MPS ini bermula dari 2 Januari 2008 hingga 1 Januari 2014 (6 tahun).

8. Untuk makluman Yang Berhormat, kos keseluruhan projek ini berjumlah RM258 juta dengan pecahan Pembangunan Laman Web/Portal sebanyak RM184 juta, 'Knowledge Management' iaitu EKRS (Enterprise Knowledge Repository Information System) sebanyak RM10 juta dan Program Keupayaan dan Kebolehpayaan (Capacity & Capability) dan Pembangunan Keusahawanan (*Technopreneurship Development*) sebanyak RM64 juta.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB DATUK DR. MARCUS MOJIGOH [PUTATAN]
TARIKH : 23 JUN 2009 (SELASA)

SOALAN:

YB DATUK DR. MARCUS MOJIGOH [PUTATAN] minta PERDANA MENTERI menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan bercadang mengharamkan penukaran agama secara paksa; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang memastikan agama juvana, yang mana-mana satu ibu bapa mereka bertukar agama, dipertahankan pada agama asal ketika ibu bapa mereka melangsungkan perkahwinan dan hak waris tetap terpelihara walaupun salah satu daripada pasangan tersebut telah bertukar agama.

JAWAPAN: YB. DATO' SERI MOHAMED NAZRI AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

- (a) Menurut Fasal (1) Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan, tiap-tiap orang berhak menganuti dan mengamalkan agamanya dan, tertakluk kepada Fasal (4), mengembangkannya. Berdasarkan peruntukan ini adalah jelas bahawa seseorang itu bebas memilih agama yang hendak dianutinya dan tiada mana-mana orang boleh dipaksa untuk menganuti atau menukar agamanya. Walau bagaimanapun, Fasal (4) Perkara 12 Perlembagaan Persekutuan memberi hak kepada seseorang ibu atau bapa atau penjaga untuk menetapkan agama seseorang yang di bawah umur 18 tahun. Perkara ini telah diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes **Subashini a/p Rajasingam v Saravanan a/l Thangathoray [2008] 2 MLJ 147**. Oleh itu, perbuatan memaksa seseorang itu untuk menukar agamanya sememangnya bertentangan dengan Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan.
- (b) Pada masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk meminda Fasal (4) Perkara 12 Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu, berdasarkan keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes **Subashini a/p Rajasingam v Saravanan a/l Thangathoray [2008] 2 MLJ 147**, seseorang ibu atau bapa yang menukar agamanya mempunyai hak di bawah Perlembagaan Persekutuan untuk menetapkan agama anaknya yang berumur di bawah 18 tahun.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM
(SEPUTEH)**

TARIKH : 23 JUN 2009 (SELASA)

SOALAN :

Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM (SEPUTEH) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bilakah Kementerian akan membentangkan peraturan (regulations) yang sepatutnya terkandung bahawa Building and Common Property (Maintenance & Management Act 2007). Apakah Pesuruhjaya Bangunan (Commision of Buildings) boleh mendakwa pemaju yang enggan mengikut arahannya berdasarkan Seksyen 17(7) dalam akta tersebut.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Terima kasih diucapkan kepada Ahli Yang Berhormat atas soalan ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sedang menyediakan empat peraturan-peraturan (regulations) di bawah Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2007 [Akta 663]. Di samping itu, KPKT juga sedang meneliti dan mengkaji peraturan-peraturan lain yang perlu dibuat bagi memastikan Akta 663 dapat dikuatkuasakan dengan berkesan.

Selaras dengan seksyen 42 (1) Akta 663, Menteri perlulah mendapat persetujuan daripada Pihak Berkuasa Negeri terlebih dahulu sebelum peraturan-peraturan ini diwartakan dan dikuatkuasakan. walau bagaimanapun, peraturan-peraturan ini tidak perlu dibentangkan dalam dewan ini.

Seksyen 17 (7) Akta 663 memperuntukan kesalahan bagi mana-mana pemaju yang gagal untuk mematuhi seksyen 17 Akta 663 tersebut iaitu peruntukan mengenai tanggungjawab pemaju terhadap Akaun Penyenggaraan Bangunan. Jika disabitkan kesalahan, pemaju boleh dikenakan denda tidak kurang daripada RM100,000 dan juga denda tidak melebihi RM1,000 bagi tiap-tiap hari yang kesalahan itu diteruskan selepas sabitan.

Dalam hal ini, apa-apa kesalahan di bawah Akta 663 akan didakwa oleh Pendakwa Raya atau Timbalan Pendakwaraya atau mana-mana orang yang diberikuasa oleh Pendakwa raya termasuklah Pesuruhjaya Bangunan.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Jun 2009

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN KHAIRY JAMALUDDIN
(REMPAU)
TARIKH : 23.06.2009

SOALAN:

Y.B. TUAN KHAIRY JAMALUDDIN [REMPAU] minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada berdasarkan masa dan keadaan sekarang, Kerajaan bercadang untuk memperkenalkan dan mengamalkan semula sekolah-sekolah aliran Ingeris di negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) tidak bercadang untuk mengembalikan aliran persekolahan sedia ada sekarang kepada aliran Inggeris. KPM berkeyakinan aliran persekolahan yang dilaksanakan sekarang masih relevan dan melalui aliran yang dilaksanakan sekarang, KPM berupaya menghasilkan modal insan berkualiti selaras dengan Dasar Pendidikan Negara dan juga kehendak Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN MUHAMMAD BIN HUSAIN [PASIR PUTIH]
TARIKH : 23 JUN 2009
SOALAN :

Tuan Muhammad bin Husain (Pasir Putih) minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan sejauh mana kejayaan program memulihara sumber-sumber bekalan air bersih yang semakin kritikal sekarang.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, 97% daripada bekalan air bersih negara berpunca dari sungai. Berdasarkan pemantauan yang dibuat oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) bagi tempoh 2004-2008, trend kualiti air sungai di Malaysia dilihat semakin bertambah baik dengan meningkatnya bilangan sungai yang bersih dari 58 pada tahun 2004 kepada 76 pada tahun 2008 manakala bilangan sungai tercemar telah menurun dari 9 pada tahun 2004 kepada 7 pada tahun 2008.

Pencapaian trend ini adalah hasil daripada langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian ini menerusi JAS dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS). Antara langkah-langkah yang diambil termasuk:

- (i) Menjalankan dan mempertingkatkan pemantauan dan penguatkuasaan undang-undang dan peraturan-peraturan di bawahnya ke atas pelepasan dari punca-punca pencemaran yang tertakluk kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 bagi menghalang dan mengawal pencemaran dari punca tetap;

- (ii) Mengadakan kawalan kumbahan dan sisa pepejal di punca dengan mensyaratkan supaya semua premis makanan di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) memasang Sistem Sistem Penapis Sisa Makanan (*Food, Oil and Grease Trap*);
- (iii) Memasang dan mengendali kelengkapan kawalan pencemaran serta membina perangkap sampah dan perangkap kelodak;
- (iv) Bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan lain bagi mempertingkatkan penguatkuasaan dan tindakan terhadap punca-punca pencemaran di bawah bidang kuasa masing-masing;
- (v) Melaksanakan Program Pencegahan Pencemaran dan Peningkatan Kualiti Air Sungai termasuk Program Satu Negeri Satu Sungai dan kerja-kerja penyelenggaraan sungai secara berkala; dan
- (vi) Meningkatkan kesedaran orang ramai dan golongan pelajar tentang kepentingan sungai dalam kehidupan seharian menerusi pelbagai aktiviti dan kempen seperti kem alam sekitar, penerbitan majalah dan sebagainya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN
[KINABATANGAN]
TARIKH : 23 JUN 2009
RUJUKAN : 1830

SOALAN:

**Datuk Bung Moktar Bin Radin [Kinabatangan] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan :-**

(a) langkah-langkah Kerajaan dalam mempertingkatkan infrastruktur dan prasarana Polis Diraja Malaysia (PDRM) di seluruh Negara khususnya daerah Kinabatangan dan Tongod; dan

(b) definisi "tidak lagi menjadi ancaman kepada keselamatan negara" terutama dalam membebaskan tahanan ISA.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia, tindakan yang diambil dalam mempertingkatkan prasarana PDRM ialah membaik pulih kerosakan yang berlaku pada balai dan kuarters. Bagi bangunan yang telah uzur dan tidak sesuai, Kerajaan akan membina baru pada lokasi yang sama atau memindahkan lokasi bangunan jika tapak sedia ada tidak sesuai.

Sementara itu, bagi kemudahan peralatan ianya akan ditambah atau dinaik taraf malah diganti baru sekiranya peralatan sedia ada telah lama dan tidak sesuai digunakan. Bagi Balai Polis Kinabatangan dan Balai Polis Tongod, langkah Kerajaan dalam mempertingkatkan prasarana ialah dengan membina bangunan balai polis yang baru. Kedua-dua projek telah dimasukkan dalam RMK-9 dengan siling peruntukan sebanyak RM500 ribu. Walau bagaimanapun, projek tersebut telah ditangguhkan sewaktu Kajian Separuh Penggal. Projek ini akan disenaraikan semula dalam RMK-10.

Mengenai tahanan ISA, orang yang ditahan dianggap tidak lagi menjadi ancaman kepada negara sekiranya berjaya menunjukkan tahap pemulihan yang memuaskan serta perubahan sikap yang meyakinkan pihak berkuasa semasa dalam tahanan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN JOHN A/L FERNANDEZ [SEREMBAN]

TARIKH : 23 JUN 2009

SOALAN:

Tuan John a/l Fernandez [Seremban] minta PERDANA MENTERI menyatakan:-

(a) apakah kriteria-kriteria terbaru yang diambil kira dalam penganugerahan Biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam kepada graduan Universiti; dan

(b) statistik penganugerahan Biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam kepada graduan Bumiputera dan graduan bukan Bumiputera dari tahun 2006 hingga 2008.

JAWAPAN: YB DATO'SERI MOHAMED NAZRI AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan ada menyediakan biasiswa kepada penerima tajaan JPA di peringkat Ijazah Pertama untuk menyambung pengajian di peringkat Sarjana ke universiti ternama di dalam dan luar negara di bawah Program Pelajar Cemerlang (PPC). Syarat utama yang telah ditetapkan bagi program ini ialah kecemerlangan akademik di mana pelajar mestilah mendapat CGPA 3.75 atau Kelas Pertama. Pelajar juga dikehendaki untuk berkhidmat dengan Kerajaan apabila tamat pengajian kelak mengikut tempoh kontrak yang telah ditetapkan di samping tempoh kontrak semasa pengajian di peringkat Ijazah Pertama.

Selain daripada itu, Kerajaan turut menyediakan biasiswa kepada pelajar yang bukan merupakan pemegang biasiswa JPA di peringkat Ijazah Pertama yang berhasrat untuk menyambung pengajian ke peringkat Ijazah Lanjutan di bawah Program Biasiswa Yang Di Pertuan Agong. Graduan yang berminat untuk memohon biasiswa di bawah program ini juga perlu mendapat Kelas Pertama semasa pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda. Pelajar yang layak akan diperaku oleh

NO. SOALAN

Jawatankuasa Pemilihan dan akan dibawa untuk kelulusan Majlis Raja-Raja.

- (b) Statistik penganugerahan Biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam di bawah PPC dan Program Biasiswa Yang Di Pertuan Agong kepada graduan Bumiputera dan bukan Bumiputera dari tahun 2006 hingga 2008 adalah seperti berikut:

Jumlah Pelajar PPC Luar Negara Dari Tahun 2006 Hingga 2008			
TAHUN	Bilangan Pelajar PPC		Jumlah Keseluruhan
	Bilangan Bumiputera	Bilangan Bukan Bumiputera	
2006	9	2	11
2007	9	7	16
2008	25	14	39

Jumlah Pelajar PPC Dalam Negara Dari Tahun 2006 Hingga 2008			
TAHUN	Bilangan Pelajar PPC		Jumlah Keseluruhan
	Bilangan Bumiputera	Bilangan Bukan Bumiputera	
2006	25	8	33
2007	16	5	21
2008	43	-	43

Jumlah Pelajar Basiswa Yang Di Pertuan Agong Dari Tahun 2006 Hingga 2008			
TAHUN	Bilangan Pelajar Basiswa Yang Di Pertuan Agong		Jumlah Keseluruhan
	Bilangan Bumiputera	Bilangan Bukan Bumiputera	
2006	6	4	10
2007	5	7	12
2008	9	4	13

Sekian. Terima kasih.

SOALAN :41

**SIDANG DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEDUA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B DATUK HALIMAH BINTI MOHD
SADIQUE
[TENGGARA]
TARIKH : 23 Jun 2009

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan sejauh manakah proses paten sesebuah hasil kajian atau ciptaan inovasi dilaksanakan dan adakah kajian atau ciptaan inovasi tersebut sampai ke peringkat pemasaran dalam dan luar negara.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, kesedaran mengenai paten di Malaysia bermula sejak tahun 1962 lagi dan dengan penubuhan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) pada 2005, usaha penggalakan pendaftaran paten terus meningkat. Di samping itu, usaha-usaha juga telah dan akan dijalankan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dengan kerjasama MyIPO untuk memperbanyakkan bilangan paten yang didaftarkan di samping mencari kaedah serta pendekatan yang sesuai bagi memendekkan tempoh kelulusan sesebuah paten.

Pada masa ini, tempoh kelulusan sesebuah paten adalah dalam lingkungan 3 hingga 6 tahun bergantung kepada kerumitan sesuatu teknologi berdasarkan spesifikasi teknikalnya. Namun demikian, proses permohonan paten di Malaysia adalah tidak jauh berbeza dengan negara-negara lain di dunia kecuali di Amerika Syarikat di mana di Australia, tempoh pemprosesan paten mengambil masa empat tahun, di Eropah tiga setengah hingga empat tahun dan Amerika Syarikat dua hingga dua setengah tahun.

Proses untuk mendapatkan paten bagi sesuatu produk atau proses perlu melalui beberapa peringkat bermula dengan mengemukakan permohonan dan diberikan tarikh pemfailan, pemeriksaan awal dilakukan untuk memastikan keperluan formaliti paten, semakan awam, pemeriksaan substansif dan akhirnya pemberian geran paten apabila permohonan mematuhi kehendak Akta dan Peraturan. MyIPO merupakan badan yang mengendalikan segala proses yang berkaitan dengan pendaftaran paten.

MOSTI juga membantu dalam usaha meningkatkan bilangan paten negara. Antara inisiatif yang dijalankan adalah:

- i) menggubal Dasar Pengkomersilan Harta Intelek dengan
- ii) menyediakan insentif kepada perekacipta untuk mempatenkan produk mereka,
- iii) memperuntukkan pembiayaan dalam dana penyelidikan dan pembangunan (R&D) ScienceFund dan TechnoFund bagi tujuan pendaftaran paten,
- iv) memberikan bantuan teknikal dalam penyediaan permohonan paten oleh agensi seperti SIRIM,
- v) peruntukan disediakan untuk pendaftaran harta intelek kepada syarikat BioNexus oleh Biotech Corporation,
- vi) pembayaran semula yuran pendaftaran harta intelek oleh MDeC,
- vii) bantuan perkhidmatan pendaftaran harta intelek disediakan oleh Agensi Nuklear yang dimasukkan dalam perjanjian /permindahan perlesenan teknologi;
- viii) pembiayaan kos pendaftaran harta intelek oleh MTDC tertakluk
- ix) kepada kuantum yang dipersetujui.

Tuan Yang Di Pertua,

Walaupun terdapat sebanyak 442 produk yang telah dipatenkan dibawah pembiayaan MOSTI, namun tidak kesemuanya dapat dikomersilkan dalam jangka pendek. Sehingga

kini, terdapat 28 produk yang telah dipatenkan telah berjaya mendapat tempat dalam pasaran tempatan dan juga luar negara. Daripada jumlah tersebut, terdapat 10 produk telah dipasarkan di pasaran tempatan manakala 18 produk lagi telah berjaya dikomersilkan secara meluas di luar negara. Produk-produk ini terdiri daripada sektor pertanian, industri pembuatan, bioteknologi, perubatan, biofarmasi, farmaseutikal, tenaga diperbaharui, *waste to wealth*, kejuruteraan dan teknologi angkasa lepas.

Antara produk yang berjaya dikomersilkan adalah seperti *mechanical harvester*, *automatic grabber*, Vita-Grow dan ZAPPA yang dapat menggalakan pertumbuhan dan mempertingkatkan hasil tanaman dalam bidang pertanian; sistem pembungkus sarung tangan getah automatik, baju taktikal kalis peluru, mesin melabel automatik dan mesin pemasangan pen marker automatik bagi sektor industri. Kejayaan-kejayaan dalam bidang kesihatan telah dihasilkan seperti produk *Typhidot Rapid* oleh USM untuk mengesan virus demam kepialu dan produk yang boleh mengesan sindrom *White Spot* oleh UPM yang kini dikomersilkan sebagai produk *Fast Target*.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' IBRAHIM BIN ALI [PASIR MAS]
TARIKH : 23 JUN 2009
RUJUKAN : 1831

SOALAN:

Dato' Ibrahim bin Ali [Pasir Mas] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kekeliruan orang ramai mengenai tahanan ISA yang dibebaskan baru-baru ini terutama Uthayakumar, penasihat Hindraf sebuah pertubuhan haram, di mana beliau ditahan atas keselamatan tetapi apakah beliau dibebaskan atas pertimbangan politik dan sesudah dibebaskan beliau telah mengeluarkan berbagai kenyataan yang angkuh sehingga memalukan KDN dan mempermainkan keluhuran Perlembagaan dan undang-undang Negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pasir Mas yang mengemukakan soalan.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, pembebasan mana-mana tahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 adalah berdasarkan tahap pemulihan orang tahanan serta tahap ancaman kepada keselamatan negara dan ketenteraman awam. Kerajaan dalam membuat keputusan pembebasan terhadap mana-mana tahanan akan meneliti syor dan pandangan semua agensi berkaitan seperti Lembaga Penasihat, Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Penjara Malaysia dan juga Polis Diraja Malaysia (PDRM). Penilaian ini dibuat berdasarkan prestasi orang tahanan semasa dalam tahanan.

Sebarang keputusan pembebasan orang tahanan oleh pihak kerajaan adalah berdasarkan sebab-sebab yang munasabah dan bukan atas pertimbangan politik. Kerajaan berpuashati terhadap tahap pemulihan orang tahanan **ketika itu dan mengambil keputusan membebaskan orang tahanan berkenaan.** Namun begitu, Kerajaan akan sentiasa memantau dan mengambil tindakan tegas ke atas mana-mana individu yang didapati mencabuli keluhuran Perlembagaan dan kedaulatan undang-undang negara.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB TENGGU RAZALEIGH HAMZAH
[GUA MUSANG]
TARIKH : 23 JUN 2009 (SELASA)

SOALAN:

YB TENGGU RAZALEIGH HAMZAH [GUA MUSANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apa telah terjadi kepada pengesyoran-pengesyoran Suruhanjaya-Suruhanjaya di-Raja mengenai Polis dan kes V.K Lingam dan mungkinkah pengesyoran-pengesyoran Suruhanjaya di-Raja ini dilupakan dan benarkah pengesyoran-pengesyoran Suruhanjaya di-Raja itu tidak mempunyai apa-apa 'status' dari segi Perlembagaan.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

Syor-syor yang dibuat oleh Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan PDRM telah dilaksanakan dengan beberapa pindaan dibuat kepada Kanun Tatacara Jenayah seperti kemasukan seksyen 20A berkenaan dengan tatacara memeriksa badan seseorang, seksyen 28A berkenaan dengan hak-hak orang yang ditangkap dan ditahan dan Jadual Keempat berkenaan dengan tatacara pemeriksaan badan melalui Akta Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2006 [Akta A1274].

Lanjutan daripada syor-syor Suruhanjaya Diraja ini juga, suatu Rang Undang-Undang Suruhanjaya Integriti Penguatkuasaan Bebas 2009 telah digubal dan telah selesai melalui Bacaan Pertama di Dewan Rakyat pada 11 Mac 2009. Bacaan Kali Kedua telah ditangguhkan kepada mesyuarat yang sedang berlangsung ini.

Syor-syor Suruhanjaya Siasatan Diraja berkenaan dengan pita rakaman V.K Lingam pula telah diambil tindakan oleh agensi penguatkuasaan yang berkaitan dengan menjalankan siasatan ke atas hasil laporan Suruhanjaya tersebut. Empat kertas siasatan telah dibuka oleh Badan Pencegah Rasuah (kini dikenali sebagai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)). Tiga daripada kertas siasatan ini telah dirujuk kepada Jabatan Peguam Negara.

Walaupun bagaimanapun, tiada tindakan lanjut diambil dalam dua daripada tiga kertas siasatan itu memandangkan tiada keterangan yang menunjukkan bahawa terdapat sebarang kesalahan jenayah telah dilakukan dan juga tiada sesiapa pun yang dapat dikenal pasti yang melakukan kesalahan semasa pengendalian dokumen terperingkat dalam pertimbangan lantikan Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi. Sementara itu, siasatan belum dapat dilengkapkan dalam satu kes kerana saksi penting masih belum dikesan. Pihak SPRM juga telah menutup siasatan yang dibuka di bawah perenggan 11(c) Akta Pencegahan Rasuah 1997 [Akta 575] kerana tiada keterangan mencukupi untuk membuktikan pertuduhan di bawah seksyen itu.

Tuan Yang Dipertua,

Berikutan dengan syor-syor yang dibuat oleh Suruhanjaya Siasatan Diraja ini juga, Kerajaan telah mengambil langkah yang sewajarnya dengan mengadakan suatu Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman 2009 [Akta 695] yang berkuat kuasa pada 2 Februari 2009. Akta ini bertujuan untuk menjadikan proses pelantikan hakim lebih telus.

Syor-syor yang dibuat juga adalah menurut bidang kuasa yang dibenarkan di bawah Akta Suruhanjaya Siasatan 1950 [Akta 119] yang merupakan suatu undang-undang yang dibuat oleh Parlimen.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN DATUK HAJI MOHAMED BIN HAJI
AZIZ (SRI GADING)**

TARIKH : 23 JUN 2009 (SELASA)

SOALAN

Y.B. Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz [Sri Gading] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan pimpinan Dato' Seri Najib bersedia membina jambatan bengkok di Selat Tebrau, Johor Bahru.

CADANGAN JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Buat masa ini, Kerajaan tidak bercadang membina jambatan untuk menggantikan Tambak Johor. Sungguhpun demikian, Kerajaan sentiasa memantau kelancaran pergerakan orang ramai, barangan dan perkhidmatan di antara Malaysia dan Singapura melalui Tambak Johor untuk membolehkan Kerajaan bertindak menambahbaik serta memudahkan pergerakan kenderaan, barangan dan orang ramai di antara kedua-dua negara. Tindakan ini termasuklah pertimbangan

cadangan pembinaan jambatan baru pada masa yang sesuai di masa hadapan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAPAN LISAN
DARIPADA : TUAN SALLEH BIN KALBI
TARIKH : 23 JUN 2009 (SELASA)
SOALAN : NO. 45

Tuan Salleh Bin Kalbi [Silam] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan dalam usaha kerajaan untuk melonjakkan pengajian tinggi negara, bagaimanakah proses transformasi USM dengan status Apex setakat ini, terutamanya dalam soal meningkatkan usaha sama dengan pihak-pihak swasta untuk memajukan hasil penyelidikan yang mempunyai potensi untuk dikomersialkan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengendalian dan pengurusan Pelan Transformasi USM di pusatkan secara umumnya kepada Bahagian Pembangunan Lestari dan Korporat (BPLK) USM. Bahagian ini akan memantau dan mengurus pelaksanaan pelan tersebut pada peringkat harian, termasuk menentukan pencapaian Penunjuk Prestasi Utama (KPI). Selain daripada itu, USM juga telah mewujudkan Jawatankuasa Pemandunya sendiri, di mana 8 Jawatankuasa Petugas telah ditubuhkan untuk meneliti secara

mendalam aspek-aspek yang berkaitan dengan pelan transformasi tersebut.

Selain itu, sebuah pusat rujukan Pusat NADI diletakkan di bangunan khas bagi menempatkan segala maklumat tentang aktiviti APEX yang berlaku di USM. Tujuan Pusat NADI (*Centre for National APEX Development and Initiatives*) adalah untuk menyediakan sebanyak mungkin maklumat terkini kepada warga USM dan juga orang ramai tentang perkembangan dan inisiatif USM dari masa ke masa. Usaha terkini dalam mengendali dan mengurus hal tersebut adalah dengan penubuhan sebuah "*Eminent Persons Advisory Committee*" yang di pengerusikan oleh Pro-Canselor USM, YBhg Tan Sri Razali Ismail, pada March 2009.

Sementara itu beberapa inisiatif lain terus dijalankan, USM telah diberi peruntukan sepertimana yang telah dirancang dan ini akan dapat menampung kerja-kerja melengkapkan lagi prasarana yang ada, khususnya yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan pembangunan, serta perundingan. Antara prasarana yang dimaksudkan adalah:

- i. Membangunkan satu pusat penyelidikan bertaraf dunia dalam bidang baru. Pusat yang dikenali sebagai *Centre for Chemical Biology* (CCB) akan membolehkan USM mengungguli bidang-bidang baru dari segi genomik dan proteomik khusus dalam penggunaan sumber-sumber tempat;

- ii. Memantapkan lagi penyelidikan warisan dan arkeologi di USM selepas penemuan tulang penempatan manusia tertua, 1.83 juta tahun, yang berpusat di Lembah Bujang. Penemuan ini telah memberi Malaysia peluang untuk menulis semula sejarah pergerakan manusia yang kini difahamkan bermula dari Afrika;
- iii. Membangunkan perkhidmatan-perkhidmatan baru berasaskan penyelidikan sains dan teknologi. Ini termasuk menawarkan kepakaran analisis dan kaunseling bagi bayi baru lahir untuk penyakit-penyakit metabolik dan genetik. Perkhidmatan ini adalah lebaran dari apa yang telah dijalankan oleh Pusat Kawalan Doping Negara di USM; dan
- iv. Merancang dan membangunkan satu kawasan 31 ekar yang dinamakan *Science and Art Innovation Space* (sains@usm) sebagai tempat memelopori ide-idea baru dalam penyelidikan serta pengkomersial untuk kekayaan negara. Konsep ini unik kerana ia menggabungkan dua bidang utama – sains dan sastera – dalam usaha mencetuskan inovasi masa hadapan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE
(PETALING JAYA UTARA)
TARIKH : 23.06.2009

SOALAN:

Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE [SEREMBAN] minta Menteri Pelajaran menyatakan tahap pencapaian dasar mengajar bahasa ibunda iaitu Cina dan Tamil, dalam sekolah-sekolah kebangsaan berbanding dengan matlamat Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Melalui Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah memperkenalkan Bahasa Cina (BC) dan Bahasa Tamil (BT) di Sekolah Kebangsaan (SK) di bawah fokus Memperkasakan SK.

Penawaran Bahasa Cina dan Bahasa Tamil di SK terus diperluaskan pada tahun ini. Sehingga kini, sebanyak 350 buah SK telah menawarkan Bahasa Cina, manakala 170 buah SK telah menawarkan Bahasa Tamil. Sehingga Jun 2008, bilangan murid yang mengikuti Bahasa Cina di SK sebanyak 10,854 orang murid yang terdiri daripada 6,664 (61.4%) murid Melayu, 1,834 (16.9%) murid Cina dan selebihnya murid India dan lain-lain. Manakala bilangan murid yang mengikuti Bahasa Tamil sebanyak 2,911 orang yang terdiri daripada seramai 756 (25.9%) orang murid Melayu, 12 (0.4%) murid Cina, 2,090 (71.79%) murid India dan selebihnya kaum lain.

Oleh kerana pelaksanaan BC dan BT di SK baru memasuki tahun ketiga dan pelaksanaannya dilakukan secara berperingkat ke semua sekolah kebangsaan di seluruh negara, kejayaan murid tidak dapat diukur melalui mana-mana peperiksaan awam. Namun, melalui penilaian berasaskan sekolah yang dilakukan oleh sekolah-sekolah yang terlibat mendapati, murid-murid yang mengikuti mata pelajaran ini menunjukkan minat yang tinggi terutama dalam kalangan murid-murid Melayu.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DATO' HAJI ABD RAHMAN BIN DAHLAN

TARIKH: 23 JUN 2009

SOALAN:

Y.B. DATO' HAJI ABD RAHMAN BIN DAHLAN [Kota Belud] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah perancangan Kerajaan untuk menambah baik terma-terma pembantu rumah bagi menarik minat rakyat tempatan menjadi pembantu rumah untuk memberi peluang rakyat Malaysia yang menganggur sekali gus mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja-pekerja asing dan aliran keluar wang negara.

PR-022-L19835

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagai langkah untuk menambah baik profesion pembantu rumah, adalah dicadangkan supaya skop kerja pembantu rumah ditukar agar ianya lebih kepada bentuk pengurusan rumah tangga dengan terma-terma penggajian yang lebih menarik. Cadangan juga dibuat supaya gaji pembantu rumah dibayar melalui akaun bank.

Kementerian Sumber Manusia sentiasa memastikan kebajikan pembantu rumah di Malaysia terpelihara. Pada masa ini pembantu rumah adalah dilindungi di bawah Bab XI Akta Kerja 1955 dimana ia berkaitan dengan tempoh 14 hari notis penamatan kontrak

perkhidmatan. Walau bagaimanapun, oleh kerana jenis pekerjaan atau "*nature of work*" mereka berbeza daripada pekerja lain, maka mereka tidak dilindungi di bawah Bahagian IX dan XII, Akta Kerja 1955 iaitu seperti hari rehat, waktu kerja, cuti am dan cuti tahunan, pendahuluan gaji, faedah bersalin dan penamatan kerja. Amalan ini bukan sahaja terpakai kepada pembantu rumah asing malah ianya juga terpakai kepada pembantu rumah rakyat tempatan.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Sumber Manusia (KSM) sedang membuat pindaan kepada Akta Kerja 1955 bagi mengadakan suatu peruntukkan khusus untuk pembantu rumah yang melibatkan pembayaran gaji secara tetap melalui akaun bank, mewajibkan majikan menyediakan surat pelantikan dan memberikan satu hari cuti rehat mingguan serta lain-lain faedah.

Selain daripada itu, Kerajaan bersedia untuk menimbangkan latihan kepada rakyat tempatan untuk menjadi pembantu rumah terlatih apabila ada permintaan dan kesanggupan daripada majikan untuk mengambil pembantu rumah tempatan yang terlatih dengan tawaran gaji yang lebih menarik.

SOALAN NO. 48

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN MOHD NIZAR ZAKARIA
KAWASAN : PARIT
TARIKH : 23.06.09 (SELASA)



Y.B. TUAN MOHD NIZAR BIN ZAKARIA (PARIT) minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan adakah pegangan ekuiti Bumiputera boleh dipertingkatkan melalui dasar liberalisasi di sektor perkhidmatan seperti mana yang diumumkan Kerajaan baru-baru ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Pembukaan pasaran bagi 27 sub-sektor perkhidmatan yang telah diumumkan pada 22 April 2009 oleh Y.A.B. Perdana Menteri sebagaimana yang diketahui adalah bagi memantapkan ekonomi negara serta menarik masuk pelaburan asing dalam sektor perkhidmatan ke Malaysia.

Pembukaan pasaran ini tidak akan menyebabkan pegangan ekuiti Bumiputera dan bukan Bumiputera dalam syarikat-syarikat sedia ada terjejas, memandangkan dasar tersebut adalah bagi pelaburan baru sahaja.

Pembukaan pasaran ini tidak menghalang sebarang usahasama di antara pelabur asing dengan syarikat-syarikat Malaysia, termasuk syarikat-syarikat Bumiputera. Memandangkan perkhidmatan disediakan terus kepada pengguna oleh penyedia perkhidmatan, maka, pelabur asing akan

mendapat faedah melalui usahasama dengan syarikat tempatan, memandangkan pengetahuan yang dimiliki oleh syarikat tempatan mengenai persekitaran perniagaan dan kecenderungan pengguna tempatan. Di samping itu, pelabur-pelabur asing juga akan bergantung kepada pekerja tempatan bagi memenuhi kehendak pengguna.

Pelaburan bagi kebanyakan 27 sub-sektor perkhidmatan yang dibuka pasaran adalah agak tinggi dan pada masa yang sama memerlukan pemindahan teknologi yang canggih. Pada masa ini, kecenderungan Bumiputera adalah untuk melabur dalam usahasama yang dapat meraih keuntungan dalam masa yang singkat. Memandangkan pelaburan dalam 27 sub-sektor tersebut memerlukan jangka masa yang panjang untuk mendapat keuntungan, maka kebanyakan pelabur Malaysia sama ada Bumiputera atau bukan Bumiputera tidak begitu berminat untuk melabur.

Walau bagaimanapun, pelabur-pelabur asing yang ingin menyenaraikan syarikat mereka di Bursa Malaysia atau MESDAQ perlu mematuhi syarat-syarat penyelarasan termasuk memenuhi syarat ekuiti yang dikhaskan untuk Bumiputera. Dengan cara ini, pegangan ekuiti Bumiputera, melalui institusi-institusi Bumiputera dan Individu, akan dapat ditingkatkan. Ini adalah berasaskan pengalaman Malaysia dalam sektor perkilangan, di mana banyak syarikat kepunyaan asing telah disenaraikan di Bursa Malaysia yang telah memenuhi syarat ekuiti yang dikhaskan untuk Bumiputera.

SOALAN NO. 49

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN **DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN CHARLES ANTHONY A/L R. SANTIAGO

KAWASAN : KLANG

TARIKH : 23.06.2009 (SELASA)

Y.B. TUAN CHARLES ANTHONY A/L R. SANTIAGO (KLANG) minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan tujuan Kerajaan untuk meneruskan perbincangan FTA dengan Amerika Syarikat. Adakah ini bermaksud bahawa Kerajaan akan menerima 'WTO Plus Dictates' seperti Government Procurement, Competition Policy dan IPR yang akan ditentukan oleh Amerika.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Amerika Syarikat merupakan salah satu daripada rakan dagang dan pasaran eksport terbesar bagi Malaysia. Pada tahun 2008, nilai perdagangan duahala telah mencapai RM139.2 bilion, atau 11.7 peratus daripada jumlah perdagangan global Malaysia. Eksport ke Amerika Syarikat bagi sektor perkilangan pula berjumlah RM82.8 bilion, atau 12.5 peratus dari jumlah eksport Malaysia. Dari segi pelaburan pula, Amerika Syarikat merupakan salah satu sumber pelaburan asing yang utama bagi Malaysia. Dalam tahun 2008, pelaburan yang diluluskan dari Amerika

Syarikat bagi sektor perkilangan berjumlah RM 8.7 billion iaitu yang kedua terbesar selepas Australia.

FTA dengan Amerika Syarikat, akan memberi faedah kepada negara, melalui penurunan dan penghapusan duti import terhadap beberapa barangan eksport Malaysia. Di antara barangan-barangan tersebut adalah tekstil dan pakaian, kayu, seramik, produk-produk besi dan keluli, bahan kimia dan produk bahan kimia dan produk-produk getah. Dengan adanya FTA dengan Amerika Syarikat, pengeksport-pengeksport Malaysia akan mendapat kelebihan dari segi layanan keutamaan, berbanding pengeksport dari negara pesaing yang tidak mempunyai FTA dengan Amerika Syarikat.

Tuan Yang Di Pertua,

Dari aspek pelaburan pula, perjanjian ini dijangka akan meningkatkan pelaburan dari Amerika Syarikat. Di samping itu, dengan pembukaan pasaran di Amerika Syarikat, untuk eksport dari Malaysia, pelabur-pelabur asing dari negara-negara lain juga, akan lebih berminat untuk melabur di Malaysia, bagi menikmati peluang baru pasaran di Amerika syarikat, kerana dapat memanfaatkan peraturan tempasal, seperti kandungan tempatan, apabila beroperasi di Malaysia.

Selain daripada aspek perdagangan dan pelaburan, perjanjian ini akan meningkatkan kerjasama ekonomi duahala, dan bina upaya, dalam pelbagai bidang. Ini termasuk :

- **pembangunan dan pematuhan standard;**
- **memperkuhkan sistem tadbiran hak harta intelek;**
- **prosedur kastam;**
- **perdagangan elektronik;**

- **pembangunan enterprise kecil dan sederhana (SME); dan**
- **aspek-aspek sanitari dan faitosanitari, seperti produk-produk pertanian.**

Tuan Yang Di Pertua,

Mengenai 'WTO Plus Dictates' (dengan izin), ingin dimaklumkan bahawa Malaysia bukan ahli dan tidak terikat dengan perjanjian 'Government Procurement' (dengan izin) di bawah WTO manakala 'Competitive Policy' (dengan izin) tidak termasuk dalam mana-mana peruntukan WTO. Bagi Hak Harta Intelek, ia merupakan komitmen di bawah perjanjian *Trade Related Aspects of Intellectual Property Rights* (TRIPS) (dengan izin) dalam WTO.

Tuan Yang Di Pertua,

Seperti juga rundingan-rundingan FTA yang lain, Malaysia akan sentiasa memastikan FTA dengan Amerika Syarikat akan memberi faedah kepada negara, terutama kepada syarikat-syarikat di Malaysia yang mahu mendapatkan akses pasaran yang lebih baik di Amerika Syarikat dan pada masa yang sama memastikan kepentingan negara sentiasa didahulukan.

Kerajaan juga tidak akan menerima apa-apa cadangan yang melebihi komitmen Malaysia dalam perjanjian WTO yang mana Malaysia tidak dapat melaksanakan atau mendapati ia membebankan negara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN SIM TONG HIM [KOTA MELAKA]
TARIKH : 23 JUN 2009
RUJUKAN : 1826

SOALAN:

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-

- (a) jumlah kes ragut yang telah dilaporkan sejak Januari tahun 2000 hingga April tahun ini dan berapa orang mangsa telah menemui maut; dan
- (b) menyatakan tindakan yang telah dan akan diambil untuk mencegah jenayah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada **Ahli Yang Berhormat Kota Melaka** yang mengemukakan pertanyaan.

Izinkan saya menjawab pertanyaan ini serentak bersama pertanyaan oleh Yang Berhormat Maran bertarikh 23 Jun 2009 nombor 27 kerana ianya mengenai perkara yang sama.

a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, mengikut rekod Polis DiRaja Malaysia (PDRM), jumlah kes ragut yang dilaporkan dan juga melibatkan kematian adalah seperti berikut;

Tahun	Kes Ragut	Kematian
2005	10,185	3
2006	9,617	0
2007	9,551	1
2008	8,205	2
2009 (hingga Mei)	4,174	1
Jumlah	49,094	7

Perangkaan ini melihatkan penurunan dari tahun 2005 hingga 2006 sebanyak 5.57% atau 568 kes, pada tahun 2007 penurunan adalah sebanyak 0.68% atau 66 kes dan penurunan paling ketara adalah pada

tahun 2008 iaitu sebanyak 14.09% atau 1,346 kes. Jumlah kes ragut yang dilaporkan dari Januari hingga Mei 2008 adalah sebanyak 3,392 dan bagi tempoh yang sama dari Januari hingga Mei 2009 jumlah yang direkodkan adalah 4,174 kes.

b) Bagi mengatasi masalah kes ragut, tindakan yang diambil oleh PDRM adalah seperti berikut;

- (i) mengenal pasti kawasan yang kerap berlaku jenayah ragut memantau dan mengambil tindakan ke atas sindiket-sindiket jenayah ragut terancang;
- (ii) menghantar lebih ramai lagi pegawai serta anggota tambahan ke kawasan-kawasan yang kerap berlaku kes jenayah ragut;
- (iii) meningkatkan Ops besar-besaran untuk membentaras kegiatan jenayah ragut;
- (iv) menambahkan jumlah kereta peronda MPV untuk kegunaan rondaan di kawasan-kawasan tumpuan orang ramai;
- (v) menghantar lebih ramai anggota Bit / Patrol serta kawalan / rondaan di kawasan-kawasan tumpuan orang ramai;
- (vi) meningkatkan lagi keberkesanan penggunaan system kamera litar tertutup (CCTV) di kawasan tertentu untuk membantu mengesan penjenayah;

- (vii) lebih kerap mengadakan kempen-kempen, ceramah-ceramah dan pameran-pameran berkaitan jenayah ragut semasa;
- (viii) mengenakan tindakan undang-undang termasuk undang-undang termasuk undang-undang pencegahan terhadap penjenayah-penjenayah.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' SERI TIONG KING SING
[BINTULU]
TARIKH : 23 JUN 2009
SOALAN :

Dato' Seri Tiong King Sing (Bintulu) minta MENTERI KESIHATAN menyatakan :

- (a) berapakah jumlah kes tindakan mahkamah yang telah dikenakan terhadap Kementerian Kesihatan Malaysia atas kecuaiian yang dilakukan oleh pihak Kementerian sendiri semenjak 1999-2009 seperti kecuaiian Kakitangan Hospital terhadap Pesakit dan kecuaiian Kementerian terhadap Hospital Swasta (sila nyatakan hospital yang terlibat); dan
- (b) berapakah jumlah kos ganti rugi yang telah dialami oleh Kementerian dalam hal ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Bilangan kes-kes kecuaiian yang dilaporkan di hospital kerajaan pada tahun 2000 hingga 2008 adalah berjumlah 144 kes. Terdapat peningkatan bilangan kes-kes

kecuaian yang dilaporkan pada tahun 2000 hingga 2008. Pada tahun 2000 terdapat 9 kes, tahun 2006 terdapat 17 kes, tahun 2007 terdapat 27 kes dan tahun 2008 terdapat 55 kes.

Kes yang diambil tindakan mahkamah dari tahun 2000 hingga tahun 2008 adalah sebanyak 89 kes iaitu 61.9% dari jumlah kes kecuaian yang dilaporkan oleh Kementerian dalam tempoh tersebut. Dari tahun 2000 hingga Mei 2009, sejumlah RM 6,348,632.28 telah dibayar sebagai kos gantirugi untuk kes-kes kecuaian perubatan.

Pihak Kementerian tidak mempunyai sebarang maklumat berhubung tindakan mahkamah yang diambil terhadap hospital swasta kerana kecuaian perubatan. Tiada kes kecuaian Kementerian Kesihatan Malaysia terhadap hospital swasta yang dilaporkan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : PUAN FONG PO KUAN (BATU GAJAH)

TARIKH : 23 JUN 2009

SOALAN:

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI, DAN KEBUDAYAAN** menyatakan pendirian Kerajaan terhadap program persembahan Divine Performing Arts World Tour di Malaysia yang mempunyai artis latihan senaman Falun Gong.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan Malaysia menolak program persembahan Divine Performing Arts World Tour di Malaysia dan pendirian ini adalah berdasarkan sebab Kumpulan Falun Gong adalah merupakan kumpulan yang tidak diiktiraf oleh Kerajaan China.

Kerajaan juga telah menolak persembahan ini di Malaysia demi untuk menjaga hubungan diplomatik dua buah negara setelah mengambil kira nasihat dan pandangan Kementerian Luar Negeri.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN: LISAN
DARIPADA : YB DR. LO' LO [TITIWANGSA]
TARIKH : SELASA, 23 JUN 2009
RUJUKAN : 07
SOALAN :

Dr. Lo'Lo' binti Mohamad Ghazali [Titiwangsa] minta
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN menyatakan :

Dari program manakah Puncak Baru diwujudkan sedangkan projek ini langsung tidak dinyatakan dalam Draf Pelan Pembangunan Kampung Baru, apakah hala tuju projek berkenaan, siapakah yang memegang hak milik ke atas projek itu dan apakah status isu tanah Lot 25 yang dituntut oleh peniaga asal yang masih belum selesai.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Titiwangsa, Puncak Baru merupakan projek yang disusun bagi membangunkan kawasan perniagaan dan pelancongan di Kampung Baru. Merujuk kepada **Draf Pelan Pembangunan Kampung Baru**, *zoning* guna tanah yang digunakan untuk tapak pembangunan Puncak Baru (**Lot 3338**) adalah di atas tapak pembangunan Perdagangan Pusat Bandar Raya dengan nisbah plot 10. **Pemilik tanah bagi Lot 3338 adalah Datuk Bandar Kuala Lumpur (DBKL).**

DBKL bercadang untuk membangunkan semula tapak tersebut selaras dengan *zoning* guna tanah berkenaan. Cadangan pembangunan semula tapak tersebut dikenali sebagai **Puncak Baru** yang bakal menyediakan unit-unit kediaman dan komersil yang lebih tersusun di samping penyediaan ruang niaga yang lebih baik kepada para peniaga di kawasan tersebut. Bagi tujuan itu, penduduk setinggan akan dipindahkan ke penempatan sementara.

Tuan Yang di-Pertua,

Mengenai tanah **Lot 25**, ianya adalah merupakan sebahagian daripada Lot 3338 yang turut dimiliki Datuk

Bandar Kuala Lumpur. Berkaitan isu tuntutan peniaga asal di Lot 25 tersebut, ianya adalah di **dalam tindakan mahkamah** dan mahkamah telah menetapkan kes ini untuk dibicarakan pada 20 Ogos 2009.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : DR. MUJAHID BIN HAJI YUSOF RAWA
(PARIT BUNTAR)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 23.06.2009

Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa (Parit Buntar) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan tentang beberapa syarikat insurans yang enggan menjual insurans 'third party' untuk kenderaan kepada pelanggan kerana mendakwa mengalami kerugian, apakah benar kenyataan ini dan apa tindakan Kerajaan jika tindakan ini dianggap tidak menghormati hak pelanggan untuk memilih.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, walaupun terdapat penanggung insurans yang menolak risiko-risiko tertentu termasuk kenderaan lama, yang dianggap berisiko tinggi berikutan dengan pengalaman tuntutan yang buruk bagi kategori kenderaan jenis ini dan kadar premium insurans pihak ketiga yang tidak mencukupi, pelanggan masih boleh mendapat perlindungan insurans melalui 'Malaysia Motor Insurance Pool' (MMIP) yang ditubuhkan pada tahun 1992 oleh industri insurans am. Perlindungan insurans adalah diwajibkan di bawah Akta

Pengangkutan Jalan 1987, di mana MMIP bertindak sebagai penanggung insurans terakhir. Sebagai penanggung insurans terakhir, MMIP wajib menawarkan perlindungan insurans seperti yang diminta oleh pemilik kenderaan. Pemilik kenderaan boleh mendapatkan perlindungan insurans daripada MMIP melalui Multi-Purpose Insurans Berhad ataupun Uni.Asia General Insurance Berhad.

2. Di samping itu, Industri insurans turut mendapatkan persetujuan Pos Malaysia Berhad untuk membolehkan kaunter-kaunter Pos Malaysia menjual perlindungan insurans motor bagi pihak MMIP untuk mempertingkatkan akses pemilik kenderaan kepada MMIP. Perkhidmatan ini dijangka akan mula dilaksanakan untuk kenderaan persendirian (kereta dan motosikal) di seluruh negara mulai 10 Julai 2009. Bagi kenderaan komersial, perkhidmatan ini akan dilaksanakan di Sabah dan Sarawak mulai 10 Julai 2009 dan di Semenanjung Malaysia mulai 24 Julai 2009. Perkhidmatan baru ini akan diumumkan oleh Persatuan Insurans Am Malaysia dan Pos Malaysia Berhad dalam masa terdekat ini.

3. Premium insurans motor di Malaysia adalah tertakluk kepada Tarif Motor dan tidak pernah dikaji semula sejak diperkenalkan pada tahun 1978. Premium yang sedia ada tidak lagi sesuai dan didapati tidak mencukupi untuk menampung pembayaran tuntutan semasa memandangkan pengalaman tuntutan yang semakin buruk akibat peningkatan jumlah kemalangan jalan raya, kes kecurian kenderaan dan kos perubatan dan pemulihan. Ini jelas dilihat daripada kadar tuntutan insurans motor keseluruhan sebanyak 72.1%, 80.7% dan

85.5% yang dicatat oleh industri insurans masing-masing pada tahun 2006, 2007 dan 2008.

4. Jika dianalisa secara terperinci, jumlah tuntutan perlindungan mandatori (tuntutan bagi kecederaan dan kematian pihak ketiga) mencatat kadar tuntutan sebanyak 204.3%, 242.0% dan 267.0% masing-masing bagi tahun 2006, 2007 dan 2008. Ini bermakna bagi setiap RM1 premium yang dibayar, penanggung insurans terpaksa membayar balik RM2.04, RM2.42 dan RM2.67 bagi tuntutan kecederaan dan kematian oleh pihak ketiga bagi tahun-tahun tersebut. Perlindungan mandatori ini adalah penyumbang utama kerugian yang dialami oleh penanggung insurans dalam sektor motor.

5. Premium insurans Pihak Ketiga adalah lebih murah dan tidak pernah berubah semenjak 1978. Sebagai contoh, premium Pihak Ketiga mengikut Tarif Motor bagi perlindungan Pihak Ketiga untuk kereta Proton Wira 1600 cc berusia 10 tahun adalah sebanyak RM64 setahun dan angka ini tetap tidak berubah kerana faktor penetapan premium bagi Pihak Ketiga hanyalah berdasarkan kubik kapasiti sahaja. Oleh itu, banyak penanggung insurans lebih berhati-hati menawarkan perlindungan insurans Pihak Ketiga, yang lazimnya dibeli oleh pemilik kenderaan lama.

6. Bagi menangani isu ketidakcukupan premium, Bank Negara Malaysia sedang mengkaji kadar premium insurans motor secara *holistic* dalam usaha untuk berpindah kepada sistem penetapan premium berasaskan risiko.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG
[MARANG]**

TARIKH : 23 JUN 2009

**SOALAN [SS] : Dato' Seri Abdul Hadi Bin Awang
[Marang] minta MENTERI LUAR NEGERI
menyatakan sama ada Kerajaan
bercadang untuk menubuhkan Pusat
Kajian Asia Tenggara yang diletakkan di
bawah Kementerian Luar Negeri untuk
mengkaji suasana geopolitik dan hubungan
dua hala antara Malaysia dan negara-
negara jiran.**

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Pada masa ini, terdapat beberapa agensi yang terlibat dalam membuat kajian mengenai Asia Tenggara seperti *Asian Strategy & Leadership Institute (ASLI)*, *Institute of Strategic and International Studies (ISIS)*, Universiti Malaya (UM) dan Universiti Sains Malaysia (USM). Ini menunjukkan betapa pentingnya rantau Asia Tenggara terhadap hubungan dua hala Malaysia dengan negara-negara serantau.

Kementerian berpendapat cadangan untuk menubuhkan Pusat Kajian Asia Tenggara sebagai satu institusi khusus untuk mengkaji suasana geopolitik dan hubungan dua hala antara Malaysia dan negara-negara jiran adalah merupakan satu idea yang boleh diteliti dengan lebih mendalam lagi. Cadangan ini perlu diteliti dari segi visi dan matlamatnya bagi memastikan institusi ini boleh memainkan peranannya dengan berkesan dalam menyumbang kepada hubungan dua-hala antara Malaysia dan negara-negara jirannya.

SOALAN NO: 56

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD.
MUTTALIB [MARAN]**

TARIKH : 23 JUN 2009

RUJUKAN : 1829

SOALAN:

Dato' Haji Ismail Bin Haji Abd. Muttalib [Maran] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah kes ragut yang berlaku sejak 5 tahun lalu (2004-2008) dan jumlah kes tersebut bagi tahun 2009 serta bilangan kes yang melibatkan kematian mangsa.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada **Ahli Yang Berhormat Kota Melaka** yang mengemukakan pertanyaan.

Izinkan saya menjawab pertanyaan ini serentak bersama pertanyaan oleh Yang Berhormat Maran bertarikh 23 Jun 2009 nombor 27 kerana ianya mengenai perkara yang sama.

a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, mengikut rekod Polis DiRaja Malaysia (PDRM), jumlah kes ragut yang dilaporkan dan juga melibatkan kematian adalah seperti berikut;

Tahun	Kes Ragut	Kematian
2005	10,185	3
2006	9,617	0
2007	9,551	1
2008	8,205	2
2009 (hingga Mei)	4,174	1
Jumlah	49,094	7

Perangkaan ini melihatkan penurunan dari tahun 2005 hingga 2006 sebanyak 5.57% atau 568 kes, pada tahun 2007 penurunan adalah sebanyak 0.68% atau 66 kes dan penurunan paling ketara adalah pada

tahun 2008 iaitu sebanyak 14.09% atau 1,346 kes. Jumlah kes ragut yang dilaporkan dari Januari hingga Mei 2008 adalah sebanyak 3,392 dan bagi tempoh yang sama dari Januari hingga Mei 2009 jumlah yang direkodkan adalah 4,174 kes.

b) Bagi mengatasi masalah kes ragut, tindakan yang diambil oleh PDRM adalah seperti berikut;


- (i) mengenal pasti kawasan yang kerap berlaku jenayah ragut memantau dan mengambil tindakan ke atas sindiket-sindiket jenayah ragut terancang;
- (ii) menghantar lebih ramai lagi pegawai serta anggota tambahan ke kawasan-kawasan yang kerap berlaku kes jenayah ragut;
- (iii) meningkatkan Ops besar-besaran untuk membentaras kegiatan jenayah ragut;
- (iv) menambahkan jumlah kereta peronda MPV untuk kegunaan rondaan di kawasan-kawasan tumpuan orang ramai;
- (v) menghantar lebih ramai anggota Bit / Patrol serta kawalan / rondaan di kawasan-kawasan tumpuan orang ramai;
- (vi) meningkatkan lagi keberkesanan penggunaan system kamera litar tertutup (CCTV) di kawasan tertentu untuk membantu mengesan penjenayah;

- (vii) lebih kerap mengadakan kempen-kempen, ceramah-ceramah dan pameran-pameran berkaitan jenayah ragut semasa;
- (viii) mengenakan tindakan undang-undang termasuk undang-undang termasuk undang-undang pencegahan terhadap penjenayah-penjenayah.

SOALAN NO. 57

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI
KAWASAN : BATANG SADONG
TARIKH : 23.06.2009 (SELASA)



SOALAN :

Y.B. PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI (BATANG SADONG)

minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan berapakah jenis permit import yang dikeluarkan oleh Kerajaan sehingga hari ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Pada masa ini, terdapat 1,227 kod tarif barangan yang dikenakan Lesen Import (AP) di bawah Akta Perintah Kastam 1967. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 583 kod tarif barangan adalah di bawah tanggungjawab Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI). Selebihnya adalah di bawah tanggungjawab pelbagai kementerian-kementerian lain seperti Kementerian Pertanian dan

Industri Asas Tani, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

Barangan yang memerlukan AP daripada MITI ialah:

- **224 kod tarif barangan besi dan keluli seperti produk kepingan/gulungan, produk palp dan tiub serta produk panjang;**
- **217 kod tarif barangan automotif seperti kereta dan motosikal;**
- **33 kod tarikh barangan mesin dan jentera berat seperti kren, jentolak dan mesin pendua;**
- **52 kod tarif barangan keperluan seperti gula, susu dan tepung gandum;**
- **43 kod tarif barangan bahan kimia berbahaya di bawah Chemical Weapon Convention (CWC); dan**
- **14 kod tarif barangan lain seperti topi keselamatan, pita magnetik dan *bleaching earth*.**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. DATO' SERI ONG KA TING**
KAWASAN : **KULAI**
TARIKH : **23.06.2009 (SELASA)**



Y.B. DATO' SERI ONG KA TING (KULAI) minta **MENTERI**
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan :-

- (a) Adakah Kementerian bercadang untuk memansuhkan syarat ekuiti dan meliberalisasikan sektor perkilangan di Malaysia; dan
- (b) Pelan tindakan oleh Kerajaan untuk meningkatkan pelaburan asing dalam sektor perkilangan di Malaysia pada krisis ekonomi ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi mempertingkatkan iklim pelaburan di Malaysia, Kerajaan telah memansuhkan syarat ekuiti dan meliberalisasikan sepenuhnya sektor perkilangan sejak 17 Jun 2003. Pelabur-pelabur asing kini boleh memegang 100% ekuiti dalam pelaburan bagi projek baru serta projek pembesaran/pelbagaian mereka tanpa tertakluk kepada syarat eksport.

Disamping itu mulai 1 Disember 2008, Kerajaan telah meliberalisasikan keperluan mendapatkan lesen pengilang dimana lesen pengilang kini dikeluarkan secara automatik, dalam tempoh 2 hari melainkan bagi industri yang melibatkan keselamatan, kesihatan, alam sekitar dan yang berkaitan keagamaan, di mana surat penilaian dan kelulusan pihak-pihak yang berkaitan masih diperlukan bagi tujuan pengeluaran lesen pengilang.

Kerajaan juga telah mengambil beberapa langkah lain seperti melonggarkan polisi penggajian pakar asing dalam sektor perkilangan, meningkatkan sistem penyampaian Kerajaan, menambahbaik polisi percukaian dan meningkatkan usaha-usaha menyediakan infrastruktur serta gunatenaga mahir agar dapat terus menarik para pelabur asing dan tempatan untuk terus melabur di Malaysia.

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi pertanyaan mengenai tindakan yang diambil oleh Kerajaan untuk meningkatkan pelaburan asing dalam sektor perkilangan khususnya pada masa krisis ekonomi ini, ingin saya memaklumkan bahawa Kerajaan secara berterusan memperbaiki dan mengambil langkah-langkah untuk memastikan pelaburan langsung asing (FDI) yang berkauliti terus mengalir ke dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan di Malaysia. Usaha-usaha ini telah dibuktikan dengan peningkatan jumlah kemasukan FDI ke Malaysia. Contohnya pada tahun 2007, daripada jumlah pelaburan RM59.9 bilion yang diluluskan, RM33.4 bilion (55.7%) adalah FDI. Pada tahun 2008, daripada jumlah pelaburan RM62.8 bilion yang diluluskan, RM46.1 bilion (73.4%) adalah FDI dan jumlah tersebut adalah yang tertinggi pernah direkodkan setakat ini.

Tuan Yang Di Pertua,

Di dalam suasana krisis ekonomi masa kini, persaingan untuk menarik kemasukan FDI adalah sengit bukan sahaja dari negara-negara maju malahan dari rantau ASEAN sendiri serta negara China dan juga India.

Tumpuan pelaburan asing sekarang adalah untuk sektor-sektor berteknologi tinggi, berintensif modal, penglibatan R&D, 'advanced electronics', mesin dan komponen, industri kejuruteraan sokongan, bioteknologi dan ICT. Industri-industri yang disasarkan tersebut adalah menepati dengan strategi pembangunan industri negara sebagaimana yang telah digariskan di dalam Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3) dan pelan-pelan pembangunan perindustrian sebelumnya.

Tuan Yang Di Pertua,

Dalam menghadapi krisis ekonomi global semasa, Kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan agensi berkaitan iaitu Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) akan terus mempergiatkan lagi usaha penggalakan kemasukan FDI ke Malaysia. Di antara aktiviti-aktiviti yang akan dijalankan adalah:-

- **penganjuran Misi Penggalakan Pelaburan yang diketuai oleh Menteri dan juga Timbalan Menteri MITI. Pada tahun 2007 dan 2008, sebanyak 11 misi penggalakan pelaburan telah dilaksanakan iaitu ke negara-negara iaitu Jepun, Singapura, Taiwan, Korea, Amerika Syarikat, negara-negara Timur Tengah dan Eropah. Bagi tahun 2009, sejumlah 9 misi penggalakan pelaburan telah dan akan diadakan termasuk ke Eropah, China, negara-negara ASEAN, Australia, Amerika Syarikat, Afrika Utara dan Asia Barat, Jepun, Korea dan India.**

- MITI juga menganjurkan "Specific Project Mission (SPM)" untuk menarik pelaburan daripada industri-industri yang dikenalpasti berpotensi untuk masa hadapan. SPM diadakan ke negara-negara terpilih untuk menemui syarikat-syarikat yang dikenalpasti untuk menarik mereka ke Malaysia. Pada tahun 2008, sebanyak 17 misi "SPM" telah dianjurkan ke negara-negara Jepun, Eropah, Korea, Taiwan, Amerika Syarikat, Norway, Itali, Jerman, Belanda, China, Denmark, Belgium, Singapura dan Hong Kong. Untuk tahun 2009, sejumlah 13 lagi misi "SPM" telah dirancang iaitu ke negara-negara seperti Korea, Taiwan, Jepun Eropah, Amerika Syarikat, Singapura dan India.
- penyertaan dalam pameran di luar negara khususnya pameran industri-industri yang menjadi sasaran Kerajaan pada masa kini iaitu yang berteknologi tinggi dan berintensifkan modal untuk memperkenalkan Malaysia sebagai destinasi projek pembesaran syarikat di rantau ini.

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan akan terus memperbaiki polisi dan dasar semasa termasuk mengisytiharkan liberalisasi bagi 27 sektor perkhidmatan pada 22 April 2009. Kerajaan juga telah menurunkan cukai korporat secara berperingkat daripada 27% pada tahun 2007 ke 26% pada tahun 2008 dan seterusnya penurunan kepada 25% pada tahun 2009.

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk tahun 2009 beberapa Persidangan Antarabangsa telah dan akan dianjurkan di Malaysia. Antaranya ialah, "Forbes Global CEO Conference 2009" dan "World Chambers Congress 2009". Antara objektif persidangan ini adalah untuk memberi pendedahan kepada

syarikat MNCs asing yang menghadiri persidangan berkenaan tentang iklim pelaburan di Malaysia. Selain daripada itu hanya merupakan landasan untuk memperkenalkan Malaysia sebagai destinasi utama yang menguntungkan untuk menjalankan perniagaan di rantau ini.

Bagi meningkatkan daya saing negara yang berterusan, Kerajaan terus berusaha untuk meningkatkan sistem penyampaian Kerajaan. Di antaranya ialah:

- **pada 7 Februari 2007, Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan atau (PEMUDAH) telah ditubuhkan yang bertujuan untuk meningkatkan lagi sistem penyampaian Kerajaan dan juga untuk mengatasi isu birokrasi yang wujud di dalam urusan di antara pihak perniagaan dengan Kerajaan;**
- **memberi bantuan dan khidmat nasihat kepada para pelabur dalam bentuk aktiviti “handholding”. Bantuan ini akan mengurangkan birokrasi, mempercepatkan kelulusan oleh agensi-agensi berkaitan dan meningkatkan projek yang telah diluluskan;**
- **mewujudkan Pusat Sehati di peringkat negeri dan Kerajaan Tempatan bagi membantu pelabur; dan**
- **memudah dan memendekkan prosedur bagi memastikan tempoh pemprosesan lesen, insentif dan pengecualian duti dipermudahkan.**

NO. SOALAN : 59.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' JOHARI BIN ABDUL
TARIKH : 23JUN 2009 (SELASA)

SOALAN

Dato' Johari Bin Abdul [Sungai Petani] minta PERDANA MENTERI menyatakan:

- a) Adakah kerajaan mengambil tindakan membubarkan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi kerana Kerajaan telah yakin yang orang Melayu dan Bumiputera sudah maju dan telah bersedia untuk bersaing dengan kaum lain di Malaysia
- b) Sehingga bulan Mei 2008 berapa peratuskah pegangan ekuiti orang Melayu dan Bumiputera dalam hartanah di negara ini.

CADANGAN JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Mengenai perkara (a), tindakan Kerajaan membubarkan Kementerian Pembangunan dan Koperasi (MeCD) bukan bermakna agenda Bumiputera tidak penting lagi. Perlu ditegaskan bahawa agenda pembangunan ekonomi Bumiputera telah dan akan terus menjadi

keutamaan Kerajaan dengan fungsi serta program yang selama ini dilaksanakan oleh MeCD akan diagihkan pelaksanaannya kepada lapan Kementerian dan Agensi untuk diperkasakan lagi. Program sedia ada akan terus dilaksanakan oleh Kementerian baru terutamanya di bawah seliaan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan dengan pendekatan dan mekanisme baru yang lebih cekap dan efisien. Di samping itu, pelaksanaan program Bumiputera juga terus dipantau dari semasa ke semasa.

Strategi dan inisiatif baru juga sedang digubal bagi memastikan pelaksanaan agenda Bumiputera khususnya di bawah program Masyarakat Pembangunan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) dipertingkatkan. Tumpuan akan diberi kepada pembangunan usahawan Bumiputera tulen serta program usahasama tulen antara syarikat Bumiputera dengan Bukan Bumiputera. Kerajaan yakin pada masa ini terdapat syarikat Bumiputera yang mampu bersaing dengan syarikat Bukan Bumiputera dalam mendapatkan peluang-peluang perniagaan. Sehubungan itu, syarikat berkenaan akan terus dibantu untuk dinaiktaraf atau diperkukuhkan lagi ke tahap yang lebih tinggi dan seterusnya menjadi Syarikat yang berjaya di peringkat global.

Tuan Yang Di Pertua,

Mengenai perkara (b), pada masa ini, maklumat mengenai pegangan ekuiti orang Melayu dan Bumiputera dalam hartanah di negara ini hanyalah terhad kepada maklumat pemilikan premis dan bangunan

komersial sahaja. Tinjauan yang dijalankan pada tahun 2007 menunjukkan pemilikan premis dan bangunan komersial mengikut kaum seperti berikut:

Tahun 2007

Bumiputera	- 15.0%
Cina	- 76.1%
India	- 3.8%
Lain-lain	- 5.1 %

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' DR. ABDULLAH BIN MD. ZIN (BESUT)

TARIKH : 23 JUN 2009

SOALAN:

Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin [Besut] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah tidak dikawal penyiaran terlalu banyak drama-drama Indonesia yang menonjolkan cerita-cerita tahyul dan khurafat yang juga boleh membawa kesan buruk kepada masyarakat.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian sentiasa mengawal kandungan program-program yang disiarkan melalui TV termasuk drama-drama dari negara luar seperti Indonesia. Kawalan ini dibuat melalui Kod Etika siaran oleh RTM dan Kod Kandungan bagi stesen-stesen swasta. Di samping kawalan dalaman ini, sebarang program TV perlu juga melepasi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Lembaga Penapisan Filem (LPF). Sebarang pelanggaran kepada syarat-syarat ini, tindakan boleh diambil di

bawah peruntukan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM 1998).

Stesen-stesen TV juga tidak boleh menyiarkan kandungan yang menyinggung sensitiviti agama, bangsa dan budaya mana-mana masyarakat di Malaysia, dan tidak menyiarkan apa-apa jua kandungan yang bertentangan dengan budaya dan nilai-nilai murni masyarakat Malaysia mahupun kandungan yang tidak menyumbang kepada aspirasi nasional.

Pihak stesen televisyen juga perlu memastikan kandungan yang disiarkan mematuhi Kod Kandungan di bawah seliaan Forum Kandungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia (CMCF).

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Dato' Ngeh Koo Ham
(Beruas)
TARIKH : 23 Jun 2009

SOALAN : Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta
PERDANA MENTERI menyatakan apakah fungsi dan peranan Biro
Tatanegara. Sejauh manakah dakwaan seperti yang tersiar dalam surat
khabar *The Star* pada 22/5/2008 bahawa Biro Tatanegara terlalu
menekankan hak rakyat berasaskan perkauman hinggakan ia
menyebabkan perpecahan antara kaum.

Jawapan :

Tuan Yang Di Pertua,

Fungsi dan peranan Biro Tatanegara (BTN), Jabatan Perdana Menteri
adalah memupuk semangat patriotisme dan cintakan Negara dengan
mengendalikan Program Bina Negara yang meliputi pelbagai kursus dan

seminar. Ia bertujuan untuk memupuk semangat patriotisme kepada semua lapisan masyarakat terdiri daripada pemimpin, warga institusi pendidikan, anggota perkhidmatan awam, pemaju masyarakat, anggota pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan pekerja swasta. Terkini, BTN juga akan menumpu peranan kepada penerapan semangat gagasan 1Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan.

BTN juga berperanan dalam mempertingkatkan komitmen rakyat kepada wawasan Negara dan usaha-usaha ke arah kecemerlangan Negara serta mempersiapkan rakyat supaya menunjangi dasar-dasar Negara ke arah pembangunan demi kesejahteraan bangsa. Pengisian program BTN adalah mengikut silibus kenegaraan yang ditetapkan. Silibus ini disediakan oleh golongan profesional yang mahir dalam bidang-bidang tertentu. Ini termasuk latihan sikap, berteraskan nilai-nilai murni bagi menjadi rakyat yang boleh menyumbang untuk pembangunan negara.

Selain dari itu elemen patriotisme juga diberi penekanan bagi memberi kesedaran dan meningkatkan semangat cinta serta setia kepada negara. Setiap maklumat yang disampaikan kepada peserta kursus adalah berasaskan kepada fakta sejarah dan tidak menyentuh sentimen perkauman secara sempit.

Semenjak penubuhannya lagi BTN menyanjung perpaduan dan keharmonian di kalangan masyarakat pelbagai kaum. Ini boleh dilihat melalui pengisian program yang memberi penekanan terhadap aspek nilai-nilai murni dan perpaduan antara kaum. Modul yang sedia ada banyak menyentuh perkara-perkara yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan yang antara lain termasuklah hak dan kedudukan orang Melayu/Bumiputera dan dalam masa yang sama penerangan tentang hak-hak rakyat kaum lain juga tidak diabaikan. Peserta-peserta program juga diberi kebebasan untuk menyatakan pandangan, idea serta pendirian semasa mengikuti program tersebut. Pendek kata tidak timbul langsung soal memperkecil dan memburukkan kaum bukan Melayu kerana perkara-perkara yang disampaikan adalah berkaitan dengan Perlembagaan Persekutuan.

Oleh yang demikian adalah tidak benar sama sekali dakwaan seperti yang tersiar dalam surat khabar *The Star* pada 22/5/2009 bahawa Biro Tatanegara terlalu menekankan hak rakyat berasaskan perkauman sempit hingga ia menyebabkan perpecahan antara kaum. Sebaliknya BTN sejak penubuhannya pada tahun 1981 lagi telah melaksanakan program yang menepati objektif utama iaitu untuk memupuk semangat patriotisme, membina sikap berteraskan nilai murni dan penghayatan cintakan negara di kalangan warganegara.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON

TARIKH: 23 JUN 2009

SOALAN:

Y.B. TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON [Ipoh Barat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan kegagalan untuk mendaftar pelajar serta melantik pekerja pentadbiran golongan kaum India secara majoritinya di Institut NST Arumugam Pillai seperti yang dijanjikan semasa pembubaran South Indian Labour Fund pada tahun 1999.

PR-022-L18710

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Lembaga Kumpulan Wang Buruh India Selatan (LKWBIS) ditubuhkan pada 1 September 1958 di bawah Ordinan Kumpulan Wang Buruh India Selatan, Bil. 24 Tahun 1958 bagi menggantikan Jawatankuasa Imigresen India yang ditubuhkan oleh British pada tahun 1907.

Jemaah Menteri pada 9 Jun 1999 memutuskan supaya Lembaga Kumpulan Wang Buruh India Selatan dibubarkan dan pembubaran telah dibuat pada 19 November 1999. Selepas pembubaran Lembaga ini, wang dan tanahnya digunakan untuk menubuh dan menyelenggara sebuah institut latihan kemahiran di atas tanah tapak Rumah Orang-Orang Tua India di Nibong Tebal. Ianya dinamakan Institut Latihan Perindustrian

Arumugam Pillai, Kementerian Sumber Manusia untuk memberi latihan kemahiran kepada belia-belia lepasan sekolah terutama keturunan India Selatan.

Ingin saya jelaskan bahawa Kementerian saya tidak pernah mengabaikan pengambilan pelajar-pelajar kaum India untuk mengikuti latihan di semua Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia, Kementerian Sumber Manusia termasuklah Institut Latihan Perindustrian Arumugam Pillai Nibong Tebal (ILP APNT).

Bagi makluman Dewan Yang Mulia ini, sehingga kini, jumlah keseluruhan pelajar kaum India yang sedang mengikuti latihan di ILP APNT ialah seramai 186 orang (33%) daripada jumlah keseluruhan 563 pelajar. Bagi sesi kemasukan Januari 2009, daripada 313 permohonan untuk mengikuti latihan di ILP APNT diterima, 101 (32%) permohonan adalah daripada kaum India dan kesemuanya telah ditawarkan untuk mengikuti latihan di ILP APNT. Namun demikian hanya 28 orang (28%) sahaja yang hadir melaporkan diri untuk mengikuti latihan.

Bagi keperluan tenaga kerja di ILP APNT, semua urusan pengambilan tenaga pengajar mahupun staf sokongan adalah di bawah bidang kuasa pihak berkuasa melantik yang berkenaan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD YUSOF
[BALIK PULAU]**

TARIKH : 23 JUN 2009

SOALAN :

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusof [Balik Pulau] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah pelajar Malaysia yang belajar di luar negara di bawah tajaan Kerajaan Malaysia yang diterima masuk di Universiti Harvard, Yale, Stanford, Princeton, Oxford dan Cambrige.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Statistik pelajar tajaan JPA di luar negara yang masih belajar di Universiti Harvard, Yale, Stanford, Princeton, Oxford dan Cambridge adalah seperti berikut:

Universiti	Bilangan Pelajar
Harvard	1
Oxford	15
Cambridge	45
Yale	1
Princeton	1
Stanford	5
Jumlah	68

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

TARIKH : 23 JUN 2009 (SELASA)

SOALAN :

Y.B. DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS] MINTA MENTERI KERJA RAYA menyatakan samada ianya betul bahawa kos untuk menandakan jalur kuning atas jalan selekoh di hadapan Mahkamah Majistret, Pantai Remis, Perak menelan kos RM 30,000. Kalau betul, kenapa kosnya begitu tinggi.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerja – kerja mengecat jalan melibatkan beberapa lokasi termasuk jalur kuning di hadapan Mahkamah Majistret, Pantai Remis. Kos yang terlibat bagi lokasi tersebut adalah sebanyak RM 3,672.90.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

1111 2 C

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DR MOHD HATTA BIN MD RAMLI
(KUALA KRAI)
TARIKH : 23.06.2009
NO. SOALAN : 61/ 65

DR MOHD HATTA BIN MD RAMLI (KUALA KRAI) minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan sama ada Kerajaan menurunkan harga runcit bakar RON 95 yang ditetapkan pada RM1.75 sekiranya harga petroleum dunia menurun sebelum tempoh permulaannya pada September tahun ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Penetapan harga runcit petrol dan diesel di Malaysia ditetapkan melalui kaedah *Automatic Pricing Mechanism* (APM) yang diguna pakai sejak 1 Mac 1983. Objektif APM adalah bagi memastikan kestabilan harga dan bekalan, mengawal inflasi dan memberi jaminan keuntungan kepada pengusaha stesen minyak dan syarikat minyak. Komponen APM terdiri daripada kos produk yang merupakan harga purata *Means of Platts Singapore* (MOPS), alpha, kos operasi, margin syarikat minyak, margin pengusaha,

cukai jualan dan subsidi serta nilai tukaran wang Malaysia (RM) berbanding dollar Amerika (USD). Kerajaan akan menetapkan harga runcit pada satu paras tertentu di mana perubahan kos produk tidak akan mengubah harga runcit. Perbezaan antara harga runcit dengan harga sebenar akan ditampung oleh subsidi dan pengecualian cukai jualan.

Melalui kaedah ini, komponen pembolehubah utama adalah kos produk dan kadar tukaran matawang. Oleh yang demikian, perubahan kepada kedua-dua komponen ini akan memberi kesan langsung kepada jumlah subsidi dan pengecualian cukai jualan Kerajaan dalam menentukan harga runcit petrol dan diesel.

Kerajaan perlu mengambil kira semua faktor di atas sebelum menetapkan sesuatu harga runcit baru bagi RON95 sekiranya terdapat penurunan atau kenaikan harga minyak mentah dunia. Disamping itu, Kerajaan juga perlu memastikan tindakan yang diambil tidak akan menjejaskan bekalan minyak di stesen minyak, kerugian yang terpaksa ditanggung oleh pengusaha stesen minyak dan tiada masalah penghantaran stok minyak dari depoh ke stesen-stesen minyak.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Tuan Amran bin Ab Ghani**
(Tanah Merah)
TARIKH : **23 JUN 2009**

SOALAN: : Tuan Amran bin Ab Ghani (Tanah Merah)
minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tidakkah Kerajaan bercadang mewujudkan satu Kementerian yang baru untuk menyelesaikan kemelut agensi MARA yang berada di bawah Kementerian Luar Bandar dan Wilayah sedangkan fungsi MARA banyak berperanan di bandar dan berkaitan dengan bidang pelajaran dan perniagaan sahaja.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Pada dasarnya MARA pada ketika ini berada di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) berjalan dengan baik. Kerajaan tidak bercadang mewujudkan satu lagi Kementerian baru khas untuk mengendalikan MARA.

Objektif utama MARA adalah untuk menggalak, membimbing, melatih dan membantu Bumiputera, khususnya di luar bandar, supaya menyertai dengan aktif dalam kegiatan perdagangan dan perusahaan ke arah membentuk masyarakat usahawan Bumiputera yang berdaya tahan, profesional dan kukuh. Dalam melaksanakan tanggungjawabnya MARA telah menetapkan strategi pelaksanaan seperti berikut:-

- (1) Mewujud serta menambah bilangan usahawan di kalangan Bumiputera dan meningkatkan taraf mereka dalam kegiatan perdagangan dan perusahaan ke arah pembentukan masyarakat peniaga yang berjaya dan kukuh;

- (2) Mengambil bahagian yang aktif dalam bidang perdagangan dan perindustrian tertentu melalui pelaburan dan pengurusan dalam syarikat-syarikat sebagai langkah untuk meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam dunia perniagaan;
- (3) Menambah bilangan gunatenaga Bumiputera yang terlatih dalam berbagai bidang di semua peringkat, khususnya untuk keperluan sektor perdagangan dan perindustrian; dan
- (4) Menggalakkan lain-lain kemudahan dan perkhidmatan yang sesuai serta menjadi pemegang amanah yang boleh membantu secara khusus atau umum bagi meninggikan taraf ekonomi dan sosial Bumiputera.

Di dalam Rancangan Malaysia ke Sembilan, MARA akan melaksanakan program-program seperti berikut:

- i) Sektor Usahawan
 - Pembangunan Usahawan
 - Pembangunan Perniagaan
 - Pembangunan Infrastruktur Perniagaan
 - Kenderaan MARA

- ii) Sektor Pendidikan
 - Pendidikan Menengah
 - IKM
 - Institut Kemahiran Tinggi MARA (GMI)
 - Pendidikan Profesional
 - Kolej Polytech MARA
 - Pusat Giatmara

- iii) Program Inter Sektor

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEDUA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TAN SRI DATO' ABD KHALID
BIN IBRAHIM
(BANDAR TUN RAZAK)**

TARIKH : 23.06.09

SOALAN :

**Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah
menyatakan :-**

- (a) apakah langkah-langkah yang sedang dilakukan oleh JHEOA untuk memastikan semua tanah warisan dan pusaka Orang Asli

diwartakan secepat mungkin demi menjamin hak mereka; dan

- (b) jika usaha yang sedang dijalankan untuk mewartakan tanah warisan Orang Asli, bilakah proses warta itu dijangka akan selesai.

JAWAPAN:

Saya mohon menjawab soalan YB. daripada Bandar Tun Razak bersekali dengan soalan YB. dari Labis.

Untuk makluman Yang Berhormat, kuasa pewartaan tanah Orang Asli adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri dan Kementerian melalui Jabatan Hal Ehwal Orang Asli sedang bekerjasama rapat dengan Kerajaan Negeri berhubung perkara-perkara berkaitan.

Berdasarkan rekod Jabatan (sehingga Disember 2008), sejumlah 50,563.51 hektar tanah telah diluluskan untuk masyarakat Orang Asli. Daripada jumlah tersebut, seluas 19,713.65 hektar telah diwartakan sebagai Rizab Orang Asli, manakala bakinya seluas 30,849.86 hektar masih dalam proses pewartaan. Selain tanah yang telah diluluskan tersebut, seluas 82,647.68 hektar tanah juga telah dipohon daripada beberapa Kerajaan Negeri iaitu Pahang, Perak, Kelantan, Terengganu, Selangor, Johor, Negeri Sembilan dan Melaka yang mana setakat ini masih dalam pertimbangan. Tempoh masa bagi proses pewartaan tersebut dapat selesai disempurnakan adalah tertakluk kepada bidang kuasa Kerajaan Negeri.

Di samping itu, Kementerian ini juga telah membentangkan Kertas Cadangan Dasar Pemberimilikan dan Pembangunan Tanah

Masyarakat Orang Asli kepada Jemaah Menteri pada 7 November 2008 dan Kerajaan pada dasarnya bersetuju dengan cadangan tersebut di mana telah menetapkan:-

- i. pemilikan tanah berkeluasan 2 hingga 6 ekar untuk tanah ladang;
- ii. pemilikan tanah 5,000 kaki persegi hingga $\frac{1}{4}$ ekar untuk rumah; dan
- iii. pemberi milikan hanya diberikan kepada Ketua Isi Rumah Orang Asli sahaja.

Kertas cadangan dasar ini akan seterusnya dibawa ke Mesyuarat Majlis Tanah Negara untuk kelulusan, sebelum dasar ini dapat dilaksanakan.

SOALAN NO: 68

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN CHONG ENG [BUKIT MERTAJAM]
TARIKH : 23 JUN 2009
RUJUKAN : 1956

SOALAN:

Puan chong Eng [Bukit Mertajam] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan oleh Kerajaan bagi menangani kegiatan pelacuran yang mengikut satu laporan NST telah meraih hampir 3 bilion pada tahun lepas (NST 25/05/09), muka depan). Adakah Kerajaan mempeunyai cadangan untuk "regulate" industri ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Bukit Mertajam yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pelacuran atau persundalan merupakan satu kesalahan jenayah di bawah undang-undang negara seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 372, seksyen 372A, seksyen 372B dan seksyen 373 Kanun Keseksaan. Ketiga-tiga seksyen yang dinyatakan ini adalah mencakupi kesalahan-kesalahan berhubung aktiviti pelacuran bukan sahaja kepada penganjur, malahan kepada mana-mana pihak yang terlibat dari segi menjayakan aktiviti pelacuran malahan kepada pelacur sendiri. Kegiatan pelacuran merupakan sesuatu yang jijik dan berlawanan dengan moral mana-mana agama sekalipun.

Justeru itu, usaha-usaha serta langkah-langkah untuk membasmi kegiatan pelacuran sentiasa dilaksanakan dari semasa ke semasa. Pihak polis dan pihak berkuasa tempatan sentiasa menjalankan pemeriksaan ke atas rumah-rumah tumpangan dan hotel-hotel murahan yang disyaki menjalankan aktiviti pelacuran. Kegiatan ini dipercayai menampung pelanggan yang terdiri daripada golongan berpendapatan rendah dan pendatang asing yang berkerja di Malaysia.

Selain itu, serbuan dan pemeriksaan mengejut turut dilakukan di hotel-hotel sekitar Chow Kit yang mempunyai SPA, memandangkan ada SPA yang bertopengkan aktiviti urut tetapi hakikatnya menjalankan kegiatan pelacuran yang melibatkan perempuan warganegara asing dan tempatan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat juga, bagi tempoh bulan Januari hingga Mei tahun 2009, seramai 43 orang yang dipercayai terlibat sebagai penganjur aktiviti pelacuran telah dituduh di Mahkamah dan seramai 15 orang lagi diambil tindakan di bawah Undang-Undang Pencegahan. Dalam tempoh yang sama juga, pihak polis telah melancarkan Ops Noda, di mana sebanyak 4,539 serbuan telah diadakan di seluruh negara bagi mencegah kegiatan pelacuran.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI SAMSURI
[BAGAN SERAI]
TARIKH : 23 JUN 2009
SOALAN :

Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi kekurangan doktor dan ambulans untuk menaik taraf mutu perkhidmatan Klinik-klinik di luar Bandar.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sedar akan keperluan ambulans bagi penyampaian perkhidmatan kesihatan di Malaysia. Mengikut peruntukkan asal pada tahun 2007, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM38.5 juta untuk perolehan 100 buah unit ambulans untuk diedarkan kepada klinik-klinik kesihatan dan hospital-hospital. Sejumlah 15 buah ambulans dicadangkan untuk diagihkan kepada klinik kesihatan manakala 85 buah lagi kepada hospital. Beberapa masalah yang dihadapi berkaitan pembelian dan penentuan spesifikasi telah menyebabkan pembelian tersebut tertangguh, namun ambulans tersebut akan diperolehi dan dijangka beroperasi pada tahun 2009. Peruntukan kedua adalah mengikut Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) di mana sejumlah RM25 juta diperuntukkan untuk perolehan 125 buah ambulans *Type B* dan *C* yang akan dibekalkan kepada klinik-klinik kesihatan dan hospital-hospital. Peruntukan ketiga adalah melalui Pakej Rangsangan Tambahan 2009 di

mana sejumlah RM38 juta telah diperuntukkan untuk perolehan sejumlah 190 buah ambulans *Type B* dan pada masa ini, ia sedang di dalam proses perancangan.

Pembelian ambulans amat bergantung kepada peruntukan yang diperolehi. Pihak Kementerian telah mengenalpasti 26 buah Pusat Panggilan Kecemasan Utama (*Call Center*) yang bertindak sebagai pusat kawalan kepada perkhidmatan ambulans di klinik-klinik kesihatan. Selain itu, Kementerian juga bekerjasama dengan agensi-agensi lain seperti Jabatan Pertahanan Awam, St. John Ambulans dan Persatuan Bulan Sabit Merah bagi menyediakan perkhidmatan ambulans yang lebih menyeluruh kepada rakyat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI WAN ABD RAHIM BIN
WAN ABDULLAH [KOTA BHARU]**

TARIKH : 23 JUN 2009

RUJUKAN : 1834

SOALAN: 70

Dato' Haji Wan Abd Rahim bin Wan Abdullah [Kota Bharu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan yang diambil terhadap Hindraf.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Izinkan saya menjawab soalan ini bersama soalan-soalan Yang Berhormat Kota Bharu bertarikh 23 Jun 2009 dan Yang Berhormat Ipoh Barat bertarikh 25 Jun 2009 kerana soalan-soalan tersebut adalah berkaitan. Saya mengucapkan terima kasih kepada ahli-ahli Yang Berhormat Batu Kawan, Kota Bharu dan Ipoh Barat yang mengemukakan soalan-soalan.

Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, pihak Kerajaan perlu sentiasa peka dan mengambil tindakan pencegahan awal terhadap sebarang ancaman kepada keselamatan negara dan ketenteraman awam. Kerajaan adalah bertanggungjawab untuk memelihara kesejahteraan rakyat jelata dan memastikan mereka dapat menjalani kehidupan harian tanpa gangguan atau sebarang kebimbangan bahawa keselamatan mereka terancam.

Hindraf adalah sebuah pertubuhan haram yang tidak berdaftar. Kumpulan ini telah diisytiharkan sebagai sebuah kumpulan haram pada 14 Oktober 2008 mengikut peruntukan Seksyen 8(1) Akta Pendaftaran Pertubuhan 1966 (Akta 335). Tindakan penahanan lima (5) orang pemimpin Kumpulan Haram Hindraf (KHH) di bawah Seksyen 8 (1) AKDN 1960 adalah kerana tindak tanduk mereka menganjurkan aktiviti-aktiviti yang jelas membangkitkan sentimen perkauman dan agama yang serius yang boleh mencetuskan konflik

antara kaum dan seterusnya memudaratkan ketenteraman awam dan keselamatan negara. Mereka juga telah menganjurkan perhimpunan-perhimpunan yang membangkitkan sentimen sehingga mencetuskan tindakan-tindakan yang berunsur keganasan.

Maklumat perisikan telah mendedahkan terdapat usaha-usaha oleh Kumpulan Haram Hindraf (KHH) untuk mendapatkan bantuan dan sokongan dari negara luar. Maklumat perisikan juga melaporkan bahawa lawatan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy, Pengerusi kumpulan ini ke luar negara pada 28 November 2007 adalah di antara lainnya, untuk mendapatkan sokongan antarabangsa termasuk usaha untuk mengadakan perjumpaan dengan pemimpin LTTE.

Tuan Yang Dipertua,

Kelima-lima pemimpin Kumpulan Haram Hindraf yang dikenakan Perintah Tahanan telah dibebaskan dengan bersyarat sepertimana peruntukan di bawah Seksyen 10 AKDN 1960 kerana dirasakan mereka telah menunjukkan pemulihan semasa di dalam tahanan.

Kerajaan meletakkan keselamatan negara dan kesejahteraan rakyat sebagai keutamaan dan akan bertindak tanpa kompromi demi memastikan keselamatan negara dan kesejahteraan rakyat terjamin. Oleh yang demikian, Kerajaan tidak akan memohon maaf kepada mana-mana pihak selagi mana perbuatan atau tindakan mereka

didapati boleh mengancam dan menggugat keselamatan negara dan ketenteraman awam.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : DATO' MOHD JIDIN BIN SHAFEE
(SETIU)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 23.06.2009

Dato' Mohd Jidin bin Shafee (Setiu) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan bilangan pembayaran cukai bagi anggota dan kakitangan Kerajaan Persekutuan dan Negeri tahun 2006, 2007 dan 2008.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, bilangan anggota dan kakitangan Kerajaan Persekutuan dan Negeri yang membayar cukai pendapatan bagi tahun taksiran 2006, 2007 dan 2008 adalah seperti berikut:

TAHUN TAKSIRAN	BILANGAN
2006	108,946
2007	139,421
2008	140,890

Jumlah cukai yang dikenakan bagi 3 tahun tersebut adalah sebanyak RM887.29 juta.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB TUAN LIM KIT SIANG [IPOH TIMUR]
TARIKH : 24 JUN 2009 (RABU)

SOALAN:

YB TUAN LIM KIT SIANG [IPOH TIMUR] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah cara penyelesaian yang akan diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah perundangan dan sosial berbangkit berikutan insiden di mana salah seorang ibu bapa bukan Islam yang menganut Islam dan soal hak penjagaan anak-anak dalam keluarga yang asal yang tersusul.

JAWAPAN: **YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI AZIZ**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

Pada masa ini Jabatan Peguam Negara sedang memuktamadkan pindaan undang-undang yang berkaitan dengan penukaran agama. Bagi maksud ini, pindaan yang sewajarnya akan dibuat kepada tiga undang-undang yang berkaitan, iaitu Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan

Perceraian) 1976 [Akta 164], Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 [Akta 505] dan Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 [Akta 303]. Adalah diharapkan melalui pindaan-pindaan ini, masalah perundangan dan sosial yang berbangkit daripada pemeluk Islam oleh salah seorang pasangan bukan Islam seperti isu pembubaran perkahwinan, nafkah, hak jagaan anak dan pembahagian harta perkahwinan akan dapat diatasi.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI MOHAMED SAID
(KUALA KRAU)**

TARIKH : 23 JUN 2009

SOALAN:

Dato' Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI, DAN KEBUDAYAAN** menyatakan bilangan pengunjung Muzium Negara bagi tempoh 2005 hingga 2008 dan 2009 serta menyatakan apakah langkah yang diambil bagi menarik lebih ramai pengunjung ke Muzium berkenaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

**BILANGAN PENGUNJUNG KE MUZIUM NEGARA DARI TAHUN
2005 HINGGA 2009**

TAHUN	JUMLAH PELAWAT
2005	327,106
2006	321,979

2007	297,317
2008	320,592
2009 (Sehingga bulan Mei)	198,371
JUMLAH	1,465,365

Langkah-langkah yang diambil bagi menarik lebih ramai pengunjung ke Muzium Negara antaranya menaiktaraf empat (4) buah galeri agar lebih banyak ruang bagi menempatkan lebih banyak koleksi dan bahan pameran.

Seterusnya, pihak Muzium juga mempergiatkan lagi promosi melalui media elektronik dan media cetak serta hebahan ke sekolah-sekolah dan institusi pengajian tinggi mengenai Muzium Negara. Disamping itu, aktiviti-aktiviti seperti pameran khas (*thematic exhibitions*) yang diadakan dari masa ke masa (lazimnya pameran khas diadakan bagi tempoh di antara sebulan ke tiga bulan), demonstrasi mengawet spesimen, kuiz, persembahan kebudayaan, forum, seminar, bengkel konservasi dan bengkel mengenal koleksi adalah langkah yang diambil bagi menarik lebih ramai pengunjung ke Muzium Negara.

PARLIMEN MALAYSIA
PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI TAIB AZAMUDDEN (BALING)

TARIKH : 23 JUN 2009 (SELASA)

SOALAN : Tuan Haji Taib Azamuddin bin Md Taib [Baling] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa para pekebun kecil, terutamanya pekebun kelapa, sedang menderita kerana terpaksa menjualnya dengan harga sangat rendah, sedangkan di pasar, terutamanya di bandar besar, harganya begitu tinggi. Adakah Kementerian bercadang untuk memberi insentif khas kepada pekebun kecil kelapa ini.

JAWAPAN : Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Harga kelapa sama ada di ladang atau di pasaran runcit sentiasa mengalami keadaan turun naik bergantung kepada permintaan dan penawaran, dan ia mempengaruhi pendapatan pekebun kecil kelapa.

Pendapatan pekebun kecil bergantung kepada dua faktor iaitu hasil pengeluaran dan harga pasaran. Pada masa ini, hasil purata kelapa dari jenis '*Malayan Tall*' adalah di antara 3,500 biji – 4,000 biji/hektar/tahun sahaja sementara harga purata ladang bagi kelapa kupas ialah di antara RM 0.50 – 0.55/biji di Utara Semenanjung, manakala harga runcit ialah RM 1.45/biji di Kedah dan RM 1.05/biji di Seberang Perai, Pulau Pinang.

Kelapa yang ditanam dari jenis '*Malayan Tall*' yang telah tua hanya mampu mencapai hasil purata di antara 3,500 biji – 4,000 biji/hektar/tahun. Dengan itu, Kementerian telah dan sedang melaksanakan program penanaman semula dan pemulihan kelapa dengan kelapa hibrid dari jenis Matag yang mampu mengeluarkan hasil sehingga 25,000 biji/hektar/tahun.

Di samping itu juga, petani digalakkan mengusahakan tanaman secara integrasi dengan tanaman lain dan menjalankan aktiviti hiliran bagi menambahkan lagi pendapatan.

Buat masa ini, Kerajaan belum bercadang untuk memberikan insentif khas kepada pekebun kecil kelapa. Namun, mulai tahun 2009, kadar bantuan Penanaman Semula Kelapa telah dinaikkan daripada RM6,500/hektar kepada RM20,000/hektar dalam 4 tahun di mana kadar bagi tahun pertama diperuntukkan sebanyak RM12,300/hektar. Manakala kadar bantuan Pemulihan Semula Kelapa telah dinaikkan dari RM 2,500/hektar kepada RM 5,500/hektar dalam tempoh 3 tahun di mana kadar bagi tahun pertama yang disediakan ialah sebanyak RM2,500/hektar. Bantuan ini merangkumi pembersihan kawasan, menambak tanah antara dua parit, sistem perparitan, benih, baja dan

input pertanian. Kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM29.14 juta untuk pembangunan industri kelapa pada tahun 2009.

Kerajaan juga memberikan Insentif Pengeluaran Tanaman termasuk kelapa bermula pada tahun 2008. Melalui insentif ini, pekebun-pekebun kecil kelapa diberi insentif sebanyak RM78.00 bagi setiap 1 metrik tan kelapa yang dikeluarkan (perkiraan 1 kg = 1 biji) oleh petani.

Disediakan Oleh:

Nama Pegawai : Encik Abd. Razak bin Husen
Jawatan : Timbalan Pengarah
Tempat Bertugas : Seksyen Tanaman Industri, Jabatan Pertanian
No. Telefon : 012-9886566

Diselaraskan Oleh:

Nama Pegawai : Habibah Ahmad
Jawatan : KPSU(ITTP)Tanaman
Tempat Bertugas : Bahagian ITTP
No. Telefon : 88701417

DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' DR. JAMES DAWOS MAMIT
[MAMBONG]

TARIKH : 23 JUN 2009

SOALAN :

Dato' Dr. James Dawos Mamit [Mambong] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan ciri-ciri KPI (Key Performance Index) yang diguna pakai oleh Kementerian bagi memantau kejayaan pelaksanaan langkah-langkah penguatkuasaan peraturan-peraturan dan keperluan alam sekitar di negara kita.

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini telah membangunkan Key Performance Index (KPI) bagi memantau pematuhan kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya. Tujuannya adalah untuk memastikan alam sekitar negara sentiasa bersih, selamat, sihat serta produktif dan tidak dicemari. Antara ciri-ciri utama KPI ialah:

- (i) menetapkan sasaran supaya semua kilang kepada sawit dan kilang getah mematuhi peraturan-peraturan alam sekitar 100% menjelang tahun 2010; dan
- (ii) menetapkan sasaran supaya kilang-kilang pembuatan dan pemprosesan mematuhi peraturan-peraturan alam sekitar 100% menjelang tahun 2015.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN DING KUONG HIING
[SARIKEI]

TARIKH : 23 JUN 2009 (SELASA)

SOALAN :

TUAN DING KUONG HIING [SARIKEI] MINTA MENTERI KERJA RAYA menyatakan

- a) Jumlah peratusan kilometer jalan raya yang dibina di seluruh negeri Sarawak jika dibandingkan negeri Kelantan dengan nisbah keluasan.
- b) Nyatakan jumlah peruntukan yang diberikan kepada Kerajaan Negeri Sarawak khas untuk projek pembinaan dan menaik taraf jalan raya dari tahun 2006 hingga 2008.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Negeri Sarawak mempunyai rangkaian jalan raya sepanjang 11,970km^(a) termasuk 1,705km Jalan Persekutuan. Keluasan Negeri Sarawak pula adalah kira-kira 124,450 kilometer persegi^(b). Manakala di negeri Kelantan pula, jumlah panjang jalan raya ialah 2,901^(c)km, termasuk jalan persekutuan sepanjang 921km. Keluasan negeri Kelantan pula adalah kira-kira 15,099kilometer persegi^(d).

Bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat mengenai nisbah kilometer jalan raya berbanding keluasan, adalah dimaklumkan bahawa, nisbah panjang jalan raya berbanding keluasan Negeri Sarawak adalah 1:10.4 iaitu 1km bagi setiap 10.4 kilometer persegi. Manakala di Kelantan pula adalah 1 : 5.1 iaitu 1 km bagi setiap 5.1 kilometer persegi. Secara perbandingan, negeri Sarawak mempunyai nisbah kilometer jalan raya yang lebih rendah dibandingkan dengan Negeri Kelantan.

Walau bagaimanapun, nisbah ini adalah berkait rapat dengan jumlah dan kepadatan penduduk. Anggaran penduduk di negeri Sarawak dalam tahun 2008 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia adalah seramai 2,452,800^(e) manakala di Negeri Kelantan pula seramai 1,595,000^(f) orang. Ini bermakna

kepadatan penduduk dalam sekilometer persegi di Negeri Sarawak adalah 19.7 orang/km² dan di Negeri Kelantan pula 106 orang/ km². Data ini jelas menunjukkan bahawa kepadatan penduduk di negeri Kelantan adalah lebih tinggi iaitu hampir 5 kali ganda berbanding kepadatan penduduk di negeri Sarawak. Justeru itu, adalah tidak tepat untuk mengatakan Sarawak mempunyai rangkaian jalan raya yang kurang baik berbanding Negeri Kelantan hanya dengan mengambil kira faktor keluasan negeri tanpa mengambil kira jumlah kepadatan penduduk.

- b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kementerian Kerja Raya telah diluluskan sebanyak RM2.343 bilion untuk melaksanakan projek-projek jalan & jambatan bagi negeri Sarawak dalam RMKe-9. Di dalam Pakej Rangsangan Ekonomi Fasa 2 pula, Sarawak telah diperuntukkan sebanyak RM160.8 Juta dari sejumlah RM317 juta yang diperuntukkan untuk Kementerian Kerja Raya.

Peruntukan yang telah diagihkan untuk melaksanakan projek-projek pembinaan dan menaik taraf jalan raya dari tahun 2006 hingga 2008 di negeri Sarawak adalah sebanyak RM1.58 bilion.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG
(SIBUTI)
TARIKH : 23 JUN 2009 (SELASA)

SOALAN NO. 77

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang (Sibuti) minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan berapakah peruntukan dana pembangunan belia di setiap negeri di Malaysia telah disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan dan berapakah jumlah peruntukan dana yang boleh digunakan bagi kawasan Parlimen Sibuti untuk tahun 2009.

JAWAPAN:

Jumlah keseluruhan peruntukan dana pembangunan belia di bawah Kementerian Belia dan Sukan bagi tahun 2009 yang telah disalurkan ke setiap negeri adalah sebanyak **RM65,857,696.00**. Di mana, jumlah peruntukan untuk kawasan Parlimen Sibuti, Sarawak adalah sebanyak **RM87,850.00**.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : TUAN WEE CHOO KEONG (WANGSA MAJU)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 23.06.2009 SOALAN NO: 78

Tuan Wee Choo Keong (Wangsa Maju) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapakah Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) membenarkan AirAsia berhutang cukai lapangan terbang berjumlah RM65 juta (tunggakan setakat 28-02-2009) walaupun ia telah dikutip terdahulu daripada penumpang dan Air Asia memang mencatatkan untung besar tahunan sejak penubuhannya, dan mengapakah MAHB perlukan rundingan khas dengannya untuk mendapatkan kembali tunggakan tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, MAHB tidak pernah membenarkan AirAsia atau mana-mana syarikat penerbangan yang lain berhutang cukai lapangan terbang kepada pihaknya. Walaubagaimanapun, memandangkan AirAsia telah mempunyai hutang tertunggak sebanyak RM65 juta, MAHB kini sedang dalam rundingan

dengan AirAsia untuk menyelesaikan isu tersebut dan MAHB yakin ia akan dapat diselesaikan dalam tempoh terdekat.

Tindakan drastik tidak dibuat oleh MAHB terhadap AirAsia kerana ia akan menjejaskan operasi di LCCT dan seterusnya memberi kesan negatif terhadap MAHB sebagai operator dan pengendali Lapangan Terbang.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN: LISAN

**DARIPADA : YB PUAN ZURAIDA BINTI
KAMARUDDIN [AMPANG]**

TARIKH : SELASA, 23 JUN 2009

RUJUKAN : 09

SOALAN :

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] minta
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN menyatakan:**

- (a) Adakah Kerajaan menimbang untuk mewujudkan pengangkutan awam air seperti feri bas di sungai-sungai di Kuala Lumpur; dan
- (b) Jika tidak, kenapa ia tidak boleh dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Ampang, fungsi utama sungai-sungai di Kuala Lumpur adalah bagi usaha-usaha **pencegahan banjir** dengan mengekalkan kapasiti hidraulik sungai.

Untuk melaksanakan pengangkutan awam air, sungai-sungai di Kuala Lumpur memerlukan saluran atau paras air yang tinggi dan paras ini perlu sentiasa dikekalkan.

Namun, apa yang berlaku pada masa ini ialah saluran sungai-sungai di Kuala Lumpur **tidak menentu ketinggiannya**. Misalnya, pada musim kemarau atau '*dry weather*', aliran sungai adalah rendah dan sedikit berbanding pada musim hujan di mana paras air adalah lebih tinggi dan arusnya deras. Selain itu, keadaan sungai yang sempit tebingnya juga adalah berisiko tinggi dan **tidak sesuai untuk diwujudkan sistem pengangkutan awam air**.

Oleh yang demikian, cadangan untuk mewujudkan sistem pengangkutan awam berteraskan air (*water-based public*

transportation system) seperti feri bas di sungai-sungai di Kuala Lumpur **adalah tidak sesuai untuk dilaksanakan.**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TAN TEE BENG [NIBONG TEBAL]

TARIKH : 23 JUN 2009

SOALAN :

Tuan Tan Tee Beng [Nibong Tebal] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengenai pinjaman pelajaran dari JPA (Jabatan Perkhidmatan Awam) untuk mereka yang bukan Bumiputera. Adakah terdapat sebarang kriteria yang spesifik bagi golongan bukan bumiputera yang memohon biasiswa atau pinjaman Kerajaan dari aspek keputusan peperiksaan, kaum dan jumlah pendapatan ibu bapa.

JAWAPAN : YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

JPA ada menawarkan Skim Pinjaman Yuran Pengajian kepada pelajar yang mengikuti pengajian peringkat Ijazah Pertama di luar negara tanpa mengira kaum. Skim ini diwujudkan bagi meringankan beban kewangan pelajar-pelajar persendirian di luar negara tertakluk kepada syarat dan kriteria tertentu. Syarat-syarat Umum bagi Skim Pinjaman Yuran Pengajian adalah seperti berikut:

- Warganegara Malaysia;
- Berumur di bawah 25 tahun semasa permohonan dibuat;
- Pelajar telahpun berjaya menamatkan sekurang-kurangnya satu semester (bagi pelajar lepasan diploma) / setahun pengajian di luar negara dan telah berjaya masuk ke tahun berikutnya (tertakluk kepada syarat-syarat khusus);
- Ibu/Bapa/Adik-Beradik/Pelajar bukan merupakan Peminjam Tegar Pinjaman / peminjam disenaraihitamkan / mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman (daripada JPA atau badan-badan pinjaman kerajaan yang lain);

NO. SOALAN

- o Ibu/bapa tidak pernah melanggar mana-mana kontrak biasiswa kerajaan (sekiranya pernah/sedang berkhidmat dengan kerajaan); dan
- o Hanya seorang daripada ahli keluarga sahaja yang layak mendapat pinjaman pada satu-satu masa (Permohonan ahli keluarga yang lain hanya akan dipertimbangkan selepas peminjam sebelumnya telah membuat bayaran balik pinjaman sekurang-kurangnya 6 bulan).

Kemudahan pinjaman yang disediakan adalah berkonsepkan *cost sharing* di mana JPA akan membiayai yuran pengajian sahaja tertakluk kepada jumlah maksimum sebanyak RM200,000.00 seorang bagi Program Pinjaman Biasa (bagi bidang-bidang pengajian selain Perubatan, Pergigian, Farmasi dan Sains Veterinar) dan maksimum RM 250,000.00 bagi Program Pinjaman Khas Perubatan (bagi bidang Perubatan, Pergigian, Farmasi dan Sains Veterinar). Had ini ditetapkan agar tidak membebankan pelajar-pelajar untuk membuat bayaran balik selepas tamat pengajian nanti. Lain-lain kos seperti kos sara hidup dan kos kerugian pertukaran wang asing adalah di bawah tanggungjawab pelajar sendiri.

Bayaran balik pinjaman perlu dibuat selepas pelajar berjaya menamatkan pengajian atau ditamatkan pengajian kerana sebab-sebab kelemahan akademik, kes-kes disiplin dan sebagainya.

NO. SOALAN

Bayaran secara ansuran bulanan adalah berdasarkan jumlah pinjaman yang dibuat.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN NGA KOR MING
(TAIPING)**

**TARIKH : 23 JUN 2009
(SELASA)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan perbelanjaan Ops Fajar 1 & 2, Misi Escort di laksanakan oleh KD Sri Inderasakti dan KD Hang Tuah secara berasingan dan jumlah keseluruhan.

SULIT

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Operasi (OPS) FAJAR telah bermula pada 29 Ogos 2008 bagi melindungi kapal-kapal dagang Malaysia yang melintasi Teluk Eden dari ancaman lanun. OPS FAJAR 1/2008 telah dilakukan oleh kapal KD SRI INDERAPURA dan KD LEKIU dan telah berakhir pada 20 Okt 2008. Manakala OPS FAJAR 2/2008 telah dilakukan oleh KD MAHAWANGSA bermula 7 Sep hingga 17 Dis 2008. OPS ini masih diteruskan sehingga sekarang yang mana sedang dilakukan oleh kapal KD SRI INDERAPURA.

Jumlah perbelanjaan bagi melaksanakan OPS FAJAR 1/2008 adalah RM16.3 juta. Sementara OPS FAJAR 2/2008 pula sebanyak RM14.5 juta. Jumlah keseluruhan bagi kedua-dua operasi ini ialah sebanyak RM30.8.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN GWO - BURNE LOH
(KELANA JAYA)
TARIKH : 23 JUN 2009 (SELASA)

SOALAN :

Y.B. TUAN GWO - BURNE LOH (KELANA JAYA) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan kes penipuan Syarikat Pembinaan Bandar Subang Sdn. Bhd. yang mengugut tidak mahu menyerahkan sijil hak pemilikan pembeli sehingga pembeli menjelaskan tambahan sehingga mencecah RM 10,000 untuk kos pembinaan yang lebih di mana pembinaan tersebut tidak terkandung di dalam terma dan syarat perjanjian sebelumnya.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Terima kasih diucapkan kepada Ahli Yang Berhormat atas soalan ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara umumnya syarikat pemaju tidak boleh mengenakan apa-apa syarat tambahan selain yang diperuntukkan dalam Surat Perjanjian Jual dan Beli. Berdasarkan format Perjanjian Jual dan Beli di bawah Akta Pemajuan Perumahan (kawalan dan Pelesenan) 1966 di bawah Jadual G dan Jadual H, syarikat pemaju adalah bertanggungjawab untuk menyempurnakan memorandum pindah milik (MOT) dalam tempoh 21 hari dari tarikh hakmilik berasingan dikeluarkan kepada pembeli. Sekiranya pembinaan tambahan tersebut tidak terkandung dalam perjanjian, pembeli boleh mengambil tindakan perundangan sivil terhadap pemaju.

Sehubungan itu, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan menyiasat perkara ini dan sekiranya

dakwaan itu benar, KPKT akan mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap pemaju.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Jun 2009

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' LILAH BIN YASIN (JEMPOL)
TARIKH : 23.06.2009

SOALAN:

Y.B. DATO' LILAH BIN YASIN [JEMPOL] minta Menteri Pelajaran menyatakan:-

- (a) mengapakah masalah kekurangan guru terlatih tidak dapat diselesaikan; dan
- (b) Berapakah bilangan guru sementara (guru sandaran) yang masih bertugas di seluruh negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

a) Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) menyedari masalah kekurangan guru masih berlaku terutama di sekolah menengah. KPM mendapati antara faktor penyebab berlakunya kekurangan gurudan kesukaran mengatasi masalah ini adalah seperti berikut:

- i. Calon guru pelatih menolak tawaran memasuki kursus perguruan atau memberhentikan pengajian dan ini mengakibatkan unjuran yang telah dibuat sebelum ini tidak dapat dipenuhi. Contoh yang dapat dilihat adalah dalam pengambilan KPLI ambilan Januari 2009, di mana 797 calon telah menolak tawaran dan yang mendaftar hanyalah 8,185 orang. Penolakan

- ini berlaku kerana terdapat calon yang mendapat pekerjaan lain atau tawaran biasiswa agensi lain seperti JPA, MARA, Petronas atau agensi swasta.
- ii. Calon guru pelatih yang telah menamatkan pengajian perguruan di bawah tajaan KPM telah melanggar kontrak perjanjian dan tidak mahu berkhidmat dengan KPM. Misalnya dalam Program Pelajar Cemerlang, daripada 140 orang yang telah dihantar ke luar negara pada 2003, hanya 73 orang yang tamat pengajian pada 2009 dan berkhidmat dengan KPM.
 - iii. Terdapat kursus perguruan dalam subjek khusus yang ditawarkan mengikut unjuran keperluan didapati tidak mendapat sambutan dari pemohon yang berkelayakan dalam bidang tersebut, misalnya Kursus Perguruan Lepas Ijazah untuk program bahasa Arab (j-QAF), Pengajian Agama Islam (j-QAF) dan Pendidikan Muzik. Contoh penerimaan permohonan sedikit yang amat ketara dapat dilihat pada pengambilan Jun/Julai 2009 di mana permohonan calon j-QAF Agama Islam hanyalah berjumlah 83 orang, sedangkan tawaran dibuka adalah untuk 1,800 orang.
 - iv. Terdapat guru bukan siswazah dalam perkhidmatan telah melebihi had umur untuk membolehkan mereka menyambung pelajaran. Ini adalah kerana had umur kelayakan untuk mendapatkan biasiswa dan menyambung pelajaran adalah sehingga 40 tahun. KPM mencadangkan agar Kerajaan membenarkan satu mekanisme dibuat untuk membolehkan guru bukan siswazah diberi peluang melanjutkan pelajaran walaupun telah melebihi 40 tahun.
- b) Sehingga 30 April 2009, bilangan Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT) yang masih bertugas di sekolah menengah seluruh negara seramai 9,234 orang, manakala bagi sekolah rendah seramai 4,042 orang.

SOALAN NO. 84

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN LIM GUAN ENG
KAWASAN : BAGAN
TARIKH : 23.06.2009 (SELASA)

Y.B. TUAN LIM GUAN ENG (BAGAN) minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan berapa peruntukan yang diberikan untuk membangun dan menaik taraf taman perindustrian mengikut pecahan negeri setiap tahun semenjak tahun 2000 dan untuk Pulau Pinang, berikan pecahan taman perindustrian.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Program Menaik Taraf Infrastruktur Asas Kawasan Perindustrian Sedia Ada merupakan satu program di bawah Rancangan Malaysia ke 9 (RMK-9). Program ini merupakan satu program *one off* yang bermula pada tahun 2006 dan berakhir 2010 dengan siling peruntukan sebanyak RM429.75 juta. Pada tahun 2000 sehingga 2005 program ini tidak diwujudkan lagi. Tujuan Program ini adalah mewujudkan kawasan perindustrian dengan infrastruktur asas yang lengkap supaya pelabur di kawasan perindustrian sedia ada terus dapat beroperasi dalam

persekitaran yang baik di samping dapat menarik kemasukan pelaburan baru.

Program ini telah ditadbir urus oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (EPU, JPM) pada tahun 2006-2007. Bermula pada 1 Januari 2008, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)/ Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) telah mengambilalih program ini dengan siling peruntukan sejumlah RM314.98 juta.

Agihan peruntukan mengikut negeri di bawah RMK-9 adalah seperti berikut :

Bil	Negeri	Jumlah Peruntukan (RM)
1	Pulau Pinang	53,758,000
2	Terengganu	21,000,000
3	Kedah	19,000,000
4	Negeri Sembilan	12,000,000
5	Melaka	7,417,004
6	Johor	32,169,000
7	Perak	35,400,000
8	Selangor	30,024,000
9	Sarawak	17,800,000
10	Pahang	10,000,000
11	Sabah	27,000,000
12	Kelantan	14,700,000
13	Perlis	8,600,000
14	ICU, PERDA	-
JUMLAH		314,981,004

Tuan Yang Di Pertua,


Bagi Negeri Pulau Pinang, jumlah silling yang telah diperuntukkan oleh EPU, JPM adalah RM61.80 juta. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM46.76 juta (tidak termasuk perbelanjaan pada tahun 2006 dan 2007) ditadbir urus oleh MITI/MIDA bagi peruntukan 2008. Manakala sebanyak RM7.0 juta telah diperuntukkan kepada Pulau Pinang di bawah Kajian Separuh Penggal bagi perbelanjaan 2009 hingga 2010. Jumlah peruntukan yang ditadbir urus oleh MIDA bagi tempoh 2008-2010 ialah sebanyak RM53,758,000. Pecahan peruntukan mengikut taman-taman perindustrian di Pulau Pinang adalah:

Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP)		
1	Zon Perindustrian Bayan Lepas dan Teknoplex Mk. 12, Daerah Barat Daya	} 22,758,000.00
2	FIZ Fasa 1, Jalan Sultan Azlan Shah, Bayan Lepas	
3	FIZ II, Bayan Lepas	
4	FIZ III, Bayan Lepas	
5	Bayan Lepas Industrial Park, Bayan Lepas	
	Jumlah (MPPP)	22,758,000.00
Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP)		
1	Kawasan Perusahaan Peral I, II, III dan IV dan Zon Perindustrian Bebas Peral	} 31,000,000.00
2	Kawasan Perusahaan Bukit Tengah, Seberang Perai Tengah	
3	Kawasan Perindustrian Bukit Minyak, Seberang Perai Tengah	
4	Taman IKS Tasek, Seberang Perai Selatan	
	JUMLAH (MPSP)	31,000,000.00
	JUMLAH KESELURUHAN	53,758,000.00

SOALAN NO.85

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN TENG BOON SOON
KAWASAN : TEBRAU
TARIKH : 23.06.2009 (SELASA)



Y.B. TUAN TENG BOON SOON minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan semua langkah-langkah untuk membantu pengusaha-pengusaha SME dan mekanisme pemantau untuk memastikan pengusaha-pengusaha dari semua kaum mendapat bantuan dan layanan yang saksama untuk mengatasi kemerosotan ekonomi.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

a) Seperti yang sedia maklum, Kerajaan telah melancarkan dua pakej ransangan ekonomi berjumlah RM67 billion bagi menangani kelembapan ekonomi global. Daripada jumlah tersebut, RM 12.5 billion ataupun 18.7 peratus telah diperuntukkan bagi syarikat EKS melalui:

- Penubuhan dana RM300 juta untuk melaksanakan program latihan kemahiran yang ditumpukan ke arah memenuhi keperluan majikan dan industri, terutamanya di Koridor-koridor Pembangunan;

- **Penubuhan dana sebanyak RM100 juta bagi penambahan premis perniagaan di samping memperindahkannya suasana pekan-pekan kecil yang terpilih di seluruh Negara;**
- **Penyediaan pinjaman mudah sebanyak RM 200 juta bagi melaksanakan skim mikro kredit oleh Bank Negara Malaysia (BNM);**
- **Penyediaan dana modal pusingan RM100 juta untuk Program Kewangan Mikro Bandar di bawah Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM);**
- **Penubuhan Skim Bantuan Jaminan EKS oleh BNM bagi memastikan EKS berdaya maju yang menerima kesan buruk daripada kelembapan ekonomi semasa akan terus mendapat akses kepada pembiayaan yang mencukupi. Dengan adanya perlindungan jaminan, adalah dijangka bahawa akses pembiayaan kepada PKS yang berdaya maju akan dipermudahkan, pada kos yang lebih rendah;**
- **Penubuhan Skim Jaminan Modal Kerja berjumlah RM5 billion bagi membiayai modal kerja syarikat-syarikat yang mempunyai dana pemegang ekuiti di bawah RM 20 juta;**
- **Penubuhan Skim Dana Jaminan Penstrukturan Semula Industri berjumlah RM 5 billion bagi meningkatkan produktiviti dan nilai ditambah lebih tinggi serta menggalakkan aplikasi *green technology*;**

- Peruntukan tambahan sebanyak RM350 juta bagi program mikro kredit di bawah AgroBank dan TEKUN;
- Penubuhan Tabung Kebajikan Nelayan sebanyak RM2 juta bagi membantu nelayan yang mengalami musibah di laut;
- Peruntukan tambahan sebanyak RM 200 juta untuk meningkatkan infrastruktur di kawasan pelancongan dan menambah baik program *homestay*;
- Perbelanjaan ubahsuai dan baik pulih yang dilakukan ke atas premis perniagaan diberi Elaun Modal Dipercepatkan sehingga RM 100,000 yang boleh dituntut dalam tempoh dua tahun;
- Penubuhan Institusi Jaminan Kewangan atau *Financial Guarantee Institution (FGI)* dengan modal berbayar sebanyak RM1billion untuk menyediakan penambahan kredit kepada syarikat swasta yang ingin mendapatkan pembiayaan pasaran bon;
- Pengecuallian bayaran levi kepada Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (HRDF) selama enam bulan oleh majikan industri tekstil serta elektrik dan elektronik. Sebagai langkah tambahan, kadar bayaran levi diturunkan daripada satu peratus kepada 0,5 peratus bagi semua majikan selama dua tahun berkuat kuasa 1 April 2009; dan

- **Penambahan peruntukan sebanyak RM200 juta bagi Dana Pembangunan Automotif.**

Tuan Yang Dipertua

- b) **Kedua-dua Pakej Rangsangan yang diumumkan sebelum ini adalah terbuka kepada semua pengusaha enterpris kecil dan sederhana (EKS) dan tidak disasarkan untuk satu kaum sahaja. Mekanisme pemantauan yang dilaksanakan di peringkat Kementerian adalah melalui penubuhan Jawatankuasa Pemantauan Pakej Ransangan yang memantau pelaksanaan program-program di bawah pakej ransangan secara mingguan. Kedua-dua Pakej Rangsangan tersebut juga dipantau oleh Unit Pengurusan Projek (PMU) di Kementerian Kewangan. Antara fungsi Unit ini adalah untuk memastikan perlaksanaan semua program dan projek yang telah diumumkan dilaksanakan dengan segera dan mengadakan mesyuarat dengan Kementerian/Agensi pelaksana secara berkala untuk memantau dan mengatasi sebarang masalah yang menghalang kelancaran pelaksanaan program dan projek.**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHONG CHIENG JEN

TARIKH : 23 JUN 2009 (SELASA)

SOALAN

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mempertingkatkan perkhidmatan pengangkutan awam di Bandaraya Kuching.

JAWAPAN:

YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan pengangkutan awam di Bandaraya Kuching seperti berikut:

1. **Subsidi Diesel & Subsidi Petrol**

Pemberian subsidi diesel dan subsidi petrol melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) kepada semua kenderaan pengangkutan awam bagi menampung kenaikan kos operasi dan seterusnya dapat meningkatkan kualiti perkhidmatan yang diberikan kepada pengguna.

2. **Tabung Pembangunan Pengangkutan Awam (TPPA)**

Menyediakan Tabung Pembangunan Pengangkutan Awam (TPPA) yang bertujuan untuk memberi pinjaman mudah bagi pembelian kenderaan baru, penggantian kenderaan dan peningkatan kualiti kenderaan.

3. **Penyusunan Semula Laluan Kereta Sewa**

Dalam tahun 2007, LPKP Sarawak telah merangka dan melaksanakan penyusunan semula laluan kereta sewa melalui

kaedah zon. Laluan kereta sewa sebelum ini dihadkan kepada jalan-jalan yang dibenarkan sahaja dan ini merugikan pengusaha sekaligus memberi peluang kepada kewujudan perkhidmatan kereta sapu. Kaedah penstrukturan ini telah mendapat reaksi positif daripada pihak pengusaha kereta sewa kerana zon yang ditetapkan telah meluaskan laluan operasi kereta sewa, menguntungkan pengusaha dari segi penambahan pendapatan serta mampu mengurangkan kewujudan perkhidmatan kereta sapu.

Di samping itu, kaedah penstrukturan laluan kereta sewa melalui zon ini juga memudahkan orang awam mengenali kereta sewa yang melalui laluan yang hendak dituju dan merupakan satu kelegaan bagi semua pihak kerana ianya bukan sahaja memudahkan pemantauan kereta sewa keluar masuk ke kawasan bandar bahkan juga mempamerkan satu keseragaman. Sehingga ke hari ini, kaedah zon tersebut sedang diperluaskan ke seluruh negeri Sarawak dan diperkemas dari semasa ke semasa bagi memenuhi keperluan pengangkutan awam terutamanya kepada penduduk di kawasan luar bandar.

4. **Perlantikan 3 Buah Syarikat Bas Baru**

LPKP Sarawak telah meluluskan lesen baru bas berhenti-henti kepada 3 buah syarikat iaitu City Public Link Sdn Bhd (40 lesen), Jepak Holdings Sdn Bhd (60 lesen) dan Biaramas Sdn Bhd (19 lesen). Syarikat-syarikat ini akan mula beroperasi pada bulan Ogos 2009 sekaligus akan meluaskan rangkaian jaringan perkhidmatan bas berhenti-henti di Bandaraya Kuching.

Selain daripada itu, sebuah terminal bersepadu pengangkutan awam dirancang akan didirikan di kawasan Petra Jaya. Dengan adanya terminal ini sekaligus akan dapat meningkatkan kualiti perkhidmatan pengangkutan awam khususnya bas berhenti-henti kepada rakyat di Bandaraya Kuching.

5. **Kajian Kadar Tambang Pengangkutan Awam**

Kajian kadar tambang untuk seluruh pengangkutan awam di Negeri Sarawak juga telah dilaksanakan. Kadar tambang baru ini dijangka akan memberi manfaat kepada semua pengusaha pengangkutan awam dan kadar tersebut tidak akan membebankan pengguna. Kerajaan akan memuktamadkan semakan kadar tambang pengangkutan awam dan akan diumumkan dalam jangka masa terdekat.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : TUAN GOBALAKRISHNAN A/L NAGAPAN

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 23.06.2009

Tuan Gobalakrishnan a/l Nagapan (Padang Serai) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Kementerian untuk memantau dan mencegah penjualan samsu haram di Kawasan Parlimen Padang Serai.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, penjualan samsu adalah tertakluk kepada perlesenan oleh Kastam DiRaja Malaysia (KDRM). Penjualan samsu tanpa lesen dianggap sebagai penjualan samsu haram. KDRM sentiasa membuat penguatkuasaan mengawasi aktiviti penjualan samsu haram termasuk di kawasan Parlimen Padang Serai melalui langkah-langkah seperti berikut:

- i. mengadakan sekatan jalan raya di lokasi-lokasi strategik; dan
- ii. membuat serbuan serta pemeriksaan ke atas kedai-kedai yang disyaki melakukan

kesalahan di bawah undang-undang tadbiran
KDRM.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN TAN KOK WAI (CHERAS)

TARIKH : 23 JUN 2008 (SELASA)

SOALAN :

YB Tuan Tan Kok Wai (Cheras) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan apakah dasar Kerajaan untuk melindungi dan meningkatkan kualiti hidup warga emas yang lebih baik yang pernah mereka nikmati sebelum bersara dan apakah langkah untuk membantu mereka yang tersepit dalam suasana kemerosotan ekonomi sekarang.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat prihatin terhadap kebajikan dan kesejahteraan warga emas. Usaha melindungi dan meningkatkan kualiti hidup warga emas akan direalisasikan melalui Dasar Warga Tua Negara dan Pelan Tindakan Dasar Warga Tua. Melalui dasar ini, penekanan diberikan dalam usaha mewujudkan masyarakat warga emas yang sejahtera, bermaruah, mempunyai martabat diri yang tinggi dengan mengoptimumkan potensi diri mereka dan menentukan mereka menikmati semua peluang di samping mendapat penjagaan dan perlindungan sebagai ahli keluarga, masyarakat dan negara.

Pelbagai agensi seperti Kementerian Kesihatan, Kementerian Pelajaran, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Kementerian Luar Bandar dan Wilayah turut bekerjasama untuk memastikan hak dan keperluan warga emas dapat disediakan.

Bagi membantu warga emas yang tersepit dalam suasana kemerosotan ekonomi sekarang, Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat menyediakan pelbagai program bagi membantu warga emas yang berkeperluan iaitu:

- a) Menyediakan Bantuan Orang Tua (BOT) dengan kadar RM300.00 seorang sebulan;
- b) Menyediakan kemudahan jagaan dan perlindungan di Rumah Seri Kenangan (RSK) dan Rumah Ehsan (RE);
- c) Menyediakan perkhidmatan pengangkutan melalui Unit Khidmat Penyayang Warga Emas bagi memenuhi keperluan warga emas untuk mendapatkan pemeriksaan dan rawatan kesihatan di hospital atau klinik kesihatan;
- d) Menyediakan perkhidmatan Bantuan di Rumah (*Home Help Services*) iaitu perkhidmatan yang dilaksanakan dengan kerjasama sukarelawan kepada warga emas untuk melakukan urusan harian seperti membersihkan tempat tinggal warga emas, membeli keperluan harian dan membayar bil dan lain-lain lagi;

- e) Menyediakan Bantuan Alat Tiruan/Sokongan seperti alat otopedik, cermin mata, alat pendengaran dan tongkat; dan
- f) Menyediakan perkhidmatan kaunseling bagi mengoptimum tahap kesejahteraan psikologikal warga emas.

NO: 89

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI IDRIS BIN HAJI HARON
[TANGGA BATU]**

TARIKH : 23 JUN 2009

SOALAN [89] : Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan langkah-langkah Kementerian dalam menangani dan mengelakkan konflik sesama negara jiran serantau serta mekanisme penyelesaian konflik (conflict resolution mechanism) yang sesuai.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Pada dasarnya, Malaysia sentiasa mengamalkan hubungan luar negara yang terbuka dan dasar berbaik-baik dengan semua negara di dunia termasuk negara-negara serantau melalui dasar luar negara yang berasaskan kepada prinsip-prinsip keadilan dan kesaksamaan. Sekiranya ada apa-apa masalah, ia wajar diselesaikan melalui meja rundingan.

Ini adalah selaras dengan Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama di Asia Tenggara (*Treaty of Amity and Cooperation in Southeast Asia – TAC*) yang diamalkan kesemua negara-negara ASEAN. Selain daripada itu, Bab VIII dalam Piagam ASEAN yang menyatakan bahawa mekanisme untuk menyelesaikan segala pertikaian secara aman damai adalah melalui dialog, perundingan dan runding bicara. Pendekatan ini telah menjamin perdamaian dan pengantaraan dalam menangani permasalahan sesama negara jiran serantau sehingga kini. Tambah lagi, negara-negara anggota ASEAN kini sedang dalam proses

menyiapkan mekanisme menyelesaikan permasalahan berdasarkan undang-undang antarabangsa atau "*dispute-settlement mechanism*".

Selaras dengan usaha untuk mencapai pembentukan Komuniti ASEAN 2015, Malaysia dengan negara ASEAN yang lain akan berusaha untuk menjalinkan hubungan politik, ekonomi dan perdagangan yang lebih erat lagi antara satu sama lain.

Selain daripada itu, Malaysia juga memberi penekanan kepada mesyuarat-mesyuarat dua hala dengan negara-negara jiran bagi menyelesaikan pertikaian secara aman dan memanfaatkan semua pihak. Ini termasuk melalui Suruhanjaya Persempadanan Bersama, Rundingan Tahunan dan juga Mesyuarat Suruhanjaya Bersama.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB PUAN SITI ZAILAH BINTI
MOHD YUSOFF (RANTAU PANJANG)**

TARIKH : 23 JUN 2009 (SELASA)

SOALAN :

YB Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff (Rantau Panjang) minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jumlah kes ibu mengandung anak luar nikah dan kes anak luar nikah yang dikendalikan oleh Kementerian. Berapakah kes ulangan dan apakah Kementerian dilihat berjaya mengendalikan kes-kes ibu mengandung anak luar nikah dan kes-kes anak luar nikah.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bertanggungjawab memberi perlindungan dan pemulihan kepada kanak-kanak yang mengandung anak luar nikah mengikut Akta Kanak-Kanak Tahun 2001 iaitu kanak-kanak perempuan yang berusia di bawah umur 18 tahun.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kes kanak-kanak mengandung anak luar nikah dan kes anak luar nikah yang dikendalikan oleh JKJ bagi tahun 2008 adalah sebanyak 109 kanak-kanak manakala bagi tempoh bulan Januari hingga April 2009 jumlah kes adalah sebanyak 44.

Bagi ibu mengandung yang berumur 18 tahun ke atas, JKM bekerjasama rapat dengan Badan-badan Bukan Kerajaan dalam membantu mereka yang memerlukan perlindungan.

Setakat ini tiada kes ulangan dikalangan kanak-kanak yang telah diberikan perlindungan dan pemulihan oleh JKM. Berdasarkan kepada fakta ini, adalah jelas bahawa JKM berjaya memainkan peranan dan tanggungjawabnya memberi perlindungan dan pemulihan sewajarnya kepada kumpulan kanak-kanak berkenaan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN ABD. RAHMAN BIN BAKRI
(SABAK BERNAM)
TARIKH : 23.06.2009

SOALAN:

Y.B. TUAN ABD. RAHMAN BIN BAKRI [SABAK BERNAM] minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah pihak kerajaan bercadang mengkaji dan menambahbaikkan syarat dalam pemilihan penender makanan berasrama dengan memasukkan syarat penender perlu bahan mentah dari pemborong atau pembekal dalam kawasan yang telah ditetapkan dalam sesuatu kawasan Parlimen, khususnya dalam membantu petani dan penternak memasarkan produk mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Asas kontrak yang dilaksanakan di Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) adalah kontrak Bekalan Makanan Bermasak iaitu meliputi bekalan bahan mentah, perkhidmatan memasak dan menghidang makanan. Ini bererti penyediaan bahan mentah disekalikan dalam kontrak tersebut. Buat masa ini, KPM tidak berhasrat untuk mensyaratkan kepada kontraktor yang berjaya untuk mendapatkan bahan mentah dari pembekal yang telah ditetapkan. Ha ini terserah kepada kontraktor berkenaan untuk mendapat bekalan daripada mana-mana pembekal tempatan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN MANIKAVASAGAM A/L SUNDARAM (KAPAR)
TARIKH : 23.06.2009

SOALAN:

Y.B. TUAN MANIKAVASAGAM A/L SUNDARAM [KAPAR] minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kerajaan benar-benar mengambil langkah untuk memastikan kanak-kanak tanpa surat beranak dapat melanjutkan pendidikan. Sekiranya betul, nyatakan bila surat pekeliling dikeluarkan kepada sekolah dan berikan nombor rujukan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah mengambil langkah sewajarnya dalam usaha menangani masalah kanak-kanak tanpa dokumen. Sehubungan itu, KPM melalui Surat Pekeliling Ikhtisas 1/2009 bertarikh 11 Mac 2009 telah mengeluarkan arahan bahawa mana-mana kanak-kanak yang tidak memiliki dokumen dan salah seorang ibu bapa kanak-kanak tersebut adalah warganegara, boleh didaftarkan sebagai murid di sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan setelah mendapat surat pengesahan atau surat perakuan daripada Ketua Kampung.

Bagi kanak-kanak yang bukan warganegara pula, KPM menghargai sumbangan kementerian-kementerian lain dan pihak NGO dalam usaha menangani isu pendidikan golongan pelarian dan pemohon perlindungan. Walau

bagaimanapun, pada masa ini Kerajaan masih mengkaji secara terperinci implikasi sekiranya kanak-kanak dari golongan ini diterima masuk untuk belajar di sekolah kerajaan. Sehubungan itu, satu kajian menyeluruh berkaitan **“Pendidikan Kanak-kanak Tanpa Dokumen Pengenalan Diri di Malaysia”** sedang dijalankan sekarang oleh KPM. Namun, pada masa ini kanak-kanak tersebut mendapat pendidikan yang disediakan oleh pihak NGO dan sukarelawan dari kaum pendatang dengan kerjasama UNHCR. Agensi Kerajaan juga ada menyediakan pendidikan seperti yang dilakukan oleh Pasukan Petugas Khas Persekutuan (Sabah dan Labuan), Majlis Keselamatan Negara bagi kanak-kanak tanpa dokumen di Sabah dan Labuan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]

TARIKH : 23 JUN 2009

RUJUKAN : 1828

SOALAN:

Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah peranan dan tugas Unit Berkuda PDRM berpangkalan di Bukit Aman, kekuatan unit dan usaha untuk memperkembangkan penggunaan unit berkuda di bandar-bandar utama seluruh Negara yang kini semakin berdepan dengan peningkatan kes-kes jenayah.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Cheras yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, peranan dan tugas Unit Berkuda PDRM adalah sebagai pasukan simpanan kepada Ketua Polis Negara, iaitu berdasarkan Arahan Ketua Polis Negara No. 2 bagi membantu trup ("troop") Pasukan Simpanan Persekutuan khususnya untuk fungsi mencegah dan menyurai segala bentuk tunjuk perasaan, rusuhan, perhimpunan, perarakan yang menyalahi undang-undang; membuat tugas kawalan orang ramai (*crowd control*) semasa perayaan dan lawatan orang kenamaan dan aktiviti sukan; membantu Briged-Briged PGA, Kontinjen dan Daerah dalam operasi-operasi khas mencegah jenayah; dan juga menyertai aktiviti sukan berkuda.

Tuan yang Dipertua,

Pada ketika ini, unit ini diketuai oleh seorang Pegawai Pemerintah berpangkat Deputi Superintenden Polis (DSP) beribu pejabat di Bukit Aman dan mempunyai 2 buah pangkalan iaitu di Cheras dan Putrajaya. Unit Berkuda ini adalah diletakkan di bawah perintah dan kawalan Komander Pasukan Simpanan Persekutuan di Ibu Pejabat

Bukit Aman dengan kekuatan anggota seramai 101 orang dan kekuatan kuda sebanyak 49 ekor.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat juga, buat masa ini, Unit Berkuda PDRM telah menjalankan penugasan rondaan cegah jenayah yang mana lebih tertumpu di kawasan-kawasan perumahan dan tempat-tempat awam di Kuala Lumpur, Selangor dan Putrajaya disebabkan oleh kedudukan pangkalan yang berdekatan dengan lokasi rondaan. Unit ini juga sering terlibat dalam program '*community policing*' yang dianjurkan oleh Kontinjen. Rondaan berkuda yang dijalankan juga biasanya melibatkan 4 ekor kuda dalam satu masa dengan kekuatan 10 orang anggota. Masa rondaan dijalankan adalah pada waktu siang iaitu dari pukul 8.00 pagi hingga 11.00 pagi dan pukul 3.00 petang hingga 6.00 petang.

Tuan Yang Dipertua,

Melalui Pelan Strategik 5 Tahun Polis Diraja Malaysia (PS5T), Unit Berkuda PDRM bakal diperbesarkan dan pangkalan-pangkalan baru akan turut dibuka di seluruh negara termasuk di Sabah dan Sarawak.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : IR. HAJI HAMIM BIN SAMURI
[LEDANG]

TARIKH : 23 JUN 2009 (SELASA)

SOALAN :

IR. HAJI HAMIM BIN SAMURI [LEDANG] MINTA MENTERI KERJA RAYA menyatakan apakah status kajian pemetaan kawasan berbahaya bagi mengesan tanda awal pergerakan tanah dan nyatakan kawasan-kawasan cerun sensitif dan berisiko untuk dibangunkan di seluruh Negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Cawangan Kejuruteraan Cerun, JKR telah menjalankan satu kajian risiko cerun di Ulu Klang dan sebahagian Kuala Lumpur yang meliputi kawasan seluas 100km persegi yang bermula dari Cheras hingga ke kawasan utara Taman Melawati. Kawasan kajian ini terletak di bawah beberapa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seperti Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Majlis Perbandaran Selayang (MPS) dan Majlis Perbandaran Kajang (MPK).

Tujuan kajian ini dilaksanakan adalah bagi memetakan kawasan-kawasan cerun yang berkemungkinan boleh berlakunya tanah runtuh. Ulu Klang dipilih kerana ianya merupakan antara kawasan yang kerap berlakunya tanah runtuh.

Kajian ini telah bermula pada 25 September 2007 dan secara fizikalnya telah siap pada 24 September 2008. Walau bagaimanapun, disebabkan beberapa masalah seperti penyediaan perisian dan analisa data yang *massive* telah menyebabkan laporan akhir kajian ini lewat dikemukakan oleh perunding kepada JKR pada 27 Februari 2009.

Pada masa yang sama, hasil kajian iaitu peta bahaya cerun, cadangan langkah-langkah pembaikan dan laporan awal kajian telah dikemukakan kepada pihak PBT berkenaan untuk tindakan segera oleh pihak PBT.

Hasil daripada kajian ini, secara umumnya kawasan-kawasan yang berpotensi berlakunya tanah runtuh telah dapat dikenal pasti. Walau bagaimanapun, pemetaan kawasan berisiko berlakunya tanah runtuh ini hanyalah sebagai rujukan awal yang memberi gambaran secara umum status cerun-cerun berkenaan. Untuk mendapatkan kepastian serta penentuan yang lebih tepat, kajian terperinci dan spesifik mesti dijalankan pada setiap cerun berkenaan di mana penyiasatan tanah (*soil investigation*) yang melibatkan kerja-kerja pengambilan contoh tanah, kajian geologi, analisa kestabilan, kajian kejuruteraan dan sebagainya perlu dijalankan.

Cawangan Kejuruteraan Cerun, JKR sedang merancang untuk melaksanakan kajian yang serupa di beberapa lokasi yang sering kali berlakunya tanah runtuh.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN DATUK WIRA AHMAD BIN HAJI
HAMZAH**

TARIKH : 23 JUN 2009 (SELASA)

SOALAN

Y.B. Dato' Tuan Datuk Wira Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah projek Jambatan Indah atau Jambatan Bengkok (CROOKED BRIDGE) akan diteruskan semula setelah ianya dibatalkan pada April 2006 kerana keadaan mendesak ekoran Tambak Johor tidak lagi mampu menampung pertambahan trafik.

CADANGAN JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Buat masa ini, Kerajaan tidak bercadang membina jambatan untuk menggantikan Tambak Johor. Sungguhpun demikian, Kerajaan sentiasa memantau kelancaran pergerakan orang ramai, barangan dan perkhidmatan di antara Malaysia dan Singapura melalui Tambak Johor untuk membolehkan Kerajaan bertindak menambahbaikan serta memudahkan pergerakan kenderaan, barangan dan orang ramai di antara kedua-dua negara. Tindakan ini termasuklah pertimbangan

cadangan pembinaan jambatan baru pada masa yang sesuai di masa hadapan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN ZULKIFLI BIN NOORDIN
[KULIM BANDAR BARU]
TARIKH : 23 JUN 2009
RUJUKAN : 1837

SOALAN:

**Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan :-**

- (a) mengapa tidak ditubuhkan sebuah badan seperti Kor Agama Angkatan Tentera (Kagat) dalam pasukan Polis DiRaja Malaysia; dan
- (b) sekiranya ditubuhkan, apakah pegawai yang mengetuai badan ini diberi pangkat setaraf dengan Pesuruhjaya Polis.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang mengemukakan pertanyaan.

- a) PDRM telah menubuhkan sebuah Bahagian yang berfungsi sama seperti KAGAT dikenali sebagai Bahagian Agama dan Kaunseling atau singkatannya BAKA. Bahagian ini telah ditubuhkan secara rasmi pada 3 April 2007.
- b) Bahagian ini diketuai oleh Pegawai Kanan Polis berpangkat SAC II yang bertanggungjawab kepada Pengarah Jabatan Pengurusan PDRM. Status sesuatu jawatan akan dikaji dari semasa ke semasa mengikut keperluan.

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Y.B. Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]**

TARIKH : **23 JUN 2009 (SELASA)**

SOALAN : **Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah bentuk penapisan atau KPI yang diguna pakai dalam pembentukan dan pelantikan anggota Kabinet yang berintegriti.

Tuan Yang di-Pertua,

Adalah penting untuk saya menerangkan makna sebenar 'Key Performance Indicator' (KPI). Ia digunapakai untuk pengurusan prestasi Jemaah Menteri yang telah dilantik melalui penilaian dan pengukuran secara spesifik dan tepat, berdasarkan kepada sasaran-sasaran yang dapat diukur secara lebih objektif. Tujuan kaedah KPI adalah untuk membantu dan mendorong para Menteri untuk berusaha gigih dan mencari langkah-langkah inovatif bagi membuat pembaharuan untuk rakyat di samping memperbaiki sebarang kekurangan dan kelemahan yang mungkin timbul, supaya dapat mencapai sasaran-sasaran bagi setiap KPI.

Selain daripada itu, kaedah KPI ini boleh juga digunakan untuk mengukur prestasi seseorang Menteri atau Timbalan Menteri, setelah ianya dilaksanakan. Oleh itu, ianya tidak lazimnya digunakan untuk tujuan perlantikan seseorang Menteri.

Seperti yang diperuntukkan dalam Perkara 43 Perlembagaan Persekutuan Malaysia, anggota Kabinet dilantik dari ahli-ahli Dewan Rakyat ataupun Dewan Negara, oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HEE LOY SIAN
[PETALING JAYA SELATAN]

TARIKH : 23 JUN 2009

SOALAN :

**TUAN HEE LOY SIAN MINTA MENTERI KERJA RAYA
MENYATAKAN:-**

- (a) mengapa Kerajaan tidak memansuhkan kutipan tol di Lebuhraya New Pantai Expressway (NPE) Plaza Tol PJS 2 (arah ke Subang) tetapi hanya memansuhkan kutipan tol di sebelah arah ke Kuala Lumpur sedangkan penduduk di Taman Dato' Harun dan Taman Medan sekian lama menentang kewujudan plaza tol tersebut; dan
- (b) berapakah jumlah pampasan yang diberi kepada konsesi tol NPE dengan pemansuhan kutipan tol itu (arah ke Kuala Lumpur).

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemansuhan kutipan tol di Plaza Tol PJS 2 (Arah Kuala Lumpur) adalah kerana sebelum lebuhraya ini beroperasi penduduk Kg. Medan, Kg. Dato' Haron dan kawasan sekitarnya boleh pergi dan balik daripada Sunway dan Kuala Lumpur tanpa membayar sebarang tol. Selain daripada itu, setelah melihat dan mengkaji kawasan sekitaran adalah didapati tiada laluan alternatif lain yang munasabah dan pengguna kawasan berkenaan adalah terdiri daripada pengguna yang sentiasa berulang-alik sama ada ke tempat kerja, sekolah dan kedai berhampiran. Manakala bagi Plaza Tol PJS 2 (Arah Subang) pengguna-pengguna boleh menggunakan laluan alternatif tanpa tol melalui Taman Dato' Harun - Jalan PJS 2/7, PJS 2/22 dan Jalan PJS 2 untuk ke Subang.
- (b) Dengan pemansuhan Plaza Tol PJS 2 (Arah Kuala Lumpur), syarikat konsesi kehilangan pendapatan kutipan tol sepanjang tempoh konsesi yang dianggarkan sebanyak RM502 juta. Walau bagaimanapun, jumlah pampasan yang perlu dibayar kepada syarikat konsesi adalah dianggarkan sebanyak RM184.410 juta. Jumlah ini adalah tertakluk kepada sijil juruaudit bersama Kerajaan dan Syarikat Konsesi.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL
[Paya Besar]**

TARIKH : 23 Jun 2009 (SELASA)

SOALAN

Y.B. Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana persediaan sudah dirancang oleh Petronas bagi menghadapi kehabisan minyak yang diusahakan oleh Petronas pada masa akan datang.

CADANGAN JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengeluaran daripada medan-medan minyak dan gas di perairan negara sebahagiannya telah menjangkau lebih daripada 25 tahun dan menghampiri tempoh jangka hayat dengan kadar pengeluaran yang semakin menyusut. Menyedari hakikat ini, PETRONAS sejak dari tahun 1980an telah dan sedang mengambil pelbagai inisiatif ke arah memastikan supaya bekalan petroleum sentiasa dapat memenuhi keperluan negara. Dalam

hubungan ini, PETRONAS telah dan akan terus menjalankan aktiviti-aktiviti penerokaan bagi mencari medan minyak baru untuk dibangunkan bagi memenuhi permintaan yang sentiasa bertambah dan keperluan generasi akan datang.

Usaha carigali minyak dan gas yang dijalankan oleh PETRONAS di masa-masa yang lepas telah membolehkan negara menambah rizab hidrokarbon daripada 0.9 bilion tong rizab bagi minyak pada tahun 1974 kepada 5.46 bilion tong pada masa ini, manakala rizab gas meningkat daripada 82.5 trilion kaki padu pada tahun 2001 kepada 88.0 trilion kaki padu pada tahun 2008.

Di samping itu, PETRONAS juga mengambil inisiatif untuk melabur dalam aktiviti carigali minyak dan gas di luar negara bagi mendapatkan sumber rizab minyak dan gas baru untuk negara. Langkah untuk mengimport gas dari luar negara juga sedang dipertimbangkan oleh PETRONAS.

Tuan Yang di Pertua,

Selain PETRONAS, pihak-pihak lain yang berminat juga digalakkan untuk turut membantu mengimport sumber petroleum dari luar untuk kegunaan dalam negara.

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN **LISAN**
DARIPADA **Y. B. Tuan Hj Ab Aziz bin Ab Kadir [Ketereh]**
TARIKH **23 Jun 2009 (Selasa)**
SOALAN **Y. B. Tuan Hj Ab Aziz bin Ab Kadir [Ketereh]**
 minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS
 TANI menyatakan :-

Adakah KADA telah berjaya memainkan peranannya secara berkesan dalam menyelesaikan masalah petani serta membantu mereka mempertingkatkan pendapatan. Nyatakan statistik untuk 5 tahun terkini dari segi peningkatan hasil padi dan pendapat keseluruhan petani di kawasan KADA

JAWAPAN:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) yang telah ditubuhkan pada 1972 mempunyai peranan utama untuk memajukan, menggalakkan, membantu dan mengusahakan pembangunan ekonomi dan mengusahakan dalam kawasan Kemubu apa-apa kemajuan pertanian mengikut sebagaimana yang diperuntukan oleh negeri. Peranan dan tugas utama yang dimainkan oleh KADA ialah membantu

menyelesaikan masalah petani disamping dalam masa yang sama berusaha untuk meningkatkan pendapatan petani dalam kawasan pengendalian. Antara peranan yang telah dimainkan oleh KADA untuk merealisasikan hasrat kesejahteraan petani ialah memberi penumpuan terhadap peningkatan hasil pengeluaran pertanian melalui penggunaan teknologi moden, pembinaan dan pemuliharaan sistem-sistem pengaliran dan kemudahan infrastruktur yang berkaitan, Penggalakan pengusahaan pertanian secara komersial dan berskala besar, menggiatkan usaha pemasaran serta menggalakkan penglibatan petani dalam bidang Industri Asas Tani.

Purata Hasil Padi KADA

Tahun	Purata Hasil Padi (tan/ha)	Pengeluaran Padi (tan metrik)
2008	3.629	181,201
2007	3.599	188,645
2006	3.559	178,611
2005	3.528	172,332
2004	3.635	173,151

Pendapatan Petani Dalam Kawasan KADA

Tahun	Pendapatan Petani (RM)
2008	14,884
2007	14,665
2006	13,220
2005	11,850

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD BIN KASIM
(KUALA KEDAH)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 23.06.2009

Tuan Haji Ahmad bin Kasim (Kuala Kedah) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilangan bank tempatan dan bilangan wakil insurans am dari syarikat insurans yang terlibat dalam industri ini. Berapakah peratusan dan jumlah perniagaan syarikat insurans berbanding dengan bank dari tahun 2005 hingga kini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 18 Jun 2009, terdapat 35 buah institusi perbankan domestik yang terdiri daripada:

- (i) 9 bank perdagangan;
- (ii) 15 bank pelaburan/saudagar; dan
- (iii) 11 bank Islam (termasuk 9 subsidiari bank perdagangan).

2. Sehingga akhir tahun 2008, terdapat seramai 38,766 wakil insurans am yang berdaftar di Malaysia. Jumlah premium yang diperoleh oleh syarikat insurans di Malaysia telah bertambah dengan purata sebanyak 5.1% dari tahun 2005 sehingga 2008, manakala jumlah pinjaman terkumpul di dalam sektor perbankan Malaysia dengan purata sebanyak 9.2% sepanjang tempoh yang sama.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG [SEGAMBUT]

TARIKH : 23 JUN 2009

SOALAN :

Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah yang telah dicadang oleh Jabatan Peguam Negara selepas perjumpaan di antara Kementerian dengan Badan Peguam Malaysia pada 6.11.2008 berkenaan Kanun Tanah Negara terutamanya cadangan untuk meminda seksyen 340(3).

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini tidak mengadakan perjumpaan dengan Majlis Peguam Malaysia pada 6 November 2008. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian telah mengadakan satu mesyuarat dengan Majlis Peguam Malaysia pada 5 November 2008 berhubung cadangan pindaan seksyen 340 KTN di mana telah dipersetujui agar Jabatan Peguam Negara meneliti secara menyeluruh keperluan cadangan pindaan seksyen ini.

Dalam hubungan ini, pihak Jabatan Peguam Negara telah memberikan pandangan agar pindaan yang diperlukan adalah untuk memperjelaskan undang-undang sedia ada iaitu, dengan mengadakan pindaan kecil yang memperjelaskan proviso dalam subseksyen (3) berkenaan.

Susulan daripada itu, Kementerian ini telah mengadakan beberapa siri mesyuarat dan yang terbaru adalah Mesyuarat Penyelarasan Cadangan Pindaan 340 KTN pada 4 Mei 2009 yang turut melibatkan Jabatan Peguam Negara. Hasil

daripada mesyuarat ini, draf cadangan pindaan seksyen 340 telah dikemaskinikan dan sedang dimurnikan sebelum dimuktamadkan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. PUAN TEO NIE CHING
(SERDANG)
TARIKH : 23.06.2009

SOALAN:

Y.B. PUAN TEO NIE CHING [SERDANG] minta Menteri Pelajaran menyatakan perkembangan pembangunan dan perpindahan SMK Confucion ke Seri Kembangan, Selangor.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat, sekolah yang dimaksudkan merupakan Sekolah Bantuan Kerajaan (SBK) yang telah diluluskan perpindahan ke tapak baru di Bukit Jalil pada tahun 1999. Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) bagi dimaklumkan bahawa Lembaga Pengelola Sekolah (LPS) sedang mengusahakan untuk mencari tapak untuk sekolah yang baru.

SOALAN NO: 104

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID
[KUALA LANGAT]**

TARIKH : 23 JUN 2009

RUJUKAN : 1838

SOALAN:

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa peratuskah petunjuk yang diambil kira oleh pasukan polis sebelum sesuatu tangkapan dilakukan terhadap orang yang disyaki sebagai pelaku jenayah.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kuala Langat yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, di dalam kes tangkapan yang memerlukan kepada waran tangkap iaitu kes melibatkan kesalahan tidak lazim tangkap (*no-seizable offence*), pihak polis akan menjalankan siasatan terlebih dahulu dan hasil daripada siasatan yang dijalankan tersebut akan dikemukakan kepada pejabat Timbalan Pendakwaraya. Sekiranya Timbalan Pendakwaraya berpendapat bahawa wujud bukti *prima facie* bagi menuduh saspek, maka pihak polis akan membuat permohonan kepada Mahkamah untuk mendapatkan waran tangkap terhadap saspek. Pihak polis kemudiannya akan melaksanakan waran tersebut terhadap penama yang disebutkan di dalam waran berkenaan.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi kes-kes yang melibatkan kesalahan lazim tangkap (*seizable offence*), Seksyen 23 Kanun Tatacara Jenayah memperuntukkan bahawa tangkapan boleh dilakukan tanpa waran sekiranya wujud salah satu daripada kriteria-kriteria berikut iaitu, "ada aduan yang

munasabah” (*whom a reasonable complaint has been made*); atau “wujud maklumat yang boleh dipercayai” (*credible information has been received*) atau “wujud syak wasangka yang munasabah” (*reasonable suspicion exists*).

Walau bagaimanapun, prosedur tangkapan seperti yang dinyatakan di atas adalah tidak terpakai dalam kes-kes yang melibatkan undang-undang pencegahan, di mana perintah penahanan adalah dibuat di bawah kuasa Menteri Dalam Negeri. Meskipun begitu, tangkapan yang dibuat adalah berlandaskan kepada peruntukan undang-undang dan juga selaras dengan profesionalisma yang diamalkan oleh pihak polis.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. HIEW KING CHEU
[KOTA KINABALU]**

TARIKH : 23 JUN 2009

**SOALAN : DR. HIEW KING CHEU
[KOTA KINABALU]**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kenapa Ahli Parlimen pembangkang ditamatkan menjadi Ahli Jawatankuasa Tindakan Negeri dan Daerah di mana mereka juga adalah wakil rakyat yang dipilih untuk mewakili rakyat. Apakah tindakan ini tidak adil serta jelas kes diskriminasi.

JAWAPAN : Y.B. TAN SRI NOR MOHAMED BIN YAKCOP

Tuan Yang Dipertua,

Keahlian Jawatankuasa Kerja Tindakan Negeri (JKTNg)/ Jawatankuasa Kerja Tindakan Daerah (JKTD) adalah berdasarkan kepada Arahan No.1,2004 Majlis Tindakan Negara (MTN). Mereka yang dilantik adalah terdiri daripada pemimpin / ketua jabatan / agensi

Kerajaan yang terlibat dengan agenda pembangunan di negeri dan daerah terbabit dan individu-individu yang boleh menyumbang kepada keberkesanan fungsi jawatankuasa berkenaan. Terdapat juga ahli jemputan iaitu individu yang dijemput oleh Pengerusi JKTNg/JKTD berasaskan isu semasa yang dibincangkan. Dengan itu, tidak timbul isu mengenai diskriminasi terhadap ahli Parlimen pembangkang kerana individu yang dilantik adalah berdasarkan peraturan yang dinyatakan di dalam Arahan tersebut.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN NORAH BINTI ABD RAHMAN
(TANJONG MANIS)
TARIKH : 23 JUN 2009
SOALAN : PUAN NORAH BINTI ABD RAHMAN
(TANJONG MANIS)

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :

- (a) Dengan terperinci kriteria yang digunakan dalam program eKasih untuk menentukan seseorang itu di dalam golongan miskin tegar atau miskin; dan
- (b) Adakah Kementerian merujuk kepada Borang JKM Cari daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dalam mengemas kini senarai eKasih.

JAWAPAN: Y.B. TAN SRI NOR MOHAMED BIN YAKCOP

Tuan Yang Di-Pertua,

- (a) Kriteria yang digunakan bagi menentukan status kemiskinan seseorang di dalam Sistem eKasih adalah berdasarkan kepada Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) 2007 yang dikeluarkan oleh

Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE,JPM). PGK tersebut menyatakan secara jelas status di mana sesebuah keluarga (atau individu) itu tergolong berdasarkan kepada pendapatannya dan wilayah menetap (Semenanjung, Sabah & Sarawak). Kerajaan telah memutuskan bahawa penentuan status sesebuah isi rumah di dalam eKasih adalah berdasarkan kepada pendapatan PGK per kapita 2007 tersebut. PGK purata bagi tahun 2007 adalah masing-masing RM720 bagi Semenanjung Malaysia, RM960 di Sabah dan RM830 di Sarawak. Bagi kemiskinan tegar, PGK adalah RM430, RM540 dan RM520.

- (b) eKasih sebagai pangkalan data berpusat telah dibangunkan oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM). Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bertindak sebagai salah satu agensi pelaksana untuk mengenalpasti keluarga miskin dan

miskin tegar yang memerlukan bantuan kebajikan. JKM telah menggunakan dan merujuk eKasih sebagai sumber Projek Cari. Bagi tujuan pengemaskinian maklumat, ICU JPM menggunakan mekanisme pendaftaran terbuka dimana laporan atau aduan awam yang diterima, akan dilakukan temu ramah bersemuka (verifikasi) dan statusnya (sama ada miskin atau tidak) akan ditentukan selepas soal selidik dianalisis.

Data dan maklumat di dalam eKasih sentiasa dinamik dan berubah bergantung kepada kemasukan pendaftaran baru dan pengemaskinian data sedia ada.

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. DR HAJI MOHD HAYATI BIN OTHMAN (PENDANG)**
TARIKH : **23 JUN 2009 (SELASA)**
SOALAN : **Y.B. DR HAJI MOHD HAYATI BIN OTHMAN** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah yang dimaksudkan dengan dasar baru slogan 'One Malaysia', apakah penglibatan Jabatan di peringkat Negeri dan Persekutuan dalam melaksanakan slogan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Gagasan 1Malaysia merupakan gabungan idea-idea atau konsep yang dibentuk dan menjadi satu gagasan bagi tujuan memupuk perpaduan di kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum. Ia adalah kesinambungan hasrat dan wawasan pemimpin-pemimpin terdahulu yang mengutamakan perpaduan nasional yang telah diterjemahkan dalam pelbagai rupa bentuk. Bagi mencapai wawasan ini, ia dizahirkan dalam semua dasar pembangunan Negara yang meliputi dasar ekonomi, pendidikan, pembangunan modal insan, kebudayaan dan sosial. Ia sama sekali tidak terpisah dari dasar-dasar kerajaan yang sedia ada.

Perkara utama yang dititikberatkan di dalam gagasan ini ialah perpaduan nasional. Ia merupakan pemangkin kepada kestabilan sesebuah Negara dan menjadi kunci pembangunan dan kemajuan.

Sekiranya tiada perpaduan dikalangan masyarakat, maka apa jua usaha yang dilakukan untuk kemajuan bangsa, masyarakat dan Negara sesungguhnya akan terhalang.

Barangkali, ada diantara kita kurang menyedari bahawa kesejahteraan hidup, kemajuan yang dinikmati sekarang adalah hasil dari perpaduan nasional yang telah diusahakan oleh pemimpin-pemimpin terdahulu. Oleh hal yang demikian, adalah amat wajar semua pihak, berusaha mengukuhkan lagi perpaduan yang sedia ada supaya kerajaan dapat meneruskan dan memacu Negara ke peringkat kemajuan yang lebih tinggi lagi.

Bagi mencapai hasrat ini, maka Kerajaan di bawah pimpinan yang baru turut menekankannya dan dengan demikian terbentuklah gagasan “1Malaysia – Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”. Bagi merealisasikan matlamat gagasan ini, semua jentera kerajaan samada di peringkat persekutuan mahu pun peringkat negeri sewajarnya faham, sedar tentang tanggungjawab yang dipikul dan seterusnya turut memainkan peranan dalam melaksanakan segala dasar-dasar yang mengutamakan rakyat itu.

Bagi memastikan segala dasar itu dilaksanakan dengan berkesan, maka seharusnya matlamat akhir sesuatu dasar (*end results*) itu dinilai dan diukur supaya ia benar-benar tercapai. Sekiranya ia tersasar dari matlamat, maka tindakan penambahbaikan perlu dilakukan segera.

Di dalam menjayakan gagasan “1Malaysia” ini, ia melibatkan beberapa perkara utama yang perlu diberi perhatian terlebih dahulu, iaitu memperbaiki sistem penyampaian supaya lebih efisien, memahami aspirasi semua lapisan masyarakat manakala di kalangan pentadbir pula

, mereka perlu faham peranan dan tanggungjawab mereka sebagai pentadbir bagi memudahkan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

Selain dari itu, semua pihak perlu menyemai dan memupuk jiwa mereka dengan lapan nilai positif yang diilhamkan oleh YAB Perdana Menteri seperti budaya **kecemerlangan (culture of excellance)**, **ketabahan (perseverance)**, **rendah hati (humility)**, **penerimaan (acceptance)**, **kesetiaan (loyalty)**, **meritokrasi (meritocracy)**, **pendidikan (education) dan integrity (integrity)**. Semua nilai ini akan menjadi nilai yang berupaya memupuk perpaduan nasional.

Oleh hal yang demikian, maka sewajarnya semua pentadbir jabatan samada di peringkat negeri mahu pun di peringkat persekutuan, memahami, menjiwai, menjadikan nilai-nilai positif sebagai budaya kerja mereka di dalam memberi dan menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat. Jika hasrat, matlamat dan intipati gagasan 1Malaysia ini berupaya difahami oleh semua, maka kerajaan yakin dan percaya bahawa rakyat akan merasa selesa dan Negara pula sudah pasti akan mencapai tahap kemajuan yang lebih tinggi . Kita seharusnya mengeneipkan segala tafsiran yang negatif demi kepentingan peribadi atau sesuatu kumpulan, sebaliknya kita sentiasa bersikap positif dan menyambut baik serta sentiasa menyokong segala usaha yang dilakukan demi rakyat dan Negara. Bersama-samalah kita meneguhkan ***“1Malaysia – Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”***.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. LEE BOON CHYE [GOPENG]

TARIKH : 23 JUN 2009

RUJUKAN :

SOALAN:

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah pekerja mahir (skilled workers) dan profesional warga asing dalam tahun 2004 sehingga 2009.

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Gopeng yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Mengikut statistik yang dikeluarkan Oleh Jabatan Imigresen Malaysia, **bagi tahun 2009 sebanyak 12,993 pas penggajian telah dikeluarkan sehingga April, manakala sebanyak 45,272 pas penggajian dikeluarkan pada tahun 2008, 37,168 pas pada tahun 2007 dan 27,175 pas dikeluarkan pada tahun 2006.**

SOALAN NO: 109

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**PERTANYAAN : BAGI JAWAPAN LISAN****DARIPADA : DR SITI MARIAH MAHMUD
(KOTA RAJA)****TARIKH : 23 JUN 2009**

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengenai plan tindakan jangka panjang Kerajaan untuk mengatasi “accessibility” kepada pengangkutan awam yang begitu kronik di negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Penubuhan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) merupakan salah satu langkah strategik Kerajaan untuk menambahbaik sistem pengangkutan awam darat dengan mengurangkan pertindihan kuasa antara agensi-agensi yang terlibat, dalam usaha meningkatkan kecekapan operasi serta kualiti sistem pengangkutan awam.

Pada masa ini, Kerajaan dalam peringkat akhir menentukan skop, objektif, struktur organisasi, keperluan guna tenaga, pembiayaan, pelan pelaksanaan, kaedah dan penggubalan rang undang-undang bagi SPAD. Dalam proses penubuhan SPAD ini, pandangan/input pelbagai pihak termasuk Kementerian-Kementerian, Jabatan-Jabatan, wakil beberapa Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan, pengusaha dan pengguna pengangkutan awam telah diperolehi.

Dua Rang Undang-Undang SPAD sedang digubal iaitu Akta Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat dan Akta Pengangkutan Awam Darat untuk dibentangkan di Parlimen.

SPAD, apabila ditubuhkan kelak, akan menyediakan pelan-pelan perancangan pengangkutan awam yang akan turut mengambil kira isu penyelarasan di peringkat negeri. Kerajaan juga pada masa ini sedang menyediakan Kajian Pelan Induk Pengangkutan Awam bagi Bandar-Bandar Utama yang merangkumi 11 bandar utama. Hasil kajian ini akan dijadikan rujukan oleh SPAD untuk merancang dan mengawal selia sektor pengangkutan awam darat.

Dipercayai usaha penubuhan SPAD dan penyediaan Kajian Pelan Induk Pengangkutan Awam bagi Bandar-Bandar Utama akan dapat menambah baik dan memperkasakan sistem pengangkutan awam di negara kita.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LOKE SIEW FOOK [RASAH]

TARIKH : 23 JUN 2009

SOALAN :

TUAN LOKE SIEW FOOK MINTA MENTERI KERJA RAYA menyatakan sama ada kementerian mempunyai rancangan untuk membina "flyover" di hadapan Persimpangan Tol Seremban sedia ada untuk menyelesaikan masalah kesesakan di antara Bandar Seremban dengan Seremban 2 dan sekiranya ada, bilakah projek akan dimulakan, kos projek dan butir-butirnya.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya mengambil maklum berhubung masalah kesesakan yang berlaku di kawasan sekitar plaza Tol Seremban yang terletak di antara bandar Seremban dan Seremban 2. Bagi mengatasi masalah kesesakan tersebut, pihak Kementerian Kerja Raya ada mempunyai cadangan untuk memindahkan plaza tol sedia ada tersebut ke kawasan baru yang lebih sesuai.

Kos bagi cadangan pemindahan plaza tol ini adalah dianggarkan berjumlah RM168 juta membabitkan pembinaan persimpangan bertingkat baru, kemudahan bangunan plaza tol serta jalan sambungan. Kaedah pembiayaan bagi kos pengalihan ini adalah diperingkat rundingan dan dengan pengalihan Plaza Tol Seremban ini, ia dijangka dapat menyelesaikan masalah kesesakan trafik di antara Bandar Seremban dengan Seremban 2.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : Dato' Shahrir Bin Ab. Samad
[Johor Bahru]**

TARIKH : 23 Jun 2009 (Selasa)

SOALAN :

Dato' Shahrir Bin Ab. Samad [Johor Bahru] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan mengapakah perkhidmatan feri antara Singapura dengan Tanjung Pengelih, Johor diberikan secara eksklusif kepada sebuah syarikat pengusaha sahaja dan tidak dibuka kepada pengusaha-pengusaha lain bersesuaian dengan liberalisasi sektor perkhidmatan Negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, keputusan Kerajaan untuk membuka laluan perkhidmatan feri di antara Tanjung Pengelih, Johor dan Terminal Feri Tanah Merah, Singapura adalah juga bersyaratkan kepada pengusaha feri yang diluluskan perlu memenuhi kriteria-kriteria berikut:

- a.mempunyai pengalaman mengendalikan perkhidmatan feri;
- b.mempunyai keupayaan teknikal bagi menjalankan perkhidmatan feri;
- dan
- c.syarikat berkenaan perlu mempunyai kedudukan kewangan yang teguh.

2. Kementerian Pengangkutan telah menerima empat (4) permohonan daripada syarikat tempatan bagi mengendalikan perkhidmatan feri di laluan tersebut dan setelah mempertimbangkan kesemua permohonan berkenaan didapati hanya sebuah syarikat sahaja yang telah memenuhi syarat yang ditetapkan.

3. Dalam pada itu, kelulusan yang telah diperolehi daripada pihak berkuasa Singapura juga merupakan prasyarat kepada kelulusan yang diberikan oleh Kementerian Pengangkutan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Puan Teresa Kok Suh Sim**
[Seputeh]
TARIKH JAWAPAN : **23 JUN 2009 (SELASA)**
DI DEWAN RAKYAT
SOALAN : **NO. 112**

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU, DAN AIR** menyatakan apakah rancangan Kementerian untuk membangunkan dan menggalakkan teknologi hijau di Negara kita. Apakah produk teknologi hijau yang digalakkan oleh Kementerian dan juga insentif yang diberi oleh pengilang bahan teknologi hijau tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air akan memainkan peranan sebagai peneraju pembangunan Sektor Teknologi Hijau negara yang akan menggubal dan melaksanakan dasar-dasar berkaitan dengan pembangunan Teknologi Hijau. Pembangunan Teknologi Hijau ini dilihat akan meningkatkan kualiti hidup dengan menangani kesan negatif aktiviti manusia kepada alam sekitar dengan menggalakkan amalan-amalan mesra alam termasuk budaya penggunaan sumber secara optimum. Selain itu, Kementerian juga berpandangan bahawa

pembangunan Teknologi Hijau ini juga akan memainkan peranan yang penting di dalam meningkatkan pembangunan ekonomi berasaskan Teknologi Hijau sebagai satu bidang pembangunan ekonomi yang baru.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, pada masa kini, Kementerian sedang dalam proses untuk memantapkan hala tuju dan mewujudkan pelan strategik bagi mencapai matlamat membangunkan sektor Teknologi Hijau negara secara sistematik dan berdaya maju. Ini termasuklah program dan aktiviti-aktiviti pembangunan struktur organisasi sektor Teknologi Hijau serta penetapan fokus dan strategi jangka pendek, sederhana dan panjang Kementerian dalam mencapai sasaran yang telah ditetapkan. Oleh yang demikian, Kementerian akan mengumumkan mengenai hala tuju Sektor Teknologi Hijau kepada semua pihak setelah ia dimuktamadkan kelak.

Tuan Yang Dipertua,

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Buat masa ini, salah satu produk Teknologi Hijau yang digalakkan oleh Kerajaan ialah peralatan elektrik dan bahan yang cekap tenaga. Untuk menggalakkan penggunaan produk teknologi hijau ini, Kerajaan telah menyediakan insentif-insentif seperti pengecualian cukai jualan untuk pengilang tempatan dan pengecualian duti import untuk pengimport peralatan elektrik dan bahan yang cekap tenaga yang mendapat pengesahan daripada Suruhanjaya Tenaga (ST). Kriteria Kecekapan Tenaga untuk produk-produk Teknologi Hijau yang telah ditetapkan oleh ST setakat ini meliputi peti sejuk, kipas domestik, penyaman udara domestik, motor cekap tenaga (*High Efficiency Motors*), televisyen, bahan

penebat, lampu dan *ballast* untuk lampu *fluorescent*. Senarai peralatan ini akan ditambah-baik dari masa ke masa oleh ST.

Untuk tujuan mendapatkan pengecualian ini, pengilang dan pengimport perlu memohon untuk mendapatkan Pengecualian Cukai Jualan atau Duti Import daripada Kerajaan dimana ia akan dipertimbangkan berdasarkan kepada pematuhan terhadap tahap prestasi tenaga minimum seperti yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Tenaga. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, insentif-insentif ini akan ditambahbaik dari masa kemasa melalui cadangan-cadangan yang akan dibuat kepada Kementerian Kewangan untuk Bajet Tahunan Kerajaan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD
(SHAH ALAM)
TARIKH : 23.06.2009
NO. SOALAN : 113

TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD (SHAH ALAM) minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan apakah rasionalnya menaikkan harga minyak petrol RON97 yang digunakan oleh sebahagian besar pemilik kenderaan di Negara ini dari RM 1.80 seliter kepada Rm2 dan adakah kenaikan tersebut semata-mata kerana Kerajaan mengkatégorikannya sebagai premium.

Tuan Yang Dipertua,

JAWAPAN

Terdapat dua pertimbangan utama Kerajaan memansuhkan petrol RON92 menggantikan RON95 dan menjadikan RON97 sebagai produk premium iaitu :-

- i) Kebanyakan kenderaan di negara ini mampu mengekalkan prestasi enjin walaupun menggunakan RON95 memandangkan keperluan sebenar kebanyakan enjin kenderaan adalah RON91 dan ke atas. Ini bermakna penggunaan RON97 adalah satu pembaziran memandangkan ianya melebihi

daripada keperluan sebenar. Malahan negara-negara lain seperti Amerika Syarikat, Eropah dan Jepun menggunakan RON yang lebih rendah daripada RON97.

- ii) Pada masa ini harga runcit RON92 dan RON97 disubsidi oleh Kerajaan di mana kadar subsidi RON92 adalah lebih rendah berbanding RON97. Persepsi pengguna yang menganggap RON92 tidak sesuai bagi kenderaan mereka menyebabkan pengguna lebih cenderung menggunakan RON97. Memandangkan jumlah jualan RON97 adalah 90% daripada keseluruhan jumlah jualan runcit petrol, ini bermakna subsidi yang terpaksa ditanggung oleh Kerajaan menjadi lebih tinggi.

Dengan pengenalan RON95, Kerajaan akan menjadikan RON97 sebagai produk premium yang mana cukai akan dikenakan pada setiap masa dan harga produk tersebut ditetapkan sekurang-kurangnya 25 sen lebih tinggi daripada RON95. Langkah ini dilaksanakan bertujuan agar hanya satu produk petrol sahaja disubsidi oleh Kerajaan. Pendapatan yang diperolehi daripada penjualan RON97 boleh digunakan bagi menampung sebahagian daripada subsidi RON95.

DISEDIAKAN OLEH

Nama : Zanariah binti Saibi
Bahagian Perdagangan Dalam Negeri
(Tel : 03-8882 5880)

DISEMAK OLEH

Nama : Mohd Fariszan bin Ahmad
Bahagian Perdagangan Dalam Negeri
(Tel : 03-8882 5844)

DILULUSKAN OLEH

Nama : Puan Mahani Tan Abdullah
Timbalan Ketua Setiausaha (K&P)

No: 114

PERTANYAAN : **BAGI JAWAB LISAN**

DARIPADA : **Y.B. DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAH
(SUNGAI SIPUT)**

TARIKH : **23 JUN 2009**

SOALAN [114]: **Y.B. Dr. Michael Jeyakumar Devarah** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan Malaysia bercadang membantu dalam usaha menghulurkan perkhidmatan perubatan dan keperluan asas lain kepada masyarakat Tamil di Sri Lanka. Apakah usaha-usaha yang telah dilaksanakan setakat ini?

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Izinkan saya menjawab soalan YB Ipoh Barat ini bersama dengan soalan–soalan YB Batu Kawan pada 22 Jun 2009, YB Sungai Siput pada 23 Jun 2009 dan YB Klang pada 30 Jun 2009 kerana menyentuh perkara yang sama.

2. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada yang berkenaan atas soalan–soalan yang dikemukakan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Sebagaimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, negara kita semenjak mencapai kemerdekaan, telah mengamalkan secara konsisten, dasar luar yang berteraskan prinsip–prinsip menghormati kemerdekaan, kedaulatan dan integriti wilayah serta tidak mencampuri urusan dalaman negara–negara lain. Untuk itu, Malaysia dilihat oleh masyarakat antarabangsa sebagai negara yang mempunyai kredibiliti tinggi.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Mengenai konflik di Sri Lanka, Malaysia melihatnya sebagai isu dalaman negara berkenaan. Selaras dengan dasar luar negara yang berteraskan kepada prinsip–prinsip tersebut, Malaysia mengambil berpendirian bahawa Sri Lanka, sebagai negara merdeka dan berdaulat,

mempunyai hak untuk mengurus dan menyelesaikan sendiri perkara-perkara berkaitan konflik dalaman negara tersebut dengan sebaik-baiknya.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Kerajaan Sri Lanka telah mengundang Setiausaha Agong PBB, Ban Ki-Moon melawat negara itu pada 23 Mei 2009. Lawatan tersebut bertujuan antara lain, untuk membolehkan Setiausaha Agong PBB melihat dengan lebih dekat perkembangan di Sri Lanka.

6. Semasa lawatan tersebut, Kerajaan Sri Lanka telah memberi jaminan bahawa pihaknya akan berusaha keras menghasilkan satu penyelesaian nasional yang boleh diterima segenap lapisan masyarakat negara itu. Pihaknya turut melahirkan keinginan memulakan proses dialog lebih luas melibatkan semua parti politik termasuk yang mewakili kepentingan masyarakat berketurunan Tamil tempatan dan seterusnya, memperkukuhkan proses tersebut demi membawa keamanan dan pembangunan berpanjangan di Sri Lanka.

7. Pada masa yang sama, Kerajaan Sri Lanka telah menekankan kesediaan pihaknya untuk memberi setinggi-tinggi komitmen dalam memupuk dan memelihara hak-hak asasi manusia bagi memenuhi piawai-piawai hak asasi manusia antarabangsa selaras dengan penekanan yang telah dibuat oleh Setiausaha Agong PBB mengenai pentingnya proses kebertanggungjawaban untuk mengendalikan kes-kes pencabulan undang-undang kemanusiaan dan hak asasi manusia antarabangsa. Perkara-perkara ini termaktub dalam pernyataan

bersama antara Kerajaan Sri Lanka dan Setiausaha Agung PBB yang dikeluarkan di akhir lawatan itu.

Tuan Yang di-Pertua,

8. Susulan lawatan tersebut, Majlis Hak Asasi Manusia PBB juga telah mengadakan sesi khas di Geneva, Switzerland pada 26 Mei 2009 bagi membincangkan kedudukan hak asasi manusia di Sri Lanka. Sesi Khas berkenaan menyaksikan draf resolusi Sri Lanka diterima. Resolusi tersebut menyediakan ruang kukuh kepada Sri Lanka untuk memberi tumpuan intensif kepada program-program pemulihan serta pembangunan dan penyatuan semula dengan memberi penekanan kepada prinsip-prinsip menghormati hak-hak asasi manusia, hak kesemua kelompok etnik termasuk masyarakat etnik Tamil tempatan.

9. Malaysia menyokong draf resolusi berkenaan kerana ianya selaras dengan pendirian negara berhubung dengan konflik di Sri Lanka. Selain itu, draf resolusi tersebut memberi tumpuan antara lain, kepada prinsip kebebasan, kedaulatan dan integriti wilayah sebagai asas kerjasama antarabangsa termasuk dengan PBB. Draft resolusi itu turut mendapat sokongan negara-negara Pergerakan Berkecuali dan Pertubuhan Persidangan Islam yang menjadi anggota Majlis Hak Asasi Manusia PBB.

Tuan Yang di-Pertua,

10. Sebagai tanda sokongan dan keprihatinan kepada Kerajaan Sri Lanka dalam usahanya menjayakan program kemanusiaan kepada mangsa-mangsa konflik berkenaan, Kerajaan Malaysia telah mengambil

keputusan menghulurkan bantuan kemanusiaan sebanyak USD 100 ribu kepada Kerajaan Sri Lanka. Bantuan tersebut akan digunakan Kerajaan Sri Lanka dalam pembelian makanan dan ubat-ubatan serta melaksanakan projek perumahan sementara untuk mangsa-mangsa konflik berkenaan. Satu jawatankuasa khas telah ditubuhkan oleh Kerajaan Sri Lanka bagi memastikan supaya semua bantuan kemanusiaan masyarakat antarabangsa dapat disalurkan kepada mereka yang disasarkan secara berkesan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : TUAN TAN AH ENG
TARIKH : 23 JUN 2009 (SELASA)
SOALAN : NO.115

Tuan Tan Ah Eng [Gelang Patah] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan :-

- (a) apakah pihak Kementerian bercadang untuk menurunkan kadar pinjaman PTPTN dari 4% hingga 1%; dan
- (b) berapakah jumlah pinjaman PTPTN sejak tahun 2008 kepada pelajar pengajian tinggi dan jumlah bayaran balik.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Selaras dengan keputusan Majlis Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam pada 28 Julai 2008 dan juga kelulusan Jemaah Menteri pada 6 Ogos 2008, PTPTN telah melaksanakan kaedah baru pembiayaan pendidikan dengan pengenaan Ujrah atau upah sebanyak 1% setahun atas kadar rata (*flat rate*) bagi menggantikan kaedah pinjaman sedia ada

yang mengenakan kos pentadbiran 3% dan 5% setahun atas baki berkurangan (*reducing balance*). Kaedah ini telah mula dilaksanakan ke atas kelulusan permohonan baru pembiayaan PTPTN bermula 22 Disember 2008. Manakala bagi peminjam sedia ada, tawaran pertukaran kepada kaedah ini akan dibuat secara berperingkat.

- (b) Sejak tahun 2008, sebanyak 190,349 pinjaman pendidikan PTPTN telah diluluskan yang melibatkan peruntukan sebanyak RM5.0 bilion. Manakala jumlah bayaran balik yang diterima bagi tempoh yang sama ialah sebanyak RM475 juta. Statistik ini mengambil kira kedudukan sehingga 30 April 2009.

PARLIMEN MALAYSIA

PERTANYAAN-PERTANYAAN BUKAN LISAN

PERTANYAAN: JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI MOHAMMAD NIZAR BIN
JAMALUDDIN [BUKIT GANTANG]**

TARIKH : 23 JUN 2009

**SOALAN : DATO' SERI MOHAMMAD NIZAR BIN
JAMALUDDIN meminta MENTERI
PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
menyatakan:**

apakah program R&D yang dilaksanakan oleh pihak Kementerian untuk memastikan peningkatan pendapatan penduduk luar bandar yang bergantung kepada hasil pertanian bermusim seperti durian yang terjejas teruk akibat daripada kurangnya pasaran jualan buah segar.

JAWAPAN : Oleh YB Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani

Yang Berhormat Dato' Seri,

Masalah penjualan atau pemasaran buah-buahan bermusim secara segar merupakan masalah ekonomi atau pasaran di mana penawaran melebihi permintaan. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) bertanggungjawab untuk menghadapi masalah ini dengan menjana teknologi yang boleh membantu dengan menukarkan buah-buahan segar kepada produk terproses bernilai-tambah yang mempunyai jangkamasa penyimpanan lebih lama dan berpotensi untuk dieksport ke luar negara.

Walau bagaimanapun, kemudahan pemprosesan perlu disediakan. Ini termasuk kemudahan penyimpanan yang baik bagi bahan mentah iaitu buah-buahan segar tersebut supaya ia tidak rosak dan sesuai untuk diproses, kemudahan penyimpanan kaedah dingin atau sejuk beku, pembungkusan dan rantai pengedaran yang efisien.

Beberapa contoh produk tambah nilai yang telah dibangun dari buah-buah bermusim seperti buah durian, rambutan, dokong dan cempedak adalah seperti berikut:-

- i) **Durian sejuk dingin** – untuk dimakan segar;
- ii) **Durian sejuk beku** – boleh disimpan lebih lama dan sesuai untuk tujuan eksport;
- iii) **Puri durian sejuk beku** – hasil separa proses ini boleh dijadikan bahan asas dan ingredien/ramuan bagi penghasilan produk;
- iv) **Produk makanan tradisional** - tempoyak, lempuk, dodol, wajik, dll. yang masih digemari di mana peningkatan dari segi ketahanan dan pembungkusan telah dibangun;
- v) **Produk baru** - sos durian bercili, sos durian desert (manis), gegulung durian, snek durian, intian durian, jem durian, kordial durian;
- vi) **Produk konfeksionari** – fudge durian, fudge durian coklat, karamel, toffee, jeli durian ;
- vii) **Serbuk durian** – boleh dijadikan ramuan atau ingredien bagi produk lain seperti tepung pra-campuran cucur durian, kek durian, snek, puding;
- viii) **Kepingan durian** – sebagai snek ;

- ix) **Dessert durian** – puding durian, puding durian bersama nata de coco, ais krim, dadih dan yogurt durian;
- x) **Rambutan dalam sirap/jus** – produk ditinkan dalam sirap atau jus, produk boleh dicampur dengan buah-buahan lain seperti nanas, nangka, betik dan lain-lain;
- xi) **Jem rambutan** – diproses menggunakan isi atau pulpa buah dan boleh di gunakan sebagai inti;
- xii) **Jeruk rambutan dalam sirap** – rambutan dijeruk dahulu dan dibotol dalam sirap;
- xiii) **Halwa rambutan** – produk kering, dimakan terus sebagai snek atau dicampur dalam campuran buah-buahan kering lain (mixed fruits);
- xiv) **Jus dan jus jernih dokong** – diproses dari isi dokong, jus boleh dicampur dengan jus buah-buahan lain ;
- xv) **Puri dokong sejuk beku** - hasil separa proses ini boleh dijadikan bahan asas bagi penghasilan produk seperti jus, jem, jeli dan lain-lain;
- xvi) **Produk konfeksioneri** – jeli dan kandi, boleh disalut dengan coklat;

- xvii) **Sos dokong** – sos pedas dokong, sos manisan dokong;
- xviii) **Puri cempedak sejuk beku** - hasil separa proses ini boleh dijadikan bahan asas bagi penghasilan produk seperti jus, jem, sri kaya, kordial dan lain-lain;
- xix) **Jus dan kordial cempedak** – diproses dari isi buah segar atau puri sejukbeku, boleh dicampur dengan jus buah-buahan lain;
- xx) **Lempuk cempedak** – dihasil dari isi cempedak ;
- xxi) **Jem dan Sri Kaya cempedak** - diproses menggunakan isi atau pulpa buah; dan
- xxii) **Gegulung cempedak** – dimakan sebagai snek

NO.SOALAN : 118

Jawapan oleh YB Senator Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Tuan Azan bin Ismail [Indera Mahkota]

TARIKH : 23 Jun 2009 (Selasa)

**SOALAN : Tuan Azan bin Ismail [Indera Mahkota]
minta **PERDANA MENTERI** menyatakan
maksud sebenar dan keberkesanan konsep
"1 Malaysia" serta langkah-langkah dan
cadangan untuk memastikan kejayaannya.**

JAWAPAN:

Tuan Yang diPertua,

Sebenarnya, soalan ini telah dijawab oleh YAB Perdana Menteri pada pagi 15 Jun 2009 (Isnin) yang lalu semasa menjawab soalan 1 secara lisan serta soalan-soalan tambahan. Oleh itu, saya meminta Y.B. merujuk kepada jawapan YAB Perdana Menteri seperti yang dikepilkan.

LAMPIRAN

NO SOALAN : 1

JAWAPAN YAB PERDANA MENTERI:

Tuan Yang Di-Pertua,

Sejak saya mengambil alih tampuk kepimpinan negara tanggal 3 April yang lalu, saya telah utarakan sebuah konsep iaitu 1Malaysia sebagai teras pentadbiran saya. Sejak gagasan ini diketengahkan begitu banyak perbincangan dan perbahasan telah berlangsung dikalangan rakyat disemua peringkat. Malah pihak pembangkang tidak membuang masa untuk memutarbelit dan mentafsirkan gagasan ini mengikut definisi mereka sendiri, semata-mata dengan niat mengelirukan rakyat.

Izinkan saya menjawab pertanyaan-pertanyaan ahli-ahli Yang Berhormat di dewan yang mulia ini bagi memperjelaskan erti dan maksud gagasan 1Malaysia. Seperti yang telah saya sebutkan berkali-kali sebelum ini, termasuklah dalam ucapan saya sempena ulang tahun keputeraan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong pada 6 Jun yang lalu, 1Malaysia bukanlah konsep atau formula baru. Sebaliknya, matlamat akhir 1Malaysia iaitu perpaduan nasional juga merupakan wawasan utama pemimpin-pemimpin negara yang terdahulu, yang telah diterjemahkan dalam pelbagai rupa bentuk dan jelmaan sepanjang lebih lima dekad kita merdeka. Jika diamati, apa yang berubah adalah pendekatan dan gerak kerja menurut kesesuaian zaman dan generasi yang silih berganti.

Dalam erti kata lain, 1Malaysia adalah satu gagasan bagi memupuk perpaduan di kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum, berteraskan beberapa nilai-nilai penting yang seharusnya menjadi amalan setiap rakyat Malaysia. Ia bukan satu pendekatan yang terpisah dari dasar-dasar kerajaan Barisan Nasional sebelum ini, sebaliknya ia merupakan pelengkap kepada pendekatan-pendekatan yang sedia ada untuk mengukuhkan lagi perpaduan bagi menjamin kestabilan, ke arah mencapai kemajuan dan pembangunan yang lebih tinggi bagi rakyat dan negara Malaysia. Makanya, 1Malaysia digagaskan sebagai satu formula yang menjadi pra-syarat bagi memastikan aspirasi negara, iaitu Wawasan 2020 tercapai jika ia diterapkan ke dalam sanubari rakyat dan diamalkan oleh setiap lapisan masyarakat. Jika "Bangsa Malaysia" adalah matlamat akhir perjalanan ini, maka 1Malaysia adalah penunjuk haluan kearah matlamat itu. Pengertian ini adalah bertunjangkan hujah bahawa untuk mencapai status negara maju dalam jangkamasa yang telah ditetapkan, syarat yang paling utama ialah sebuah negara yang kukuh dan stabil dan ini akan hanya dapat dicapai apabila rakyatnya bersatu padu.

Perpaduan yang digambarkan oleh gagasan 1Malaysia amat berbeza dari konsep asimilasi yang diamalkan di negara-negara lain di mana identiti kaum-kaum etnik dilenyapkan dan diganti dengan satu identiti nasional yang sama. Ia juga sangat berbeza dari konsep *Malaysian Malaysia* parti pembangkang. 1Malaysia tidak sekali kali menyimpang daripada ruh perlembagaan persekutuan sebagai undang-undang negara sama ada secara tersurat atau secara tersirat. Malahan

gagasan 1Malaysia kekal menjunjung kesemua peruntukan teras seperti perkara 3, perkara 4, perkara 152, perkara 153, bahagian 2 dan bahagian 3 seperti mana termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Oleh yang demikian, janganlah mana-mana pihak berasa kluatir atau menaruh syak serta bimbang bahawa konsep ini akan terpesong dari apa yang telah dipersetujui dan dimuafakatkan oleh bapa-bapa negara suatu ketika yang lalu.

Sebaliknya 1Malaysia menghargai dan menghormati identiti-identiti etnik setiap kaum di Malaysia, dan menganggapnya sebagai satu aset atau kelebihan yang patut dibanggakan. 1 Malaysia menekankan sikap "Penerimaan" di kalangan rakyat berbilang kaum, di mana sesuatu kaum menerima keunikan kaum yang lain seadanya agar dapat kita hidup bersama dalam keadaan saling hormat menghormati sebagai rakyat dalam satu negara. Ia adalah peningkatan ketara dari sikap toleransi semata-mata.

Menjadi asas kepada semua ini adalah prinsip keadilan untuk semua kaum, yang membawa maksud bahawa nasib semua rakyat Malaysia akan terbela dan tiada mana-mana pihak akan dipinggirkan. Keadilan ini mestilah mengambil kira taraf kemajuan kaum-kaum yang berada pada tahap yang berbeza. Oleh itu, dasar-dasar kerajaan dan peruntukan-peruntukan Perlembagaan yang memberikan pembelaan kepada golongan yang memerlukannya, akan tetap dilaksanakan.

Tuan yang dipertua,

1Malaysia adalah penerusan agenda membina negara. Untuk mencapai kemajuan bagi negara, rakyat perlu dimajukan terlebih dahulu, dan ini dimulakan dengan membentuk sikap penerimaan antara kaum, yang membawa kepada perpaduan yang utuh. Apabila perpaduan dicapai, maka urusan pembangunan negara akan berjalan dengan lebih lancar.

Formula 1Malaysia digagaskan akan terlaksana dalam dua aspek utama. Aspek pertama ialah penerapan **Teras-Teras Perpaduan** manakala aspek kedua adalah penerapan **Nilai-nilai aspirasi**.

Teras-terras perpaduan adalah tiga perkara yang telah saya huraikan sebentar tadi iaitu pertama, sikap "**penerimaan**" antara semua kaum dan rakyat Malaysia; kedua, **prinsip-prinsip kenegaraan berasaskan Perlembagaan Persekutuan dan rukun negara**; dan ketiga adalah **keadilan sosial**. Teras-terras Perpaduan ini pula didokongi oleh nilai-nilai murni yang perlu menjadi sebahagian dari budaya hidup rakyat Malaysia termasuklah nilai-nilai seperti hormat menghormati, Tawadhuk, kesederhanaan dalam tingkah laku dan tuturkata serta kebijaksanaan dalam sebarang keputusan dan tindakan.

Aspek kedua formula 1Malaysia pula menekankan elemen-elemen yang perlu menjadi amalan mana-mana masyarakat yang ingin berdaya maju dan berjaya. Elemen-elemen tersebut merangkumi Budaya kecemerlangan dalam melaksanakan semua tugas dan tanggungjawab; Budaya ketepatan dari segi menghormati waktu dan

meningkatkan kecekapan; keberanian untuk berinovasi dan meneroka peluang-peluang baru; meritokrasi dalam memberikan tugas kepada yang paling layak melaksanakannya berlandaskan undang-undang dan dasar negara; kesetiaan yang tidak berbelah bagi kepada tanahair tercinta; ketabahan dalam mengharungi sebarang cabaran yang mendatang dan integriti dalam segala urusan dan transaksi. Pembudayaan nilai-nilai Aspirasi ini akan menyerlahkan Masyarakat Malaysia yang berwibawa, dihormati dan disegani, bersesuaian dengan identity sebuah negarabangsa yang maju dan berjaya.

Tuan Yang Di-Pertua

Dalam melaksanakan komitmennya terhadap rakyat, Kerajaan telah mengutarakan tema “Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan” sebagai sebahagian dari konsep 1Malaysia. Tema ini membawa maksud bahawa di samping menekankan peri-pentingnya perpaduan rakyat Malaysia, kerajaan juga akan memberikan keutamaan kepada isu-isu yang dianggap penting oleh rakyat. Kerajaan juga menekankan prestasi dan pencapaian oleh semua kakitangannya apabila berurusan dengan rakyat. Dalam kata lain, kerajaan amat memahami betapa pentingnya kecekapan dan kualiti perkhidmatan awam dalam meningkatkan mutu hidup rakyat justeru itu pendekatan mesra-rakyat akan diberi keutamaan oleh semua agensi-agensi kerajaan.

Sehubungan dengan itu, KPI akan digunapakai bagi semua kementerian, jabatan dan agensi kerajaan dan ini akan diterjemahkan

perlaksanaannya ke semua peringkat termasuklah diperikat hubungan langsung orang ramai dengan kakitangan kerajaan. Seorang Menteri dijabat Perdana Menteri ditugaskan khas untuk memastikan kelancaran pelaksanaan KPI ini. YB Menteri berkenaan akan memberikan penerangan selanjutnya tentang KPI dan perancangan spesifik yang akan dilaksanakan bagi menterjemahkan hasrat kerajaan.

Segala inisiatif-inisiatif ini diharapkan akan membawa perubahan yang nyata bukan sahaja kepada urusan pentadbiran negara, tetapi lebih penting ia akan membawa penambahbaikan kepada kualiti hidup rakyat Malaysia. Diatas segalanya, 1Malaysia "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan" diyakini akan menjana satu transformasi ketara, ke arah sebuah negara Malaysia yang maju, didokongi oleh rakyat yang utuh perpaduannya dan tinggi martabatnya pada pandangan dunia.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DATO' RASHID BIN DIN [MERBOK]**

TARIKH : **23 JUN 2009**

SOALAN : 119

Dato' Rashid bin Din [Merbok] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tiadakah satu perancangan kerjaya (*career development*) yang berkesan dalam perkhidmatan awam, misalnya, perkhidmatan Ketua Setiausaha Negara terpaksa dilanjutkan kontrak selama dua kali (2 tahun + 1 tahun). Adakah ini bermakna cara jalan perkhidmatan awam tidak mampu melatih pengganti beliau, kebelakangan ini.

JAWAPAN : **YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI AZIZ**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Program Pelan Penggantian bagi jawatan-jawatan utama sektor awam yang berprofil tinggi mengikut skim perjawatan sememangnya dilaksanakan dalam perkhidmatan awam. Program ini bertujuan bagi menyediakan pegawai atau calon yang bersesuaian dan berkelayakan untuk menyanggah jawatan berkenaan apabila kosong kelak.

Kerajaan secara konsisten sentiasa memperlengkapkan barisan pelapis kepimpinan pengurusan tertinggi sektor awam di pelbagai skim dengan pengetahuan dan keperluan kepakaran terkini yang praktikal sebelum diberi tanggungjawab sepenuhnya menerajui sesuatu agensi di masa hadapan.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa jawatan utama dan terpilih sektor awam di mana lantikan penyanggah adalah berdasarkan keperluan perkhidmatan, kepakaran dan pengalaman pegawai, yang masih diperlukan oleh Kerajaan dan Negara. Perkhidmatan pegawai-pegawai di dalam kategori ini boleh dilanjutkan selepas tarikh bersara wajib mereka.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
(SELAYANG)**

TARIKH : 23 JUN 2009 (SELASA)

SOALAN :

Y.B. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN (SELAYANG) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah rumah kos rendah yang telah disiapkan tetapi tidak dapat dijual atau disewakan mengikut negeri dan jumlah di seluruh Negara dan sebab-sebab mengapa rumah ini tidak dapat dijual/disewa serta langkah-langkah untuk menangani masalah ini.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Terima kasih diucapkan kepada Ahli Yang Berhormat atas soalan ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Perumahan Negara telah dipertanggungjawab untuk melaksanakan rumah kos rendah di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR) iaitu PPR Disewa dan PPR Dimiliki melalui peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Persekutuan.

Jumlah rumah PPR yang telah disiapkan sehingga kini adalah sebanyak 68 projek (54,908 unit) iaitu 51 projek (52,240 unit) di bawah PPR Disewa dan 17 projek (2,668 unit) di bawah PPR Dimiliki (di negeri Pahang). Kerajaan-Kerajaan Negeri diberi tanggungjawab untuk menguruskan sewaan atau penjualan unit-unit PPR berkenaan.

Bagi projek PPR Disewa yang telah disiapkan, sebanyak 40,551 unit (77.62%) telah diduduki. Bagi PPR Dimiliki pula, sebanyak 2,481 unit (92.99%) telah dijual. Di antara sebab-sebab kelewatan pengisian dan penjualan unit-unit adalah seperti keenganan golongan setinggian yang telah dikenalpasti untuk berpindah, lokasi projek yang tidak sesuai seperti jauh daripada kemudahan awam, kesukaran mendapatkan pembiayaan daripada institusi kewangan dan prosedur pengisian yang mengambil tempoh yang lama.

Bagi unit-unit rumah yang belum disewakan atau dijual, Kerajaan-Kerajaan Negeri berkenaan telah menyediakan Pelan Tindakan untuk mengisi atau menjual unit-unit berkenaan pada kadar yang segera. Selain itu, pihak Kerajaan telah mengambil beberapa langkah bagi mempercepatkan pengisian dan penjualan. Di antaranya seperti mempercepatkan prosedur pengisian dan penjualan, menyelaraskan pembiayaan dengan pihak institusi kewangan,

meningkatkan penguatkuasaan dalam penempatan semula setinggaan dan memperbaiki unit-unit rosak.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Jun 2009

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN
[SEPANGGAR]
TARIKH : 23 JUN 2009
RUJUKAN : 1839

PERTANYAAN :

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan pecahan bilangan rakyat Indonesia, Filipina dan lain-lain yang mendapat kerakyatan sebagai Warganegara Malaysia di Sabah sejak tahun 1970-1990. Berapa jumlah anak-beranak daripada warga/kaum itu dalam masa tempoh 20 tahun tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Sepanggar yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari tahun 1970 hingga 1990, seramai **50 orang warganegara Indonesia** dan **7 orang warganegara Filipina** telah diluluskan permohonan taraf kewarganegaraan mereka.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN MOHD FIRDAUS BIN
JAAFAR (JERAI)**

TARIKH : 23 JUN 2009 (SELASA)

SOALAN :

YB Tuan Mohd Firdaus bin Jaafar (Jerai) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan jumlah keseluruhan permohonan bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi negeri Kedah untuk tahun 2008 dan suku pertama 2009 dan nyatakan peratusan permohonan yang telah diproses dan jumlah keseluruhan peruntukan yang telah diproses dan jumlah keseluruhan peruntukan yang telah diluluskan bagi permohonan-permohonan tersebut.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah keseluruhan permohonan bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi negeri Kedah untuk tahun 2008 ialah sebanyak 16,764 kes manakala bagi suku tahun pertama 2009 (Januari hingga Mac) adalah sebanyak 7,584 kes.

Kesemua permohonan bagi tahun 2008 telah selesai diproses manakala bagi suku tahun pertama 2009 sebanyak 76 peratus (%) iaitu sebanyak 5,750 kes telahpun selesai diproses.

Jumlah peruntukan yang telah diluluskan kepada penerima bantuan bagi tahun 2008 adalah sebanyak RM 40,967,572. manakala bagi suku tahun pertama 2009 adalah sebanyak RM 13,259, 462.

SOALAN NO. 123

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM
KAWASAN : PERMATANG PAUH
TARIKH : 23.06.2009 (SELASA)



Y.B. DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan jenis dan jumlah pinjaman dan geran yang dikeluarkan oleh SMIDEC, MOSTI dan MTDC serta kesannya dalam usaha membangun dan memperkasa Industri Kecil dan Sederhana. Senarai peratusan dan jumlah yang telah dimanfaatkan oleh syarikat-syarikat Bumiputera.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Dalam usaha membangun dan memperkasa Industri kecil dan sederhana, pelbagai program pembangunan enterpris kecil dan sederhana (EKS) dan skim bantuan kewangan dilaksanakan oleh Kerajaan. Antara Kementerian yang terlibat dalam pelaksanaan program-program pembangunan EKS adalah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Kementerian Pertanian, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi serta Kementerian Pembangunan Wilayah dan Luar Bandar.

MITI melalui Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC) menawarkan skim-skim bantuan kewangan berikut:

- Geran Bersamaan Untuk Permulaan Perniagaan;
- Geran Bersamaan Untuk Peningkatan Produk dan Proses;
- Geran Bersamaan Untuk Persijilan dan Sistem Pengurusan Kualiti;
- Geran Bersamaan Untuk Peningkatan Keupayaan Rekabentuk Pembungkusan Produk;
- Geran Bersamaan Untuk Pembangunan Dan Promosi Produk Halal;
- Skim Pinjaman Mudah bagi Penempatan Semula Kilang;
- Skim Pinjaman Mudah untuk EKS; dan
- Skim Pinjaman Mudah untuk Penerapan Aplikasi ICT.

Sehingga 30 April 2009, SMIDEC telah meluluskan sebanyak 8,070 permohonan bagi Geran Bersamaan bernilai RM389.02 juta dan 968 permohonan untuk Skim Pinjaman Mudah bernilai RM641.62 juta.

Daripada jumlah tersebut, bagi Geran Bersamaan, sebanyak 3,037 permohonan diluluskan bagi EKS Bumiputera bernilai RM152.4 juta manakala 5,033 permohonan diluluskan bagi EKS bukan Bumiputera dengan jumlah geran RM236.62 juta.

Bagi Skim Pinjaman Mudah, sebanyak 171 permohonan diluluskan bagi EKS Bumiputera dengan jumlah pinjaman RM113.69 juta manakala 797 permohonan diluluskan bagi EKS bukan Bumiputera dengan jumlah pinjaman RM527.93 juta.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9), MOSTI telah menawarkan 16 dana yang merangkumi aktiviti penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan membabitkan peruntukan sebanyak RM2,718.56 juta. Kumpulan sasaran bagi dana-dana tersebut adalah meliputi penyelidik, komuniti dan pihak Industri.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak 6 dana yang ditawarkan kepada kumpulan Industri dan Sederhana yang melibatkan peruntukan sebanyak RM1,325.90 juta. Keenam-enam dana ini telah dikendalikan oleh Kementerian dan Agensi-agensi MOSTI iaitu MDEC dan MTDC. Antara dana-dana yang ditawarkan kepada kumpulan Industri dan Sederhana adalah dana TechnoFund, InnoFund, Tabung Pembangunan Industri Kandungan (E-Content Fund), Dana Perolehan Teknologi (Technology Acquisition Fund), Dana Pengkomersialan R&D (Commercialisation of R&D) dan MSC Pre Seed.

Dari jumlah keseluruhan 832 projek yang diluluskan di bawah kesemua dana ini, 499 adalah penyertaan dari Bumiputera. Sejumlah 59.97 peratus dari keseluruhan nilai projek yang diluluskan sebanyak RM806.66 juta telah dimanfaatkan oleh syarikat Bumiputera tersebut.

Program-program yang dijalankan oleh SMIDEC dan Agensi Kerajaan yang lain memberi kesan kepada syarikat EKS dari segi:

- **peningkatan kapasitas pengeluaran;**
- **mempertingkatkan dan memperbaiki keupayaan rekabentuk pembungkusan dan pelabelan produk;**
- **mempertingkatkan strategi pemasaran;**
- **memenuhi keperluan persijilan dan sistem pengurusan kualiti; dan**
- **membangun dan mempromosikan produk-produk EKS termasuk produk Halal.**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Dato' Haji Ab. Halim Bin Ab. Rahman
[Pengkalan Chepa
TARIKH : 25 JUN 2009
SOALAN :

Dato' Haji Ab. Halim Bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan bersetuju bahawa konflik politik berlanjutan di Perak. Sekiranya tidak, apakah langkah-langkah yang wajar untuk memulihkan kejernihan keadaan politik di Perak.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

Sebenarnya tidak wujud sebarang konflik politik yang berlanjutan di Perak. Namun begitu umum mengetahui bahawa pergolakan kedudukan Menteri Besar di Perak masih lagi di peringkat penentuan oleh Mahkamah.

Walaupun Mahkamah Rayuan dengan keputusan sebulat suara (3-0) telah membuat keputusan berkaitan kedudukan Menteri Besar Perak, bekas Menteri Besar telah memfailkan permohonan "leave to file an appeal" [dengan izin] ke peringkat Mahkamah Persekutuan untuk mencabar keputusan ini. Oleh itu adalah subjudice untuk sebarang komen atau ulasan diberikan berkaitan isu ini.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. TUAN HAJI NASHARUDIN BIN
MAT ISA [BACHOK]**
TARIKH : **23 JUN 2009**

SOALAN :

TUAN HAJI NASHARUDIN BIN MAT ISA minta **PERDANA MENTERI** menyatakan prosedur yang diambil untuk menyelesaikan isu agama terutamanya yang berkaitan dengan kepentingan agama.

JAWAPAN :

Bagi menyelesaikan isu-isu agama terutamanya yang berkaitan dengan kepentingan agama, Kerajaan mempunyai prosedur-prosedur tertentu yang dilaksanakan melalui sekretariat dan jawatankuasa yang dibentuk. Antaranya Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia, Majlis Perundingan Islam, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia, Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan, Persidangan Pengerusi-pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam Malaysia, Persidangan Ketua-ketua Jabatan/Majlis Agama Islam Negeri Seluruh Malaysia, Panel Kajian Aqidah, Panel Kajian Syariah

dan Majlis Penasihat Syariah. Setiap Jawatankuasa yang dibentuk ini mempunyai fungsi mereka masing-masing dalam menyelesaikan isu agama terutamanya yang berkaitan dengan kepentingan agama.

Sesuatu isu agama yang ditimbulkan akan dibuat kajian terlebih dahulu oleh Jakim sebelum dibincangkan dan diputuskan oleh Jawatankuasa yang berkaitan.

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. Antara Jawatankuasa yang ditubuhkan dalam menyelesaikan isu agama terutamanya yang berkaitan dengan kepentingan agama dan fungsi-fungsi mereka adalah seperti yang berikut:
 - (a) Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia
 - i. Membincang, menimbang dan menguruskan apa-apa perkara yang dirujuk kepada Majlis oleh Majlis Raja-Raja, mana-mana Kerajaan Negeri atau Majlis Ugama Islam Negeri atau seseorang ahli Majlis, dengan tujuan hendak memberi nasihat atau pengesyoran; dan
 - ii. Memberi nasihat kepada Majlis Raja-Raja, Kerajaan Negeri atau Majlis Ugama Islam Negeri atas apa-apa perkara berkenaan dengan perundangan atau pentadbiran Ugama Islam dan pelajaran Ugama Islam,

dengan tujuan hendak memperbaiki, menyamakan atau menggalak persamaan undang-undang atau pentadbiran.

(b) Majlis Perundingan Islam

- i. Menapis dan menilai cadangan-cadangan berkenaan dengan unsur-unsur Islam yang boleh dijadikan asas dan pegangan kepada usaha-usaha pembangunan dan pentadbiran Negara; dan
- ii. Memberi nasihat asas (first opinion) dan nasihat lanjutan (second opinion) di samping membuat penyesuaian-penyediaan terhadap bentuk teknologi mengikut lunas-lunas Islam.

(c) Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia

- i. Menimbang, memutuskan dan mengeluarkan fatwa atas apa-apa perkara berkenaan Agama Islam yang dirujuk kepadanya oleh Majlis Raja-Raja ; dan
- ii. Mengemukakan apa-apa pendapat Jawatankuasa kepada MKI yang akan menghantarkannya bersama dengan pengesyoran-pengesyoran kepada Majlis Raja-Raja.

- (d) Persidangan Pengerusi-pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam Malaysia
- i. Membincang dan menimbangankan cadangan-cadangan bagi meningkatkan pembangunan dan kemajuan pengurusan hal ehwal Islam di Malaysia; dan
 - ii. Menyelaras hal-hal yang berkaitan dengan pentadbiran hal ehwal Islam di Malaysia.
- (e) Persidangan Ketua-ketua Jabatan/Majlis Agama Islam Negeri Seluruh Malaysia
- i. Mengerat dan mengukuh kerjasama di antara Ketua-ketua Jabatan Ugama Islam yang mengambil bahagian, dalam bidang pentadbiran dan semua kegiatan yang berhubung dengan ugama Islam;
 - ii. Menyelaras serta mengujudkan keseragaman dalam pentadbiran dan pelaksanaan Hukum Syara' di Negeri-negeri dalam Malaysia; dan
 - iii. Meninjau dan mempelajari kemajuan-kemajuan yang dicapai oleh sesebuah Jabatan Ugama dan Negeri

berkenaan untuk menjadi panduan dan contoh kepada Jabatan-jabatan Ugama yang lain.

- (f) Panel Kajian Aqidah berfungsi untuk membincangkan isu-isu berkaitan dengan aqidah.
 - (g) Panel Kajian Syariah berfungsi untuk membincangkan isu-isu berkaitan dengan syariah.
 - (h) Majlis Penasihat Syariah berfungsi untuk membincangkan isu-isu berkaitan dengan ekonomi dan muamalat.
2. Disamping itu juga, bagi menyelesaikan isu-isu agama terutamanya yang berkaitan dengan kepentingan agama, Kerajaan sentiasa mengambil langkah berhati-hati dalam memastikan keputusan yang dicapai menepati kehendak Syarak dan selaras dengan Perlembagaan Persekutuan serta undang-undang lain yang berkuatkuasa.
 3. Isu yang melibatkan kepentingan agama ini adalah merupakan isu yang sensitif dan perlu ditangani secara bijaksana dengan mengambilkira situasi dan keadaan semasa masyarakat dalam negara ini.
 4. Prosedur yang diambil bagi menyelesaikan isu dan permasalahan tersebut adalah seperti yang berikut :

NO. SOALAN : 125

- (i) Mengenalpasti punca permasalahan atau isu yang dibangkitkan;
 - (ii) Setelah punca permasalahan tersebut telah dikenalpasti, kajian akan dilakukan secara terperinci dengan merujuk kepada Hukum Syarak dan peruntukan undang-undang yang berkaitan;
 - (iii) Seterusnya, perkara tersebut dimaklumkan kepada pihak-pihak yang terlibat tentang langkah penyelesaian yang perlu diambil berpandukan kepada undang-undang yang sedia ada.
5. Selain daripada itu, dalam menangani isu-isu sensitif seperti ini, Kerajaan akan sentiasa bersikap adil dan saksama di antara pihak-pihak yang terlibat.

SOALAN NO: 126

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN CHUA TIAN CHANG [BATU]
TARIKH : 23 JUN 2009
RUJUKAN : 1836

SOALAN:

Tuan Chua Tian Chang [Batu] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-

(a) sama ada YAB Perdana Menteri berhasrat memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dan Akta Penerbitan dan Percetakan; dan

(b) jika ya, bilakah YAB Perdana Menteri akan mengemukakan Akta-akta tersebut ke Parlimen dan jika tidak, apakah sebabnya.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Izinkan saya menjawab soalan ini bersama soalan-soalan dari Yang Berhormat Nibong Tebal bertarikh 15 Jun 2009, Yang Berhormat Batu bertarikh 23 Jun 2009, Yang Berhormat Rantau Panjang bertarikh 29 Jun 2009 dan Yang Berhormat Bukit Katil bertarikh 30 Jun 2009 kerana soalan-soalan tersebut adalah berkaitan antara satu sama lain. Saya mengucapkan terima kasih kepada ahli-ahli Yang Berhormat Bukit Gelugor, Nibong Tebal, Batu, Rantau Panjang dan Bukit Katil yang telah mengemukakan soalan-soalan.

Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, sehingga kini, Kerajaan tidak berhasrat untuk memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri (AKDN) 1960, memandangkan undang-undang tersebut masih lagi relevan dan terpakai dalam suasana keselamatan dan ketenteraman awam semasa negara ketika ini.

AKDN 1960 perlu dikekalkan kerana keberkesanannya di dalam mencegah sebarang perbuatan, kegiatan atau aktiviti berbentuk subversif ataupun yang boleh mengancam atau memudaratkan keselamatan negara dan ketenteraman awam. Di samping itu, daripada forum-forum yang diadakan oleh Kementerian, maklumbalas yang diterima menunjukkan sebahagian besar masyarakat masih merasakan bahawa AKDN 1960 itu masih relevan dan tidak bersetuju akta tersebut dimansuhkan.

Kerajaan, walau bagaimanapun, telah mengambil beberapa langkah perlu di dalam mengkaji semula peruntukan-peruntukan tertentu di bawah Akta ini, bagi tujuan penambahbaikan. Kementerian juga telah menubuhkan jawatankuasa khas bagi maksud ini.

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian melalui peruntukan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 adalah bertanggung-jawab untuk mengawal selia bahan-bahan bercetak supaya tidak menyiarkan bahan-bahan penerbitan yang memudaratkan atau mungkin memudaratkan dari aspek ketenteraman awam, kemoralan, keselamatan, atau yang mungkin menggemparkan fikiran orang ramai atau yang berlawanan dengan undang-undang dan mungkin memudaratkan kepentingan awam atau kepentingan negara.

Buat masa ini, Kementerian tidak bercadang memansuhkan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984. Namun demikian, Kementerian sedang meneliti Akta berkenaan bagi memastikan peruntukan-peruntukan sedia ada adalah selaras dengan keperluan semasa.